

Bab Tiga

Tahap Cita-cita Melaksana Undang-undang Islam di Malaysia

3.0 Pendahuluan

Dalam Bab Iepas telah dibicarakan latarbelakang politik, undang-undang dan sosiobudaya masyarakat di Tanah Melayu. Undang-undang Malaysia yang telah dicorakkan oleh British menjadi penentu kepada sistem perundungan di Malaysia. Pada umumnya proses pembuatan undang-undang di negara ini boleh dilakukan melalui dua saluran. Pertama melalui kehendak permimpin dan kemauan rakyat. Kedua melalui peruntukan yang ada dalam perlembagaan. Berdasarkan sistem ini, kerajaan dibentuk melalui mandat rakyat dalam pilihanraya sama ada di peringkat pusat walaupun negari. Dalam ertikata lain, rakyat menentukan kepimpinan kerajaan yang menguasai Parlimen [Dewan Rakyat dan Dewan Negara] dan Dewan Undangan Negeri (DUN). Kedua-dua badan tersebut bertanggungjawab dalam membuat dan meluluskan undang-undang di peringkat masing-masing¹. Ini bermaksud kedua-dua Dewan ini memainkan peranan penting dan memberi impak kepada cita-cita pelaksanaan undang-undang Islam, kerana dewan ini mempunyai kuasa perundungan dan kuasa eksekutif. Justeru itu sekiranya ahli yang dipilih menganggotai kedua-dua dewan relatif rendah dalam bidang yang diperkatakan, sudah pasti ia memberi implikasi kepada tahap cita-cita pelaksanaan perundungan Islam.² Kerajaan Malaysia berdasarkan kepada sistem pro-Barat, yang tidak bertunjang kepada nilai-nilai agama, di samping dasar perundangannya berteraskan kepada sistem perundungan British.³ Malaysia pada realitinya ditubuhkan bukan

¹ Lihat Perkara 4 [2] a.b [3] a.b. Perlembagaan Persekutuan.

² Mohammad Sufian Hashim, An Introduction to the Constitution of Malaysia, cet. 2, Kuala Lumpur: Percetakan Kerajaan, 1976, hal. 75 - 76

berdasarkan kepada sistem akidah dan undang-undang Islam, tetapi sebuah negara yang mempunyai ideologi kebangsaan. Undang-undang yang dilaksanakan kini terpisah daripada kehendak agama,³ dan pelaksanaan undang-undang Islam di negara ini banyak bergantung kepada kehendak kepimpinan dan perlembagaan yang wujud di dalamnya.

Bab ini akan membincangkan tahap cita-cita kerajaan dalam melaksana undang-undang Islam. Sebelum itu ia melihat aliran pemikiran pemimpin parti politik pemerintah, undang-undang perlembagaan dan peruntukan-peruntukan yang wujud di dalamnya serta beberapa perubahan yang dilakukan, aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh kerajaan dalam beberapa aspek, seperti dakwah, pendidikan, pentadbiran, kewangan dan peningkatan tahap kewibawaan Mahkamah Syariah.

3.1 Aliran Pemikiran Pemimpin

Pada peringkat awal, aliran pemikiran para pemimpin politik Malaysia pada umumnya masih dibelenggui oleh faham pro-Barat. Keadaan ini dapat dilihat ketika negara di bawah kepimpinan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj. Pengaruh barat tidak hanya nampak kepada kehidupan peribadi Tunku, tetapi jauh daripada itu. Selaku Perdana Menteri, beliau mempunyai kuasa eksekutif untuk mempengaruhi sistem pemerintahan sama ada kearah yang lebih Islam atau sebaliknya. Namun beliau tidak menggunakan kuasa dan pengaruh politiknya untuk melaksanakan sistem Islam tetapi sebaliknya beliau menggunakan pengaruh politiknya untuk mengekalkan sistem barat dalam pentadbiran negara. Bagi Tunku, negara merdeka adalah

³ Report of the Federation of Malaya Constitution Conference in London, 1956, dlm UMNO/YDP, No 20, 1957, Arkib Negara Malaysia.

⁴ Memorandum Parti Perikatan kepada Suruhanjaya Perlembagaan Reid dalam Fail Sulit UMNO/SUA 108/56 bil 800, Arkib Negara Malaysia, Lihat juga Tun Mohammed Salleh Abas, Prinsip-prinsip Perlembagaan dalam Pemerintahan di Malaysia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1968, hal. 322.

negara yang bermodelkan barat.⁵ Tunku tidak senang sekali dengan konsep negara Islam, iaitu negara yang mengamalkan sistem Islam yang menyeluruh. Pendirian beliau dapat dilihat semasa pendokumentasian Perlembagaan Malaysia, beliau menyebut:

*There has been included in the proposed Federal Constitution a declaration that Islam is the religion of the federation. This will in no way effect the present position of the federation as a secular state.*⁶

Tunku mengulangi pendiriannya pada tahun 1983 semasa menyambut harijadi yang ke-84. Tunku menasihatkan pemimpin UMNO agar tidak menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam.⁷ Tunku tidak melihat Islam sebagai satu cara hidup yang lengkap dan abadi yang mencakupi semua persoalan hidup. Imej Tunku sebagai seorang sekularis Melayu dapat dilihat daripada beberapa pendirian beliau terhadap perundangan Islam yang disifatkannya sebagai 'out-of date' dan tidak sesuai. Sikapnya ini tetap dipertahankan oleh Tunku walaupun mendapat kritikan daripada masyarakat. Tunku membala kritikan itu dengan kata-kata sebagai 'returning to the old days' dan sebagai undang-undang yang sudah lapuk.⁸

Sikap yang ditunjukkan oleh ketua kerajaan ketika itu adalah berpunca daripada rasa bimbang dan terlampaui Barat yang dimilikinya.⁹ Tunku berasa khuatir kalau-kalau imej Islam akan terjejas jikalau Islam dianggap kejam, mundur dan zalim apabila undang-undang Islam dilaksanakan. Sikap Tunku juga berpunca daripada beberapa peristiwa yang perlu diambil kira

⁵ Sidiq Fadhil, Pemikiran Barat Modern : Sikap para Cendikiawan Muslim dengan Tumpuan di Alam Melalu. Thesis Ph.D. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1986, hal. 78.

⁶ Legislative Council Paper No 42 of 1957.

⁷ "The country has a multiracial population with various belief. Malaysia must continue as a secular state with Islam as the official religions". The Star, 9 Feb 1984.

⁸ Lihat Tunku Abdul Rahman, View Points, Singapore: Heinamen Educational Books (Asia), 1978, hal. 179 - 182

semasa menuntut kemerdekaan, apabila beberapa tolak ansur telah dibuat antara orang-orang Melayu dengan bukan Melayu. Salah satu persefahaman yang dipersetujui ialah undang-undang Islam tidak akan dikenakan ke atas orang-orang bukan Islam.¹⁰ Justeru itu Tunku berpendapat adalah tidak sesuai untuk dilaksanakan undang-undang Islam dalam zaman moden ini. Katanya:

*Malaysian cannot practise Islam fully because about half of the population are not Muslim. There have a different culture and different ways of life, and they don't want Islam. Malaysians are generally a peace and love people. We don't want big changes to the values and traditions which we all practise.*¹¹

Kenyataan ini boleh mempengaruhi tahap cita-cita pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia, kerana Tunku berucap ketika itu atas kedudukannya sebagai Perdana Menteri yang mempunyai kuasa eksekutif dan dapat mempengaruhi proses penggubalan undang-undang di Parlimen. Walaupun Tunku bukanlah badan berkuasa undang-undang¹², kedudukan beliau sebagai ketua parti politik yang menguasai kerajaan pasti memberi kesan besar kepada cita-cita pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia.

Sejak merdeka, UMNO tidak mendahului parti-parti Melayu lain dalam soal pelaksanaan undang-undang Islam. Walau bagaimanapun elemen-elemen Islam masih ada dalam dasar UMNO. Perlombongan UMNO yang memperuntuk salah satu aspirasi perjuangannya adalah untuk menegakkan, mempertahankan dan mengembangkan Islam itu boleh ditafsirkan secara

⁹ Sidik Fadil, op.cit., hal. 79

¹⁰ Kamaruddin Jaafar, "Malay Political Parties: An Interpretative Essay", South Asian Affair, Singapore: 1979, hal. 216.

¹¹ Hussin Mutalib, Islam in Malaysia : From Revivalism to Islamic State, Singapore: University Press, 1993, hal. 94.

¹² Lihat Tunku Abdul Rahman, View Points, op.cit., hal. 183.

luas¹³. Penumpuan terhadap perkara ini telah dilakukan sejak kepimpinan Dato Onn Jaafar dengan mewujudkan *Jabatan Agama* dalam organisasi UMNO. Jabatan ini bertanggungjawab untuk memudahkan umat Islam menunaikan fardu haji¹⁴, mempertahankan kemuliaan dan kesucian agama Islam daripada dirosakkan¹⁵, menyuarakan kehendak dan keinginan umat Islam,¹⁶ dan prihatin dengan sistem dan pengurusan agama Islam negeri-negeri¹⁷. Beliau juga telah mencadangkan supaya dibentuk satu jawatan kuasa tetap agama. Jawatankuasa ini bertanggungjawab bagi mengendalikan persidangan alim ulama pertama pada tahun 1950 di Muar, Johor. Persidangan yang diketuai oleh Hj Abdullah Fahmi itu telah membincangkan hal ehwal pentadbiran agama Islam dan langkah-langkah untuk menjalankan dan memajukan pentadbiran agama Islam di Tanah Melayu.

Usaha menghimpun para ulama adalah satu inisiatif untuk mendekatkan ulama dengan politik hal ehwal awam dan negara. Perhimpunan juga membantu para ahli politik agar dapat berkerjasama dengan ulama. Sikap Dato Onn ini telah mengundang banyak tokoh ulama seperti Hj Jalil Hassan, Hj Ahmad Mahir, Hj Ahmad Maliki, Hj Ahmad Badawi dan Hj Ahmad Fuad.¹⁸ Persidangan memutuskan tiga resolusi iaitu penubuhan *Persatuan Ulama Melayu*,

¹³ Lihat Perlumbagaan UMNO, hal. 1.

¹⁴ UMNO telah menubuhkan Jawatankuasa Pusat yang beroperasi di Pulau Pinang dan Singapura. Tanggungjawab jawatankuasa ini adalah menguruskan soal penyewaan kapal bagi memudahkan orang ramai menunaikan haji dengan mengambil sedikit keuntungan. Lihat Ramlah Adam, *op.cit.*, hal. 53.

¹⁵ UMNO pernah menghantar memorandum untuk membantah keputusan Sultan yang melarang mendirikan surau di Pari Sembilan, Sabak Bernam Selangor, dengan alasan yang longgar.

¹⁶ UMNO telah mengambil tindakan kepada pemilik akhbar *Sevika* yang telah menyiarkan perkataan yang memalu dan menghina Nabi Muhammad Saw serta para Sahabatnya. Lihat UMNO/SG 107/1946.

¹⁷ Jabatan Agama UMNO telah mencadangkan dan meminta supaya skim gaji kadi dan mufti dinaikkan, supaya pentadbiran ugama Islam diseragamkan di antara negeri-negeri, dan supaya satu jawatan tertinggi diwujudkan. Mereka ini bertanggungjawab kepada pengawasan kerja-kerja kadi. Lihat Ramlah Adam *op.cit.*, hal. 105.

¹⁸ Lihat Ramlah Adam, Dato' Onn Jaafar Pengasas Kemerdekaan, *op.cit.*, hal. 174

pelantikan Jawatankuasa Sementara bagi menggubal perembagaan dan penerusan ikhtiar bagi menyatukan pentadbiran agama Islam dalam Persekutuan Tanah Melayu¹⁹. Ia telah mencadangkan penyusunan semula pentadbiran dan perjalanan hal ehwal Islam di Semenanjung dan mendirikan pentadbiran berpusat dalam bidang keagamaan²⁰. Dalam memperincikan kewajipan Majlis Mesyuarat Agama dan Adat Istiadat Melayu, UMNO telah mengarisi beberapa perkara untuk meningkatkan martabat perundangan Islam antaranya ialah, membuat undang-undang yang berkenaan dengan perkara agama Islam dan adat istiadat Melayu, merancang langkah-langkah bagi memajukan kehendak-kehendak agama Islam, merancang langkah-langkah bagi membaiki adat istiadat Melayu, merancang langkah-langkah dan tindakan bagi menjaga keselamatan agama Islam, dan menjadi penasihat kepada Yang diPertuan Agong dan Sultan.²¹

Cadangan-cadangan ini memperlihat UMNO telah berusaha untuk memperbaiki kedudukan agama Islam di Tanah Melayu walaupun belum mencapai kemerdekaan; Cita-cita untuk melihat agama Islam berkembang telah ada di kalangan pemimpin UMNO. UMNO bukan sebuah parti politik yang hanya memperjuangkan soal-soal pembangunan material semata, tetapi juga perkembangan spiritual dan ketinggian moral. Tun Abdul Razak menyatakan bahawa UMNO akan menyuburkan Islam dan nasionalisme dalam satu konteks yang boleh diterima oleh

¹⁹ Persatuan Ulama Malaya mengandungi 12 perwakilan daripada Jabatan Agama Islam, 12 Mufti seorang setiap negeri, seorang wakil India Muslim, dua orang wakil Arab dan 18 orang wakil UMNO. Lihat UMNO, Co 537/797, PMR No. 1, 31 Januari 1951. Lihat juga Ramlah Adam, *Islam Tercabar : Satu Pandangan Terhadap Perjuangan PAS*, Kuala Lumpur: Pustaka Ilmu, 1979, hal. 21.

²⁰ Persidangan itu juga telah mencadangkan, 1. Ditubuhkan setiap negeri Melayu yang bersekutu sebuah majlis agama dan adat istiadat Melayu. 2. Mendirikan dalam setiap negeri satu pejabat untuk menguruskan hal ehwal agama yang dinamai pejabat agama. 3. Ditubuhkan satu majlis mesyuarat yang berfaedah bagi seluruh Semenanjung Tanah Melayu yang dinamai Majlis Masyarakat Ulama Bersekutu.

²¹ Surat dari Salich Osman, Setiausaha Jabatan Perkara Agama UMNO, No [1] dlm UMNO

semua orang Melayu dan tidak membangkitkan kekhawatiran di kalangan orang bukan Melayu²². Komitmen UMNO dalam merealisasikan cita-cita Islamnya dilihat apabila mereka berjaya memasukkan perkataan '*Islam sebagai agama rasmi bagi Persekutuan*'²³ dalam Perlembagaan Malaysia. Kewujudan peruntukan itu telah memberi pengiktirafan kepada agama Islam dan membolehkan agama Islam berkembang dan mendapat pembiayaan negara. Peruntukan Perkara 3 dalam Perlembagaan telah memberi impak yang besar kepada perkembangan Islam di Malaysia.

Pemimpin UMNO dalam melahirkan pandangan tentang isu pelaksanaan undang-undang Islam tidaklah sendalam sebagaimana pemimpin PAS. Pada pemimpin UMNO, undang-undang Islam belum dapat dilaksanakan sepenuhnya di negara ini kerana berhadapan dengan masyarakat berbilang kaum²⁴. Pendapat ini sudah disanggahi oleh banyak pihak khususnya mereka yang berautoriti dalam perundungan Islam.²⁵ Penyelidik berpendangan bahawa tanggapan tersebut tercetus daripada faktor sejarah, latarbelakang pendidikan pemimpin dan persekitaran lingkungan yang telah membentuk dan mempengaruhi sikap serta identiti seseorang dan institusi yang mereka tadbirkar. Tunku Abdul Rahman adalah tokoh yang mendahului seramai penolakan hukum hudud iaitu hukum jenayah kejahatan yang sudah ditetapkan bentuknya, khasnya tentang hukum rejam kerana berzina. Tunku sangat menyesali golongan yang fanatik mempertahankan hukuman ini. Pada pandangan beliau buat masa ini, hal itu tidak sesuai, lagi pula umat Islam Malaysia hidup dalam masyarakat plural dan jumlah orang-orang Islam hanya 48% daripada total penduduk. Jadi peraturan seperti itu pada beliau

²² Wan Mohd. Mahyiddin, *op.cit.*, hal. 107

²³ Lihat perkara 3, Perlembagaan Malaysia.

²⁴ Mohammad Abu Bakar, Prof Madya, Kebangkitan Islam dalam Proses Politik di Malaysia. Kertas kerja yang dibentangkan dalam *Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu*, Kuala Lumpur: Utusan Melayu, 8 Sept 1979, hal. 25.

²⁵ Mahmood Zuhdi Abdul Majid. Ke Arah Merealisasikan Undang-undang Islam di Malaysia. Kuala Lumpur: Thinkers Library, 1988, hal. 32

tidak tepat dan tidak diterima oleh penganut agama lain. Pada Tunku, apabila hendak dijadikan undang-undang ia perlulah dikenakan kepada semua orang. Tunku beranggapan mungkin tidak tersedia cukup batu untuk merejam orang-orang Islam yang berzina.²⁶ Apabila berlaku satu tuntutan daripada masyarakat untuk menghukum para pememin arak dan pasangan berkhalwat dirotan, Tunku kembali menentangnya. Katanya hukuman ini sudah lapok dan ketinggalan zaman. Baginya kalau berita itu tersibar, padahnya pelancong akan menjauhkan diri dari Malaysia.²⁷ Tunku juga menganggap hukuman rotan itu sebagai antik dan ketinggalan zaman.²⁸

Dari satu sudut pemikiran Tunku begitu naif dengan undang-undang Islam, kerana menganggap agama Islam sebagai amalan 'ritual' dan simbolik semata-mata. Dari aspek lain Tunku tidak pula manafikan soal perkembangan Islam sepanjang pemerintahannya. Dalam membangun aspek ekonomi, Tunku tidak melupai perkembangan institusi ibadat seperti surau, masjid, institusi pendidikan agama seperti pondok dan madrasah. Acara seperti musabaqah al-Qur'an telah dijadikan acara tradisi negara, dengan bertujuan supaya masyarakat mencintai dan menghayati isi kandungan al-Qur'an. Majlis sambutan hari-hari kebesaran Islam seperti awal Muharram, Maulid Nabi, dan Malam Lailatul Qadr tetap diadakan. Aktiviti ini bertujuan sebagai pembangkit semangat untuk masyarakat menghayati Islam. Aktiviti –aktiviti begini telah dijadikan acara rasmi negara yang dianjurkan setiap tahun. Seminar-seminar dan kursus-kursus berhubung dengan Islam dilakukan tanpa ada sekatan atau gangguan daripada pihak kerajaan.²⁹

Walaupun tidak senang dengan pelaksanaan undang-undang Islam, tetapi Tunku tetap bercita-cita ingin menjadi Muslim yang baik. Kesedian Tunku mengetuai beberapa pertubuhan Islam dapat dilihat sebagai membantu perkembangan dan sistem perundangan Islam.

²⁶ Tunku Abdul Rahman, Sudut Pandangan, Kuala Lumpur: Heineman, 1979, hal. 30.

²⁷ Tunku Abdul Rahman, The Star, 21 Januari 1987, hal. 3. lihat juga Utusan Malaysia, 21 Januari 1987, hal. 5

²⁸ Ibid., 22 Januari 1987, hal. 4

²⁹ Lihat Husien Mutalib, op.cit., hal. 78.

Antaranya, menganggotai RISEAP, Setiausaha Agong kepada Sekretariat Islam di Jeddah, Pengurus pertama Bank Pembangunan Islam dan berusaha menubuhkan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) atas keprihatinan beliau dengan Islam katanya:

*Many Muslims easily forget what I did for them during my time, placing Islam in the Constitution, initiating the Qur'an competition which has been very well received by many Islamic countries, building mosques, my work in PERKIM, RISEAP and Secretary - General of the Islamic Secretariat in Jeddah.*³⁰

Tunku Abdul Rahman begitu bangga apabila banyak orang bukan Islam memeluk agama Islam, sehinggakan usaha-usaha yang dilakukan itu suatu yang mengembirakan jiwa dan perasaannya. Katanya:

*Tidak ada negara lain yang dapat menarik sebegitu ramai orang bukan Islam apabila seramai 160,000 orang telah memeluk agama Islam sejak merdeka.*³¹

Demikian juga negara di bawah kepimpinan Tun Abdul Razak bin Dato Hussin, Perdana Menteri kedua, dan Tun Hussien bin Dato Onn Perdana Menteri ketiga, menunjukkan cita-cita yang tidak banyak berbeza daripada kepimpinan Tunku. Tun Abdul Razak tidak menunjukkan sikap menentangnya terhadap perundangan Islam. Beliau juga tidak menunjukkan tahap relatif rendah dalam soal pelaksanaan undang-undang Islam. Namun daripada ucapan-ucapan yang dikemukakan tercermin minatnya kepada Islam dan perundangannya terzahir. Misalnya Tun Abdul Razak Presiden UMNO ketiga mengungkapkan begini:

Saya telah mengesyurkan kepada Majlis Hal Ehwal Agama Islam Malaysia supaya melantik satu jawatankuasa bagi mengadakan undang-undang pentadbiran Syariah terutama sekali yang menyentuh aspek nikah cerai orang

³⁰ Hussin Mutalib, ibid. hal. 95.

³¹ Wan Mahyiddin, op.cit., hal. 106

*Islam. Saya telah minta jawatankuasa ini membuat syor-syor untuk mengetatkan lagi undang-undang dan peraturan nikah cerai bagi orang Islam, sesuai dengan kehendak agama Islam yang sebenar*³²

Katanya lagi:

*Dalam usaha kita hendak meninggikan martabat Islam sebagai agama resmi negara, banyak kemudahan-kemudahan yang telah kita sediakan bagi rakyat dalam bidang pendidikan, pelajaran kepusat-pusat pengajian tinggi*³³

Di tempat yang lain beliau mengungkapkan:

*Saya berharap majlis ini akan dapat merumuskan langkah-langkah positif bagi meninggikan lagi syiar Islam di Malaysia amnya dan di Wilayah khasnya, dengan manaiakkan taraf kedudukan pegawai-pegawai agama.*³⁴

Didapati Tun Abdul Razak tidak menunjukkan sikap menentang dan tidak juga sikap bersungguhan dalam merealisasikan undang-undang Islam. Ini dapat dilihat apa yang pernah disebutnya:

*Sesungguhnya tidaklah di luar kebolehan kita hari ini untuk menghidupkan semangat ilmiah Islam dan menjalankan satu rancangan pengkajian dan penyelidikan bersama bagi mencapai kefahaman yang lebih baik dan erat lagi.*³⁵

Beliau telah melakarkan beberapa daya usaha yang telah dijalankan oleh kerajaan atas keprihatinannya terhadap agama Islam. Antaranya beliau menyebut:

³² Tun Abdul Razak Husein, Kearah Pengukuhan Negara. Ucapannya pada perhimpunan Agung UMNO, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka pada 24 - 25hb Jun 1972, hal. 123.

³³ Ucapan Tun Abdul Razak pada perasmian Sekolah Menengah Agama Pulau Tawar, Pahang pada 28hb Mac 1974, Arkib Negara Malaysia, hal. 108.

³⁴ Teks ucapan Tun Abdul Razak ketika Menubuhkan Wilayah Persekutuan pada 1hb Feb 1974. Arkib Negara Malaysia.

³⁵ Ucapan Tun Abdul Razak. Lihat Arkib Negara Malaysia, dlm Ucapan-ucapan penting Tun Abdul Razak.

*Kita telah membuktikan bahawa cita-cita dan azam kita hendak meninggikan Syiar Islam bukanlah tinggal cita-cita semata-mata bahkan boleh dilihat dengan jelas kejayaan yang dicapai*³⁶

Kata Tun Abdul Razak lagi:

*Dalam usaha kita hendak meninggikan martabat Islam sebagai agama rasmi banyak kemudahan yang telah disediakan bagi rakyat dalam bidang pendidikan, pelajaran mereka ke pusat pengajian tinggi seperti UKM, Kolej Islam...*³⁷

Hal yang sama juga berlaku kepada Tun Hussein Onn Presiden UMNO keempat dan Perdana Menteri ketiga. Walaupun ada usaha-usaha untuk mengangkat martabat Islam sebagai agama rasmi, dan penghayatan Islam secara menyeluruh, tetapi era Tun Hussein Onn belum lagi menyediakan agenda yang besar bagi perkembangan Islam dan sistem perundangannya. Sikap Tun Hussein Onn mempunyai pemikiran yang sama dengan kedua-dua pemimpin yang terdahulu. Tun Hussein Onn mengucapkan:

*Saya sudah memberi pengakuan disini bahawa kerajaan akan menjalankan apa jua langkah yang boleh dan sesuai bagi meninggikan lagi syiar dan kesucian Islam serta menjamin kedudukan yang tinggi agama suci ini sejajar dengan tarafnya sebagai agama resmi negara kita*³⁸

³⁶ Antara perkara yang beliau dikemukakannya ialah mengadakan pertandingan al-Qur'an, menjadi tuan rumah Persidangan kelima Menteri-menteri Luar Islam, pembinaan Masjid Negara, yang menjalankan kegiatan penting seperti Ma'ah tahlif, Kelas agama, dan perpustakaan Islam, melaksanakan sistem pendidikan Islam di semua peringkat, melancarkan Tabung Ekonomi Islam, menaikkan taraf pegawai agama Islam, mengiktiraf para Intelek Islam dengan memberi tempat dalam pentadbiran, menubuhkan *Yayasan Dakwah Islamiah*, mewujudkan *Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam* yang terangkum di dalamnya Institut Dakwah, Pusat Penyelidikan Islam, mencadangkan penubuhan *Bank Pembangunan Islam* dan pengiktirafan ijazah daripada Universiti Islam Asia Barat dan Utara Afrika.

³⁷ Ucapan Tun ketika upacara pembukaan rasmi Sekolah Menengah Ugama Pulau Tawar, pada 28hb Mac 1974, hal. 108.

³⁸ Tun Hussein Onn, Bersatu. Ucapan pada perhimpunan Agung UMNO. Kuala Lumpur: Hilton Hotel, 1 - 3 Julai 1977, hal. 239.

Katanya lagi,

Peruntukan telah dan akan terus disediakan oleh kerajaan pusat dan negeri bagi pembinaan masjid, surau dan keselesaan umat Islam beribadat kepada Allah, kerajaan mewajibkan bidang pengajian Islam kepada para pelajar Islam di sekolah-sekolah rendah, menengah dan pusat-pusat pengajian tinggi, memberi biasiswa bagi para pelajar yang melanjutkan pelajaran di universiti dalam pengajian Islam...³⁹

Dalam masa yang lain Tun Hussein Onn mengungkapkan

Malaysia adalah satu-satunya negara di dunia ini yang telah meletakkan taraf agama Islam di peringkat yang paling tinggi secara undang-undang, iaitu tercatat dalam perlembagaan Perkara 3.⁴⁰

Kedua-dua pemimpin ini tidak pernah mengungkapkan kesediaan kerajaan untuk merealisasikan sistem perundangan Islam, tetapi sekadar berusaha meningkatkan kualiti kefahaman masyarakat melalui sistem pendidikan, memberi ruang dan prasarana kepada perkembangan Islam dan cita-cita pelaksanaan undang-undang Islam⁴¹. Walaupun mereka lebih banyak menumpukan pembangunan negara dari aspek material tetapi soal-soal keagamaan tidak diabaikan.⁴²

Era kepimpinan Mahathir Mohamad, memperlihat perlakuan beberapa perkara yang dikira menampakkan tahap cita-cita kepada pelaksanaan undang-undang Islam. Antaranya,

³⁹ Lihat Hussein Onn, ucapan pada majlis penutupan Muktamar Dakwah Islamiyah Asia Tenggara dan Rantau Fasific, Kuala Lumpur: 14 Jan 1980

⁴⁰ Teks ucapan Tun Hussein Onn, pada upacara penutupan Muktamar Dakwah Islamiyah Asia Tenggara dan Rantau Pasifik, Kuala Lumpur: Dewan Tunku Abdul Rahman, pada 14hb Jan 1980, Arkib Negara Malaysia.

⁴¹ Perkara ini akan dibincang secara detail dalam Bab Empat apabila pengkaji meneliti beberapa perubahan-perubahan yang dilakukan oleh kerajaan dalam sistem pendidikan di Malaysia.

⁴² Hussin Mutalib, op.cit., hal 78.

dasar penerapan nilai-nilai Islam dalam kepimpinan dan pentadbiran negara, kepimpinan melalui teladan, pembantusan politik wang dalam UMNO dan kerajaan serta penguatkuasaan akta rasuah.⁴³ Tindakan berkenaan dianggap sebagai kesungguhan pemimpin kerajaan dalam merealisasikan sebahagian kecil daripada tuntutan agama. Dalam isu Hudud misalnya kerajaan secara terangan tidak menolak undang-undang ini. Yang menjadi pertikaianya ialah dari segi pendekatan pelaksanaannya sahaja. Buktinya ialah jawapan yang diberikan oleh Mahathir Mohamad dalam perbahasan di Dewan Rakyat pada 19 Mac 1982.⁴⁴

Sejak 1981 satu anjakan pradigma aliran pemikiran pimpinan negara untuk menunjukkan tahap cita-cita melaksana undang-undang Islam telah berlaku. Apabila Mahathir Mohamad menerajui kepimpinan UMNO sekaligus sebagai Perdana Menteri, kedudukan Islam bertambah kukuh dan mendapat tempat dalam pelaksanaan beberapa dasar negara. Perubahan ini berlaku ada hubungkaitnya dengan latarbelakang beliau dan pengaruh daripada persekitaran yang melingkunginya seperti desakan kumpulan gerakan dakwah, golongan intelek dan parti-parti politik Islam.⁴⁵ Mahathir Mohamad cuba menerapkan secara praktis prinsip-prinsip dan nilai-nilai agama dalam kehidupan dunia sejagat.⁴⁶

Kecenderungan Mahathir Mohamad melakukan proses Islamisasi dalam sistem kepimpinan dan kerajaan nampak ketara. Beliau tidak sukar untuk menerima cadangan dan

⁴³ Hussin Mutalib, Islam and Ethnicity in Malay Politics, op.cit., hal. 134.

⁴⁴ Lihat tentang jawapan yang dikemukakan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia dalam perbahasan di Dewan Rakyat pada 9hb Mac 1982. Antara jawapannya beliau tidak menafikan soal kewajipan untuk melaksana undang-undang Islam, tetapi pada beliau, undang-undang itu perlu dilaksanakan secara berhati-hati.

⁴⁵ Secara kebetulan Mahathir Mohamad, menjadi Perdana Menteri ketika arus kebangkitan Islam sudah bertapak begitu rancak. Generasi muda dari Institusi Pengajian Tinggi memainkan peranan penting dalam mendokong gerakan Islam. Masyarakat juga mula terimbau untuk menyahut bersama generasi muda, mendesak kerajaan supaya melaksanakan Islam, sebagai satu alternatif kepada sistem-sistem yang bertentangan dengan Islam dilaksanakan oleh kerajaan ketika itu. Lihat Hussin Mutalib, op.cit., hal. 79.

⁴⁶ Golam W Chuodhury, Toward an ideal non - Arab muslim Country : Malaysia dalam Islam And The Modern Muslim World, WHS Publications, Sdn Bhd, 1994, hal. 163.

tuntutan yang datang daripada pelbagai pihak untuk melaksana undang-undang Islam, cuma caranya sahaja berbeza. Katanya;

*What we mean by Islamization is the inculcation of Islamic values in government, such an inculcation is not the same as implementation of Islamic Laws in the country.*⁴⁷

Malah beliau menyatakan;

*Sebagai sebuah negara Islam, kita bersedia berkerjasama dengan mana-mana badan atau pertubuhan Islam di peringkat antarabangsa dalam usaha kita mengukuhkan kedudukan dan perpaduan umat Islam dalam perkembangan agama suci Allah.*⁴⁸

Pandangan Mahathir terhadap Islam agak moden dan banyak terpengaruh dengan aliran pemikiran moden.⁴⁹ Walau bagaimanapun, beliau melaksanakan banyak perkara yang memperlihat relatif tingginya cita-cita beliau terhadap Islam. Beliau telah cuba melakukan proses Islamisasi kepada sistem pentadbiran, kewangan dan perundangan sehingga dapat diterima oleh semua golongan sama ada Muslim mahupun non-Muslim. Kerajaan telah cuba menyediakan prasarana dari aspek persediaan pemikiran untuk menerima undang-undang, kehendak masyarakat, dan keupayaan negara dalam pelaksanaan undang-undang Islam.

Penganalisa politik antaranya Chandra Muzafar dan Muhammad Abu Bakar menganggap Mahathir Mohamad adalah tokoh yang terbabit terus kepada proses Islamisasi dalam UMNO dan kerajaan. Pendapat ini disandarkan kepada faktor. Pertama berasaskan kepada perkembangan pemikiran Islam dan pertumbuhan gerakan Islam di Malaysia yang

⁴⁷ Lihat wawancara bersama dengan Dr Mahathir : Utusan Melayu, 24 - 25hb Nov 1960

⁴⁸ Lihat Mahathir, Ucapan diupacara perasmian kursus kefahaman Islam Peringkat Kebangsaan. Bangi, UKM, 3 Mei 1982.

⁴⁹ Abdul Rahman Hj Abdullah, op.cit., hal. 123

berkisar sekitar tahun 1970 an.⁵⁰ Kedua keupayaan Mahathir mempengaruhi Anwar Ibrahim masuk UMNO, seorang yang kritikal dan radikal dengan pemikiran Islamnya. Anwar Ibrahim, tokoh yang berusaha membangkitkan semangat generasi muda menghayati Islam dan menentang dasar-dasar kerajaan yang tidak sesuai dengan Islam.⁵¹ Kemasukan beliau ke dalam UMNO adalah suatu kemenangan politik Mahathir Mohamad untuk memperkuuh UMNO dan proses Islamisasi dalam parti dan kerajaan. Zainuddin Maidin menulis:

*Beliau berjaya membawa masuk Anwar Ibrahim ke dalam UMNO. Seorang pemuda yang telah pun membuktikan bakat kepimpinan yang besar dan keunggulan sebagai pemimpin muda yang berpengaruh dan dihormati kerana keupayaannya mengembeling tenaga 'pressure group' yang dapat memberi cabaran kepada kerajaan*⁵²

Banyak institusi berubah kesan daripada proses Islamisasi, seperti institusi kewangan, institusi pendidikan, sistem pentadbiran dan pengurusan negara. Kuasa Mahkamah Syariah juga diangkat dengan cara menaikkan taraf kedudukan Mahkamah dan hakim-hakim Mahkamah Syariah, melakukan penyelarasan pelaksanaan Undang-undang Syariah bagi seluruh negara, menuahkan Jawatankuasa Teknikal Penyelarasan Undang-undang Syariah dan Sivil, mengadakan Badan Perundingan Islam (BPI), dan memberikan kesedaran kepada masyarakat

⁵⁰ Buku yang boleh dirujuk dalam membincangkan kebangkitan Islam ialah P. Gordon Means, Malaysian Politics: The Second Generation, Singapore: Oxford University Press, 1991. R S Mills and Mauzy, Politics and Government in Malaysia, Singapore: Times Books International, 1980. Dr Chandra Muzaffar, Islamic Resurgence in Malaysia, Petaling Jaya: Fajar Bakti, Sdn Bhd. 1987. Muhammad Abu Bakar, Islamic Revivalism and the Political Process in Malaysia, In Asian Survey, vol. xxi, no. 10. Zainah Anwar, Islamic Revivalism in Malaysia: Dakwah Among Students, Kuala Lumpur: Pelanduk Publication, 1987. Judith Nagata, The Reflowering of Malaysian Islam: Modern Religious Radicals and Their Roots, Vancouver: University of British Columbia Press, 1984. Hussin Mutalib, Islamic and Ethnicity in Malay Politics, Singapore: Oxford University Press, 1990 dan Islam in Malaysia from Revivalism to Islamic State, Singapore: University Singapore Press, 1993.

⁵¹ Ramlah Adam, op.cit., hal. 12.

⁵² Zainuddin Maidin, Mahathir di Sebalik Tabir, Kuala Lumpur: Utusan Publication, 1994, hal. 144.

dengan memperbanyak kursus, seminar dan dialog supaya kembali menghayati agama, menjemput para ulama Islam seperti Allahyarham Ismail Faruqi, Yusof Qardawi, Ahmad Tantawi Abdul Hamid Sulaiman, dan ulama lainnya datang ke Malaysia, mendirikan institusi pendidikan tinggi yang menjurus kepada melahirkan pakar dalam bidang perundangan Islam, memasukkan subjek perbandingan undang-undang Islam dan sivil di fakulti undang-undang tempatan, di samping memperkemas pentadbiran agama Islam di Jabatan Perdana Menteri. Semua program ini dilaksanakan atas dasar kesedaran dan keinginan kerajaan untuk mengangkat martabat agama Islam sebagai agama rasmi negara. Hussein Mutalib tidak meragui keupayaan kalau Malaysia hendak melaksanakan undang-undang Islam kini kerana beberapa faktor yang difikirkan sesuai yakni Islam adalah agama persekutuan dan kuasa agama di bawah raja-raja. Lagi pun Masyarakat Melayu sudah lama terdidik dengan budaya kelslaman, kuasa pemerintahan di tangan orang-orang Muslim dan gerakan Islam semangkin mendapat sokongan daripada massa.⁵³

Mahathir Mohamad tidak mengisi ruang sepenuhnya tentang keupayaan kerajaan melaksana undang-undang Islam. Beliau masih belum bersedia melaksana undang-undang Islam secara menyeluruh seperti Undang-undang Jenayah, Qisas dan Ta'zir. Isu hukum Jenayah Syariah yang dibangkitkan oleh PAS tidak mendapat reaksi positif dari kerajaan. Mahathir Mohamad tidak mahu menerima undang-undang ini kerana beliau berpendapat ia ciptaan PAS, dan beliau mendakwa ada beberapa kekurangan dalam Enakmen Jenayah syarie yang dikemukakan khususnya dari aspek keadilan. Malah beliau berpendapat hukum itu hendak dilaksanakan secara gopoh dan tidak cermat.⁵⁴

Pemimpin UMNO menguasai kepimpinan negara. Corak perundangan negara bergantung rapat kepada kehendak kepimpinan UMNO. Pemupukan nilai-nilai 'kelslaman' sama ada dalam kepimpinan UMNO maupun kerajaan nampak lebih ketara semasa kepimpinan Mahathir Mohamad. Walaupun kepimpinan UMNO sebelum beliau tidak mengkesampingkan

⁵³ Hussin Mutalib, *op.cit.*, hal. 80

soal-soal keagamaan, tetapi tahap pelaksanaannya dalam parti dan kerajaan lebih terbatas. Kecenderungan barisan pemimpin UMNO dalam menangani isu-isu Islam, bukan sahaja menyangkut isu-isu agama dalam UMNO, tetapi juga perkara yang bersabit dengan hal ehwal pentadbiran agama Islam di negeri-negeri Melayu.⁵⁵ Dekad 1970 an, Malaysia berhadapan dengan arus kebangkitan Islam⁵⁶. UMNO terpaksa menyesuaikan diri dengan iklim ini, dan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang berbentuk Islam.⁵⁷ Tindakan ini dibuat agar UMNO tidak dianggap sebagai parti yang menentang dan tidak berminat dengan Islam. Sesetengah pemerhati politik seperti Khoo Boo Teik melihat kesungguhan yang ditunjukkan itu semata-mata bertujuan untuk mengawal dan merancang terhadap kebangkitan Islam.⁵⁸ Pandangan itu sebenarnya tidak tepat, sebab Perkara 3 Perlumbagaan UMNO menyatakan perjuangannya untuk menegak, mempertahan dan mengembangkan Islam sebagai agama rasmi negara.

Mahathir Mohamad mengungkapkan:⁵⁹

⁵⁴ New Straits Times, May 23, 1992, hal. 3

⁵⁵ Perkara ini akan dibincangkan dalam tajuk Dasar-dasar Kerajaan, khusus dalam proses Islamisasi di Malaysia.

⁵⁶ Lihat Sidik Fadhil, Kebangkitan Umah, Kenyataan dan Harapan, Kuala Lumpur: 1977. Lihat juga Gagasan 21 Menangani Era Globalisasi Agenda Generasi Muda Serantau, Mustafa Kamil Ayub (penyusun), Kuala Lumpur: Persatuan Persekutuan Pelajar Islam Asia Tenggara, 1995.

⁵⁷ Lihat Funston, The Politics of Islamic Reassertion: Malaysia, op.cit., hal. 180. Lihat juga Khoo Boo Teik, Paradoxes of Mahathirism : An Intellectual Biography of Mahathir Mohamad, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1996, hal. 161.

⁵⁸ Khoo Boo Teik, ibid. hal. 161.

⁵⁹ "Under Mahathir leadership, the Malaysian Government could be said to become more supportive of Islam". Lihat Hussin Mutalib, Islam in Malaysia from Revivalism to Islamic State, Singapore: Singapore University Press, 1993, hal. 30.

Kalau kita melihat ucapan para pemimpin UMNO antaranya :

- i. Jawatankuasa UMNO Kota Baharu mengungkapkan " tiap-tiap jiwa bangsa Melayu haruslah menginsafi dengan sedalam-dalamnya akan kedudukan serta nasib agama, bangsa dan tanah air... dan dengan kesedaran dan keinsafan ini, kami anggota bahagian Kota Baru menyatu segenap jiwa bangsa Melayu di semua peringkat dan lapisan supaya bersatu.... Dan berdiri tegap bersama UMNO

kita adalah sebuah parti yang bertanggungjawab. apa yang terjadi kepada UMNO akan menentukan nasib agama dan bangsa di negara kita. Sebab itu kita mesti menentukan bahawa agama Islam tidak dipengaruhi oleh riak nafsu dan dengan itu kita akan hancur dan orang-orang Islam akan hancur di negara kita ini. Kita perlu pegang kuat kepada ajaran Islam yang sebenar...⁶⁰

Tahap cita-cita relatif tinggi kerajaan untuk merealisasikan undang-undang Islam diperkuuh dengan kemasukan Anwar Ibrahim ke dalam UMNO pada tahun 1982. Penglibatan Anwar Ibrahim dalam kerajaan menjadi aspirasi pimpinan negara untuk melaksana undang-undang Islam. Sebab Anwar Ibrahim terkenal dengan imej Islam dan diiktiraf dunia sebagai tokoh pemimpin gerakan Islam, yang diyakini mampu menangani persoalan pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia. Anwar memperakui keterlibatannya dalam UMNO dan kerajaan atas dasar dan keyakinan beliau terhadap perjuangan UMNO dan cita-cita politik kerajaan pada masa itu. Katanya:

Of course I agree with the Islamisation policies of the government. A major reason for my joining UMNO and the government was my belief that UMNO under Dr Mahathir is supportive of Islam. It's not my nature to claim that I was solely responsible for the many Islamic policies of the government in recent years but I'm trying my best to contribute to this Islamisation process, because I believe, Islamisation will do good for this country.⁶¹

untuk memperjuangkan kesucian dan kemuliaan agama..." Lihat Hamzah Abdul Ghani, Siaran Kota Baru, 1/53, syclostilescrip.

- iii. Ucapan Dato Musa Hitam "UMNO akan terus mara dan terus mara menjunjung dan menatang amanah rakyat. UMNO akan terus mara dan terus mara menjunjung dan menatang kedaulatan dan maruah bangsa. UMNO akan mara dan terus mara menjunjung dan menatang keluhuran dan kesucian agama Islam. UMNO akan mara dan terus mara menyalaikan obor cita-cita dan perjuangan serta mengibarkan panji-panji kemenangan. Teks ucapan Dato Musa Hitam pada perasmian Perhimpunan Agong Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO Malaysia, di PWTC, pada 1987

⁶⁰ Teks ucapan Dr Mahathir Mohammad, semasa merasmikan Perhimpunan Agong Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO, pada 14 Sept 1978, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 20

Malah kalangan sarjana Islam dalam dan luar negara menaruh keyakinan Anwar Ibrahim mampu melakukan sesuatu yang terbaik kepada sistem perundangan Islam sebagaimana yang sering diungkapkan dalam ucapan-ucapan dasar beliau semasa memimpin ABIM dari tahun 1973 sehingga 1981.⁶² Setelah beliau memasuki UMNO dan kerajaan, jiwa dan semangatnya untuk merealisasikan Islam sebagai agenda politiknya tidak berubah. Idea-idea ini digagaskannya dalam bukunya *Menangani Perubahan* [1989]⁶³ dan *Gelombang Kebangkitan Asia* [1997].⁶⁴ Dalam *Menangani Perubahan*, beliau melatarkan kesinambungan pemikiran beliau dengan idea-idea Islam yang lebih praktikal dan konfrehensif, mengajak masyarakat membina tamadun dan budaya berdasarkan kepada nilai-nilai agama. Keyakinan beliau terhadap Islam sebagai penyelesaian segala persoalan hidup telah dibentangkan dalam kedua-dua buku berkenaan. Berdasarkan kepada aliran pemikiran yang diterjemahkannya itu, memperlihatkan lagi kecenderungan beliau dalam menangani isu pelaksanaan undang-undang Islam di negara ini.

Kekuatan Anwar Ibrahim yang ketara ialah apabila beliau tidak memutuskan hubungan dengan para pimpinan parti pembangkang dan gerakan Islam. Persahabatan Anwar Ibrahim dengan memimpin PAS, memimpin ABIM tetap mesra, di samping hubungan beliau dengan tokoh-tokoh luar negara, seperti Syikh Ahmad Tantawi, Syikh Taha Jabir, dan Hasan Turabi tetap kukuh. Sekalipun kadang-kadang dalam senario pandangan politik mereka berbeza dalam menangani sesuatu masalah tetapi ini tidak memutuskan hubungan mereka. Anwar Ibrahim sendiri memperakui hakikat ini, katanya:

⁶¹ Hussin Mutalib, Islam In Malaysia from Revivalism to Islamic State, op.cit., hal. 92.

⁶² Sila rujuk Anwar Ibrahim, Koleksi Ucapan-ucapan Dasar di Muktamar-muktamar ABIM, dari tahun 1973 - 1981.

⁶³ Sila rujuk Anwar Ibrahim, Menangani Perubahan, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn Bhd, Kuala Lumpur, 1989.

⁶⁴ Sila rujuk Anwar Ibrahim, Gelombang Kebangkitan Asia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997.

I am in the government and no longer with ABIM but I still maintain contacts with them and with PAS leaders, because we all working toward the same objective, only our approach different...⁶⁵

Demikian juga kenyataan yang diungkapkan oleh Anwar Ibrahim:

UMNO berpandukan kepada agama Islam yang suci dan adat istiadat yang meletakkan nilai yang tinggi ke atas kehidupan keluarga, kepentingan menegakkan keadilan, bijaksana atas kehidupan serta amalan.⁶⁶

Demikian juga kenyataan Anwar Ibrahim bahawa penyertaannya dalam UMNO kerana tertarik dengan kepemimpinan Mahathir Mohamad yang membawa era baru agak lebih Islam dalam gerakan politik UMNO dan kerajaan. Peralihan pemikiran dalam kepimpinan UMNO tetap akan berlaku dan suatu perubahan pasti ada, sama ada secara ketara atau tidak. Kata Mahathir Mohamad.⁶⁷

UMNO tetap berubah setiap kali kepimpinannya berubah, UMNO di bawah kepimpinan Dato Onn Jaafar berbeza daripada UMNO di bawah pimpinan YM Tunku Abdul Rahman, yang berbeza pula UMNO dibawah Tun Razak yang berbeza dari UMNO di bawah Dato Hussein Onn, tetapi perbezaan adalah perbezaan stail...

Kenyataan Mahathir Mohamad itu memperlihatkan perubahan pemikiran dalam kepimpinan UMNO. Selain corak parti politik pemerintah dan sikap pimpinan negara, kewujudan cita-cita dalam melaksana undang-undang Islam dapat dilihat melalui aktiviti-aktiviti

⁶⁵ Hussin Mutalib, ibid., hal. 92.

⁶⁶ Anwar Ibrahim, UMNO; Wadah Perjuangan Abad 21, dim UMNO dalam Arus Perdana Politik Kebangsaan, Kuala Lumpur: Publication Sdn Bhd., hal. 28.

⁶⁷ Lihat ucapan Dr Mahathir Mohammad, ketika perasmian Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO di Dewan Bahasa dan Pustaka, pada 28hb Julai 1978. Semasa itu beliau adalah salah seorang Naib Presiden UMNO, kemudiannya diangkat oleh Tun Hussein Onn sebagai Timbalan Presiden parti. Tun Husein Onn mengambil teraki kepimpinan UMNO selepas pemergian Tun Abdul Razak ke Rahmatullah.

kerajaan. Antara usaha yang dilakukan oleh kerajaan ialah di bidang dakwah, pendidikan dan pentadbiran, pelaksanaan sistem muamalat Islam, pengemaskinian Mahkamah Syariah dan pemulihan pengurusan Jabatan Islam.

3.2 Undang-undang Dasar [Perlembagaan]

Perlembagaan adalah undang-undang dasar negara, segala undang-undang yang hendak dilulus dan dilaksanakan mestilah tidak bertentangan dengan perlembagaan. Perlembagaan yang dibentuk semasa hendak mencapai kemerdekaan 1957 mempunyai aspek-aspek penting sebagai cerminan kepada cita-cita yang relatif tinggi untuk melaksanakan undang-undang Islam. Perkara 3 (1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Islam adalah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan. Pada dasarnya, peruntukan ini tidak bertujuan untuk melaksana undang-undang Islam, dan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam.⁶⁸

Tetapi Islam dalam perlembagaan itu boleh ditafsir lebih luas dan mencakup.

Ahmad Ibrahim tidak menyetujui istilah agama Islam dalam peruntukan itu dilihat dari perspektif Barat, yang hanya menafsirkannya sebagai satu amalan *ritual* [amalan lazim] dengan tidak mencakupi amalan dalam bidang-bidang sosial, politik dan undang-undang. Beliau berpendapat perkataan agama itu hendaklah dilihat dan ditafsir dari perspektif Islam yang mencakupi semua bidang kehidupan. Pengamal-pengamal undang mesti bebas menafsirkan perkataan tersebut dan tidak terikat dengan tafsiran tradisi yang diwarisi daripada Barat.⁶⁹

Hashim Yeop Sani bekas hakim juga sependapat dengan Ahmad Ibrahim, dan menyatakan rasa

⁶⁸ Lihat laporan rasmi perdebatan Majlis Perundangan, 1 Mei 1958, ruang 4631 dan 4671-2. Lihat juga Tun Muhammad Sufian Hashim, The Relationship between Islam and the States in Malaya, Singapore: Intusari, Vol. 11, 1962, hal. 8.

⁶⁹ Ahmad Ibrahim, Undang-undang Islam Di Mahkamah Sivil, Kertas kerja bagi Simposium mengenai Pindaan Perlembagaan Malaysia, Jurnal Hukum, Jld. x Bhg. 11, Jun 1996, hal. 129 - 149.

tidak senang beliau terhadap pandangan yang dikemukakan oleh Sheridan dan H E Groves⁷⁰ yang mempersempitkan penggunaan istilah agama Islam dalam Perlembagaan.⁷¹

Bagi Ahmad Ibrahim, kedudukan agama Islam diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan adalah jelas, dan boleh digunakan dalam usaha untuk memperkembang agama Islam dari semua aspek termasuk soal-soal perundangan. Ahmad Ibrahim menyebut:

*oleh kerana itu tidak ada halangan dihujahkan kemudian bahawa oleh kerana Islam adalah agama Persekutuan, ini membolehkan ajaran Islam dimasukkan dan diterapkan dalam politik negara apabila masanya sesuai.*⁷²

Penggubal undang-undang boleh membuat satu penafsiran baru kepada peruntukan itu. Ahmad Ibrahim semasa menafsirkan perkataan agama dalam peruntukan berkenaan menyatakan, jika masyarakat bukan Islam memahami perkataan agama itu merangkumi bukan sahaja aspek kepercayaan dan amalan keagamaan, tetapi termasuk juga undang-undang yang terpakai kepada penganut-penganut agama ini, maka sepatutnya pengertian yang sama juga hendaklah diberikan kepada agama Islam, kerana Islam bukan sahaja satu kepercayaan keagamaan dan upacara agama, tetapi satu cara hidup yang merangkumi semua aspek termasuk undang-undang.⁷³

Sesetengah sarjana seperti Mahmud Saedon Awang Osman, Saleh Buang dan Abdullah Alwi Hasan, mencadangkan supaya Perkara 3[1] ditafsir semula. Mahmud Saedon

⁷⁰ L A Sheridan dan H E Groves, The Constitution of Malaysia, 3ed. Singapore: 1979, hal. 37.

⁷¹ Hashim Yeop Sani, Islam dalam Perlembagaan, Kuala Lumpur: Institut Dakwah dan Latihan Islam, t.t, hal. 17.

⁷² Ahmad Ibrahim, Kedudukan Islam dalam Perlembagaan Malaysia, Jurnal Hukum, Jld. X, BHG. 11, Jun 1996, hal. 130.

⁷³ Ahmad Ibrahim, Islam and The Constitution. Kertas kerja Persidangan the Malaysian Constitution After 30 Years, Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya, 1997, hal. 16.

berpendapat: kedudukan dan pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia pada peringkat ini sangat rendah. Oleh sebab Perkara 3[1] boleh memberi kesan yang besar kepada perkembangan dan pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia, mereka mencadangkan supaya peruntukan itu ditafsir semula.⁷⁴ Mahmood Zuhdi Abdul Majid berpendapat:

*Sekalipun terdapat kelemahan khususnya dalam penggunaan bahasa yang dimasukkan dalam Perkara 3 [1], itu masih kabur dan boleh ditafsirkan, ia memberi ruang untuk diperbahaskan.*⁷⁵

Peruntukan itu tidak bertentangan dengan aspirasi sistem undang-undang Perlembagaan Islam, sebab Perkara 3[1] secara jelas memberi jaminan kepada orang-orang bukan Islam untuk mengamalkan kepercayaan mereka bukan sahaja dari aspek kepercayaan dan amalan keagamaan, tetapi juga dari aspek undang-undang yang terpakai kepada penganut-penganut agama itu secara aman. Perkara 3[1] sejajar dengan apa yang wujud dalam ‘sahifah al-Madinah’⁷⁶ yang telah dirangka oleh Rasulullah saw, juga perlombagaan negara-negara yang mendakwa mengamalkan undang-undang Islam seperti Pakistan, Iran, Afghanistan dan Sudan.

Ketika memerintah Tanan Melayu, British tidak mencampuri urusan agama dan adat istiadat masyarakat Melayu. Tujuan mereka untuk menjaga perhubungan baik dengan orang Melayu dan untuk menjaga kepentingan mereka. Bagi British, peruntukan Islam sebagai agama bagi Persekutuan tidaklah menjadi suatu yang janggal untuk dimasukkan, kerana

⁷⁴ Menurut pendapat Muhammad Saedon bahawa undang-undang Islam di negara ini masih terus diperkecilkan peranananya, tarafnya diperendahkan dan bidang penggunaannya masih dipersempitkan. Lihat Muhammad Saedon Awang Othman, Institusi Pentadbiran Undang-undang Kehakiman Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996, hal. 225.

⁷⁵ Lihat Mahmood Zubdi b Hj Abdul Majid, Pengantar Undang-undang Islam di Malaysia. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1997, hal. 99.

⁷⁶ Lihat ulasan yang dikemukakan oleh Muhammad S El- Awa, On the Political System of the Islamic State. Indianapolis: American Trust Publications, 1978, hal. 16 - 25.

agama Islam adalah agama tradisi orang-orang Melayu malah jumlah penduduk masyarakat Melayu waktu itu [ketika perlembagaan hendak dirangka] jauh lebih besar daripada masyarakat lain.⁷⁷

Memasukkan agama salah satu perkara penting dalam Perlembagaan, adalah satu manifestasi cita-cita pemimpin dalam mempertahankan kesucian Islam dan agama orang Melayu. Laporan Suruhanjaya Perlembagaan menyatakan:

Persetujuan sebulat suara telah diperolehi bahawa sekiranya peruntukan yang sedemikian dimasukkan dalam perlembagaan, maka ia hendaklah dinyatakan dengan jelas bahawa peruntukan tersebut tidak semua sekali mengugat yang diserahkan oleh pihak perikatan mengandungi kenyataan agama Islam hendaklah menjadi agama resmi Persekutuan Tanah Melayu. Bagaimanapun amalan prinsip ini hendaklah tidak mendatangkan kesukaran terhadap orang bukan Islam... ...⁷⁸

Peruntukan Perkara 3 [1] membawa implikasi besar kepada perkembangan agama Islam, kerana Perkara 11[1] menyatakan tiap-tiap orang adalah berhak menganut dan mengamalkan agamanya dan tertakluk kepada Fasal [4], mengembangkan agamanya. Seperti disebut dalam Perkara 11[3] apabila setiap kumpulan agama adalah berhak: 1. Menguruskan hal ehwal agamanya sendiri, 2. Menubuh dan menyelenggara yayasan bagi maksud agama atau khairat. 3. Memperoleh dan mempunyai harta serta memegang dan mentadbirnya mengikut undang-undang, adalah antara perkara terpenting dalam perlembagaan Persekutuan. Secara jelas peruntukan berkenaan meletakkan satu keistimewaan kepada agama Islam berbanding dengan agama-agama lain.⁷⁹ Peruntukan itu memberi kekuatan kepada agama

⁷⁷ Lihat Ahmad Ibrahim, Kedudukan Islam dalam Perlembagaan Malaysia, dlm Perlembagaan Malaysia Perkembangannya 1957 - 1977, diedit oleh Tun Mohammad Sufian, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 58.

⁷⁸ Lihat laporan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, 1957, Perenggan 169, hal. 73.

⁷⁹ Lihat Perlembagaan Persekutuan Perkara-perkara 11 (1), (2), (3), a.b.c, (4), dan (5).

Islam, sebab Perkara 3[1] telah dengan sendirinya menafikan negara ini sebuah negara sekular.⁸⁰ kerana prinsip-prinsip agama itu telah diperundangkan dalam undang-undang tertinggi negara.⁸¹

Antara keistimewaan Perkara 3 ialah memberi ruang kepada perkembangan agama Islam. Melalui Akta dan Enakmen Perbekalan Tahunan, kerajaan diberi kuasa membelanjakan wang untuk tujuan pentadbiran agama Islam dan Undang-undangnya. Peruntukan itu pernah dipersoalkan oleh seorang auditor-general British, mempertikaikan sama ada perbelanjaan kewangan itu dibolehkan oleh Perlembagaan ataupun tidak. Peguam Negara ketika itu telah menolak bantahan tersebut kerana apa yang dibelanjakan itu memang diperakukan dalam Perlembagaan Persekutuan.⁸² Dalam kenyataannya, beliau memetik Perkara 12 [2] dalam perlembagaan itu.

Perkara 3 juga membolehkan kerajaan berusaha meningkat dan meninggikan syiar Islam tanpa ada keraguan. Peruntukan ini juga melarang kerajaan menghalang perkembangan Islam dalam negara ini, melainkan pengembangan agama itu dirasakan oleh pemerintah boleh mengugat keselamatan dan ketenteraman awam. Begitu juga dalam hal penyelewengan akidah seperti yang ditakrifkan oleh pihak yang berkuasa. Kes Mamat Daud Iwn Government of Malaysia [1988] 1 NLJ 119, Seksyen 298A Kesiksaan telah dipertikaikan. Seksyen itu menyatakan menjadi satu kesalahan jika seseorang melakukan perbuatan yang boleh mendatangkan mudarat kepada orang-orang yang menganut agama Islam. Orang yang dituduh dalam kes berkenaan bertindak sebagai bilal, khatib dan imam solat Jumaat di Kuala Terangganu tanpa izin. Majoriti Mahkamah Agung dalam kes ini telah memutuskan Seksyen

⁸⁰ Lihat Ahmad Ibrahim, Kedudukan Islam Dalam Perlembagaan Malaysia, op.cit., hal. 130.

⁸¹ Lihat Laporan Suruhanjaya, op.cit. hal. 73.

⁸² Perkara 12 (2) menyatakan : “..... tetapi adalah sah bagi Persekutuan atau Negeri menubuhkan atau menyelenggara institusi Islam atau mengadakan atau membantu dalam mengadakan ajaran dalam agama Islam, dan melakukan apa-apa perbelanjaan sebagaimana yang diperlukan bagi maksud...” Lihat Ahmad Ibrahim, op.cit., hal. 150

298A itu adalah undang-undang yang tidak boleh dibuat oleh Parlimen kerana ia berkenaan tidak sah dan ditolak. Kerajaan juga berkuasa untuk menyekat perkembangan dan penyebaran agama atau ajaran yang bertentangan dan ajaran yang terkeluar daripada agama Islam di kalangan Muslim. Kuasa ini telah diberikan oleh Perlembagaan kepada badan berkuasa agama negeri, kerana badan kuasa negeri yang boleh bertindak dalam hal ehwal agama Islam tertakluk kepada bidang kuasa kerajaan negeri.⁸³ Demikian juga kenyataan yang diberikan oleh Hashim Yeop Sani:

“Dengan itu Perlembagaan negara memberi jaminan kepada penganut agama Islam bahawa kerajaan negeri akan mengawas dan menyekat perkembangan apa-apa akidah dan kepercayaan agama antara Muslim. Seterusnya undang-undang Persekutuan atau Negeri boleh mengadakan bantuan kewangan khas untuk menubuhkan atau menyelenggarakan institusi Islam atau ajaran tentang agama Islam bagi orang-orang Islam.”⁸⁴

Perkara 3[1] dan 11 Perlembagaan Persekutuan membolehkan kerajaan untuk mewajibkan pelajaran agama di sekolah. Institusi pendidikan perlu mengajarkan mata pelajaran agama Islam di sekolah termasuk di sekolah bukan kerajaan, yang mempunyai murid beragama Islam. Seksyen 36 dan 37 Akta Pelajaran 1961 mewajibkan mana-mana sekolah yang menerima bantuan kerajaan supaya memperuntukkan pengajaran agama Islam kepada penuntut-penuntut yang beragama Islam dengan syarat jumlah pelajar di sekolah itu tidak kurang daripada lima belas orang. Segala perbelanjaan bagi pengajaran itu akan ditanggung

⁸³ Misalnya Enakmen Pentadbiran agama Islam Selangor menyatakan “ Agama bukan Islam ertiinya agama Kristian, Hindu, Budha, Sikh, Yahudi atau apa-apa variasi, versi bentuk atau cabang mana-mana agama tersebut dan termasuklah apa-apa pegangan, ideologi falsafah, apa-apa kumpulan atau sistem amalan atau penunaian yang tidak diakui oleh agama Islam sebagai berunsur Islam. Terbitan ertiinya apa-apa buku, majalah, pamphlet, risalah atau apa-apa bahan lain, sama ada dicetak, ditaip, ditulis tangan, atau dikeluarkan dengan apa-apa cara lain, dan apa-apa bentuk keluarannya, dan termasuklah apa-apa rakaman suara”. Lihat Seksyen (2). Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Selangor No. 1, 1988.

⁸⁴ Hashim Yeop Sani, Our Constitution, Singapore: Ideal Printing, 1980, hal. 80

oleh kumpulan wang yang dikeluarkan oleh kerajaan Persekutuan.⁸⁵ Ini bererti setiap warganegara Muslim wajib mendapat pendidikan agama Islam seperti yang tercatat dalam Perlembagaan.⁸⁶

Peruntukan Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan dapat digunakan untuk mencadangkan dan menyekat perbuatan yang dikira menghina agama Islam. Pernah seorang ahli Dewan Perundangan pada tahun 1958 mencadangkan supaya kerajaan mengharamkan hidangan minuman keras pada majlis-majlis rasmi kerajaan, atas alasan perkara itu memburukkan imej negara ini sebagai sebuah negara Islam.⁸⁷ Cadangan beliau diterima oleh Dewan.⁸⁸ Dalam erti kata lain, kerajaan atau ahli Dewan Perundangan atau Badan Kehakiman boleh menggunakan Perkara 3 Perlembagaan untuk kepentingan Islam.

Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan perlu dilihat bersama dengan perkara 160 perlembagaan Persekutuan dalam soal penakrifian istilah Melayu. Menurut Perkara 160 (2b), orang Melayu ditakrifkan sebagai seorang beragama Islam, lazimnya bercakap bahasa Melayu dan menurut adat istiadat Melayu. Salleh Abas, bekas Ketua Hakim Negara berpendapat perkataan Melayu dan Islam adalah dua unsur yang bercantum dan tidak boleh dipisahkan untuk tujuan undang-undang dan Perlembagaan.⁸⁹ Ini bermakna Perlembagaan Persekutuan

⁸⁵ Mohd Salleh Abas, Prinsip-prinsip Perlembagaan dan Pemerintahan Malaysia, diedit oleh Salleh Buang, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1997, hal. 48.

⁸⁶ Norhashimah Mohd Yasin, Islamisation / Malaynisation : A Study on the Role of Islamic Law in the Economic Development of Malaysia : 1969 - 1993, Kuala Lumpur: A S Noordeen, 1997, hal.132.

⁸⁷ Antara bunyi cadangan beliau ialah "...tidak guna kerajaan ini diiktiraf sebagai kerajaan Islam kalau undang-undang Islam tidak dipatuhi. Kita telah diiktiraf dengan rasminya sebagai sebuah negara Islam. Negara dengan itu mestilah menghormati rukun Islam dan undang-undang Islam, setakat mana kita boleh. Saya percaya di mana majlis yang diberi oleh kerajaan Islam mestilah majlis itu bolehlah berjalan dengan licin tanpa minuman keras. Kerajaan Islam ialah kerajaan yang suci dan jika kita cabar kesucian undang-undangnya saya pasti inilah satu caranya untuk kerajaan kita dikutuk oleh Allah...". Lihat Ahmad Ibrahim, "Kedudukan Islam Dalam Perlembagaan Malaysia", dlm Perlembagaan Malaysia Perkembangannya 1957 - 1977, op.cit., hal. 65.

⁸⁸ Laporan Rasmi Perdebatan Majlis Perundangan, 1 Mei 1958, Ruang 4631 dan 4671 - 2.

telah mengiktiraf bangsa Melayu dihubungkaikan dengan agama Islam. Sementara agama Islam pula menjadi teras kepada beberapa peruntukan dalam Perlembagaan negara ini memberi gambaran bahawa kesan kepada Perkara 3[1] itu ialah ia memberi suatu keistimewaan kepada bangsa Melayu dan pengiktirafan kepada agama yang telah lama mereka amalkan.

Hubungkait ini telah memberi kelebihan dan pengiktirafan kepada orang Melayu sebagai peribumi dan orang yang mempunyai kuasa memerintah. Ini dapat dilihat kepada Peruntukan 32[1] Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukan bahawa ketua negara iaitu Yang di-pertuan Agong mestilah orang Melayu dan beragama Islam.⁹⁰ Peruntukan itu juga disebut dalam setiap perlembagaan negeri yang menghendaki rajanya seorang berbangsa Melayu beragama Islam dan dari keturunan raja.⁹¹ Mengikut peruntukan artikel 3 (3) Perlembagaan Persekutuan, Yang di Pertuan Agong adalah ketua agama Islam di negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan atau di negeri yang tidak mempunyai raja. Ketua agama bagi Selangor, Perlis, Kedah, Perak, Kelantan, Terengganu, Negeri Sembilan, Pahang dan Johor adalah Raja atau Sultan.

Yang di Pertuan Agong dan raja-raja Melayu dipertanggungjawabkan untuk melindungi hak istimewa orang-orang Melayu seperti yang termaktub dalam Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan. Oleh kerana Melayu dan Islam dua entiti yang tidak boleh dipisahkan, maka hak-hak istimewa orang-orang Melayu bukan sahaja mencakupi bidang kehartaan dan kehormatan diri tetapi yang lebih utama adalah menjaga dan melindungi agama

⁹⁰ Tun Salleh Abas. "Traditional Elements of The Malaysian Constitution", dlm Mohamed Sufian, H P Lee & Trindade (ed). The Constitution of Malaysia: Its Development 1957 - 1977, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1986, hal. 3.

⁹¹ Yang Di Pertuan Agong adalah Ketua Negara Malaysia. Yang Di-pertuan Agong mempunyai keistimewaan yang lebih daripada orang lain di negara ini, misalnya ia tidak boleh didakwa oleh pembicaraan mana-mana Mahkamah sekalipun kecuali Mahkamah Khas 32[1]. Perlembagaan Persekutuan.

⁹² Lihat Perlembagaan Persekutuan Jadual Perkara 32 (3).

Islam.⁹² Dengan ini jelas menunjukkan bahawa institusi Yang di-pertuan Agong dan raja-raja Melayu mempunyai peranan penting menjaga agama Islam,⁹³ termasuklah undang-undang Islam kalau ia ditafsirkan dengan luas, sekalipun beberapa peruntukan yang dilihat sebagai bertentangan dengan ruh dan cita-rasa Perundangan Islam. Misalnya Perkara 4[1], menyebut:

Perlembagaan ini adalah undang-undang utama Persekutuan dan apa-apa undang-undang yang diluluskan selepas Hari Merdeka dan yang berlawanan dengan Perlembagaan ini hendaklah terbatal setakat yang berlawanan itu.

Ada di kalangan cerdik pandai Islam melihat peruntukan ini sebagai tidak bertentangan dengan undang-undang Islam kerana ia tidak meliputi undang-undang Islam. Berdasarkan peruntukan ini mana-mana undang-undang yang sedia wujud iaitu undang-undang yang diluluskan sebelum merdeka akan terbatal kalau ia bertentangan dengan Perlembagaan. Undang-undang yang diluluskan selepas merdeka itu bertentangan dengan Perlembagaan ianya boleh diubahsuai, dengan merujuk kepada Perkara 162 Fasal 6. Menurut Fasal ini, iaitu mana-mana mahkamah atau tribunal yang memberi perubahan mana-mana undang-undang yang ada dan belum diubahsuai pada atau selepas hari merdeka di bawah perkara ini atau sekiranya boleh memakainya dan apa-apa pengubahsuaian sebagaimana yang perlu untuk menselaraskannya dengan peruntukan Perlembagaan. Ahmad Ibrahim memperkuuh hujahnya dengan mengatakan dalam konteks Malaysia boleh dihujah bahawa Perlembagaan Persekutuan tidak boleh menyentuh kesahan Hukum syarak yang bukan undang-undang bertulis dan bukan pula diluluskan selepas hari Merdeka.⁹⁴ Sebab undang-undang Islam telah lama wujud dan dilaksanakan di Tanah Melayu sebelum kedatangan British lagi.

⁹² Lihat Ahmad Ibrahim, Islam and Constitution, op.cit., hal. 3

⁹³ Lihat Perlembagaan Persekutuan Jadual 4 Perkara 32 (1).

⁹⁴ Lihat Ahmad Ibrahim, Kedudukan Islam Dalam Perlembagaan, op.cit., hal. 146

Boleh juga dihujah bahawa Perkara 4(1) Perlembagaan Persekutuan itu hanya menyentuh undang-undang bertulis sahaja, iaitu undang-undang yang diluluskan oleh Badan Perundangan bukan undang-undang yang sudah diperkenunkan dalam al-Qur'an dan al-Sunnah, sebab undang-undang itu tidak diluluskan oleh Badan Perundangan, tetapi undang-undang itu diturunkan oleh Allah swt. Walaupun Perlembagaan adalah undang-undang bertulis yang tertinggi dan utama, namun ia hanya menyentuh undang-undang yang diluluskan selepas Hari Merdeka sahaja tidak lebih daripada itu. Demikian juga Parlimen boleh membuat undang-undang untuk kerajaan negeri yang diperuntukan ke atasnya,⁹⁵ dalam perkara-perkara yang tertentu sahaja.⁹⁶ iaitu perkara-perkara perundangan yang dalam bidang kuasa persekutuan untuk dilaksanakan di negeri-negeri bukan dalam hal ehwal agama. Tetapi dalam hal ehwal agama Islam undang-undang hanya boleh dibuat setelah kerajaan-kerajaan negeri yang terlibat dibawa berunding. Ini bermakna Parlimen berkuasa membuat dan meluluskan undang-undang yang secukup dan sesuai dengan kehendak perundangan Islam, cuma apabila hendak dilaksanakan haruslah merujuk kepada kerajaan negeri kerana kuasa agama terletak di bawah kawalan kerajaan negeri.

Timbul satu isu Perlembagaan Persekutuan bertentangan dengan undang-undang Islam, apabila Yang di-Pertuan Agong diberi kuasa untuk mengampun.⁹⁷ Perkara ini boleh diatasi sekiranya kita bersetuju undang-undang Perlembagaan boleh diubahsuai maka ia boleh dihujah menentukan had dan batas kuasa pengampunan. Umpamanya Yang di-Pertuan Agung hanya boleh mengampun kes-kes yang menyentuh hukuman ta'zir dan tidak termasuk dalam kes Hudud dan qisas. Demikian juga dalam menafsir undang-undang yang terkandung dalam Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan yang tidak termasuk undang-undang Islam.

⁹⁵ Lihat Perlembagaan Persekutuan Perkara 76[1].

⁹⁶ Seperti bagi maksud melaksanakan apa-apa triti, perjanjian atau konvensyen antara Persekutuan dengan mana-mana negeri lain, atau apa-apa keputusan pertubuhan. Atau bagi maksud mengadakan persamaan undang-undang di antara dua buah negeri.

⁹⁷ Lihat Perlembagaan Persekutuan, Perkara 42.

Pandangan ini dilihat dari sudut negatif. Akan tetapi kalau dilihat dari aspek yang lebih luas, perkataan undang-undang itu mencakupi sehingga undang-undang Islam. Kata Ahmad Ibrahim:

Ini adalah sikap negatif, jika sikap positif diambil, seharusnya dihujahkan bahawa tafsiran "undang-undang" menggunakan perkataan "termasuk" dan ini menunjukkan ia bukan menyeluruh dan oleh kerana itu ia boleh diperluaskan untuk merangkumi undang-undang Islam...⁹⁸

Dalam ertikata lain penafian soal undang-undang Islam dalam Perlembagaan Persekutuan tidak timbul. Yang menjadi isu ialah sama ada Perlembagaan itu boleh mengatasi peruntukan undang-undang yang ada di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah atau tidak. Sebab Perkara 4 Perlembagaan Persekutuan itu tidak termasuk undang-undang Islam kerana ia ditulis sebelum hari merdeka dan bukan ciptaan manusia.⁹⁹

Dikatakan juga Yang di-pertuan Agong atau Parlimen diberi kuasa meluluskan apa juga undang-undang untuk keperluan ketika darurat.¹⁰⁰ Dan undang-undang yang diluluskan itu dibenarkan walaupun tidak konsisten dengan mana-mana peruntukan Perlembagaan dan akan bertentangan dengan undang-undang Islam. Walau bagaimanapun ia boleh dihujah peruntukan tersebut tidak melibatkan hukum-hukum syarak dan adat istiadat Melayu, sebab ada kekecualiannya. Ini dapat dilihat dalam Perkara 150 (6A), yang memberi erti dalam

⁹⁸ Lihat Ahmad Ibrahim, op.cit., hal. 148

⁹⁹ Lihat pendapat yang dikemukakan oleh Ahmad Ibrahim, di mana beliau melihat perkara 4 merujuk kepada undang-undang bertulis sahaja. Ia tidak memberi kesan kepada undang-undang Syariah, undang-undang yang tidak bertulis dan yang telah ada sejak sebelum merdeka. Lihat Ahmad Ibrahim, The Principles of an Islamic Constitution and the Constitution of Malaysia: A Comparative Analysis. Kuala Lumpur: International Islamic University, Law Jurnal 1 : 2, 1989, hal. 1.

¹⁰⁰ Lihat Perlembagaan Persekutuan Perkara 150.

kedudukan mana sekalipun undang-undang Islam akan tetap terpelihara dengan segala kekudusannya dan keabadiannya melalui peruntukan undang-undang perlombagaan.¹⁰¹

Selain membuat tafsiran, kerajaan boleh membuat pindaan kepada Perlombagaan dengan kuasa yang diperuntukkan kepada Parlimen,¹⁰² kerajaan boleh mencadangkan untuk membuat pindaan kepada undang-undang perlombagaan, setelah mendapat sokongan dua pertiga ahli Parlimen.¹⁰³ Dalam tahun 1988 Parlimen meminda Perkara 121 dan Perkara 5. Perkara 121 Fasal (1) yang menyatakan bahawa kuasa kehakiman bagi Persekutuan adalah terletak kepada dua Mahkamah Tinggi sahaja yang mempunyai bidang kuasa yang selaras dan setaraf. Peruntukan ini boleh mempertikai keputusan mana-mana mahkamah termasuk keputusan Mahkamah Syariah. Misalnya kes Commissioner of Religious Affairs Terengganu Iwn Tengku Mariam [1970] 1 MLJ 222. Perkara yang ditimbulkan ialah tentang sah atau tidaknya wakaf khas yang dibuat oleh Tengku Chik. Wakaf itu ialah untuk keluarga Tengku Chik dan selepas itu untuk Islam dan penuntut-penuntut pengajian Islam. Ahli waris yang berkenaan telah bersetuju dan merujuk perkara tersebut kepada Mufti dan Mufti telah memberi fatwanya bahawa wakaf itu sah. Walau bagaimanapun beberapa orang ahli waris mengemukakan perkara tersebut ke Mahkamah Tinggi. Dalam perkara itu telah terdapat keputusan Privy Council yang menunjukkan wakaf tersebut tidak sah, kerana itu Mahkamah Tinggi mengikut keputusan yang dianggap mengikatnya dan memutuskan bahawa wakaf itu tidak sah. Apabila dirayu ke Mahkamah Persekutuan, keputusan yang sama juga diambil.¹⁰⁴

Apabila Perkara 121 dipinda pada tahun 1988 dengan memasukkan Fasal (1A) yang memperuntukan;

¹⁰¹ Lihat Perlombagaan Persekutuan Perkara 150 [6a].

¹⁰² Lihat Perlombagaan Persekutuan Perkara 159. pindaan Perlombagaan.

¹⁰³ Ibid. Perkara 3 (3).

¹⁰⁴ [1970] 1 MLJ 222.

Mahkamah-mahkamah yang disebutkan dalam Fasal (1) tidak boleh mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah.

Kesan daripada pindaan ini telah melibatkan kuasa Mahkamah Syariah, iaitu Mahkamah Tinggi tidak boleh campur tangan atau tidak boleh mempertikai keputusan yang telah diputuskan oleh Mahkamah Syariah sebagaimana sebelum tahun 1988,¹⁰⁵ seperti pusaka, penjagaan anak (hadanah) dan perkara-perkara yang diperuntukkan dalam Jadual 9 Senarai 2 Perlembagaan Persekutuan.¹⁰⁶

Walau bagaimanapun kuasa Mahkamah Syariah masih terbatas yang hanya boleh dikuatkuasakan kepada orang Muslim sahaja. Mahkamah Syariah tidak mempunyai kuasa terhadap kuasa-kuasa yang bertikai salah seorangnya bukan Islam. Misalnya dalam soal hadanah jika ibunya bukan Islam dan bapanya Islam, perkara ini boleh di bawa ke mahkamah sivil. Misalnya dalam kes Eswari Visulingam Iwn Govt Of Malaysia [1990] 1 MLJ 86, perayu perempuan Hindu telah berkahwin dengan seorang laki-laki Hindu mengikut upacara Hindu. Suami kemudian memeluk Islam pada 1974 dan meninggal dunia 1985. Isteri memohon supaya mendapat pencen suami dibayar kepadanya. Mahkamah Agung memutuskan oleh kerana perkahwinan itu tidak pernah dibubarkan atas permohonan isteri di Mahkamah Sivil perkahwinan itu tetap wujud dan perayu masih berhak mendapat pencen sebagai balu. Demikian juga dalam kes Ng Swee Pian Iwn Abdul Majid [1992]. Kesnya bersangkut dengan seorang lelaki Cina beragama Budha telah berkahwin dengan pihak yang menuntut dibawah

¹⁰⁵ Umpamanya kes Ainan bin Muhammad vs Sayed Abu Bakar [1939] MLJ 20. mengenai pengsahan anak yang dilahirkan empat bulan selepas perkahwinan. Kes Nafsiah vs Abdul Majid [1969] 2 MLJ 174 dan 175, masalah mengenai mungkir janji perkahwinan. Kes Roberts Vs Ummi Kalthom [1966] 1 MLJ 63, masalah mengenai tuntutan harta sepencarian.

¹⁰⁶ Sebagai contoh kita lihat kes Mariyam Iwn Mohammad Arrif, apabila berlaku pencerian yang diadakan dihadapan kadi. Kadi telah mencatatkan atas persetujuan bersama kedua pihak dalam memberi hak penjagaan anak hasil dari perkahwinannya iaitu seorang anak perempuan 8 tahun dan seorang anak lelaki 3 tahun kepada bapa mereka. Kemudian Ibunya bekahwin dengan laki-laki bukan muhrim kepada anak. Ibu tersebut menuntut hak jagaan anak. Hakim Abdul Hamid pada masa itu membuat keputusan tidak menghiraukan perintah kadi, pihak menuntut boleh membuat permohonan itu dan mahkamah sivil boleh mendengar permohonan tersebut. Lihat [1971] MLJ. 265.

Ordinan Perkahwinan Sivil 1952. Kermudian lelaki memelok agama Islam, dan atas permohonan Kadi Bukit Mertajam [pihak yang kena tuntut] telah menghantar surat kepada pihak yang menuntut supaya ia hadir di Mahkamah Syariah. Pihak menuntut tidak hadir dan Kadi telah membatakan perkahwinan itu atas alasan pihak yang menuntut enggan mengikut memelok agama Islam. Mahkamah Tinggi Pulau Pinang memutuskan bahawa Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidang kuasa untuk membuat perintah seperti itu.

Dalam Akta Pembaharuan Undang-undang (Perkahwinan dan Penceraihan) 1976, Mahkamah Sivil diberi kuasa untuk membenarkan penceraihan, jika pihak perkahwinan bukan dijalankan secara Islam dan pihak yang satu lagi tidak memeluk agama Islam.¹⁰⁷ Dalam akta Mahkamah Syariah (bidang kuasa jenayah) 1965, pindaan 1984 bidang kuasa Mahkamah Syariah meliputi kesalahan-kesalahan yang membawa hukuman penjara tidak lebih tiga tahun denda tidak lebih RM 5,000, rotan yang tidak melebihi enam kali atau kombinasi mana-mana hukuman tersebut. Bidang kuasa ini adalah kecil jika dibandingkan dengan kuasa yang ada di tangan Majistret kelas pertama yang boleh menghukum sehingga 10 tahun penjara, denda sehingga RM10,000 dan rotan 12 kali atau mana-mana kombinasi hukuman tersebut. Walau bagaimanapun usaha-usaha membuat pindaan telah dilakukan tanpa melibatkan pindaan dan penafsiran semula aktiviti tahunan Perlombagaan Persekutuan.

Tahun 1987 usaha-usaha mengemaskinian pentadbiran hal-ehwal agama Islam di Malaysia khususnya dalam hal yang berhubungan dengan undang-undang yang menyekat dan mengawal pengembangan iktikad dan kepercayaan agama bukan Islam telah dilakukan. Negeri Pahang,¹⁰⁸ Melaka¹⁰⁹ dan Selangor¹¹⁰ mendahului negeri-negeri lain dalam perubahan tersebut.

¹⁰⁷ Ahmad Ibrahim, *The Amendment To Article 121 Of The Federal Constitution Its Effect On Administration Of Islamic Law*, *Malay Law Journal*, XVII, 1989.

¹⁰⁸ Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1987. dan enakmen Pentadbiran agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (pindaan) 1987

¹⁰⁹ Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada orang Islam, Melaka Enakmen no. 1, 1988.

Pengemaskinian ini dilakukan berdasarkan peruntukan artikel 11(4) Perlembagaan Persekutuan. Dalam enakmen itu tidak menyebut pengemaskinian itu kesan daripada perkara 3. Walau bagaimanapun dapat fahami kewujudan enakmen tersebut berkisar kepada peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan.

Pindaan perkara 5 Perlembagaan Persekutuan pula, telah memberi pengiktirafan yang lebih tinggi kepada Mahkamah Syariah. Satu proviso baru telah dimasukkan ke dalam Fasal (4), Perkara 5 bagi Mahkama Syariah iaitu;

Dan dengan syarat selanjutnya dalam hal penangkapan bagi sesuatu kesalahan boleh dibicarakan oleh Mahkamah Syariah. Sebutan-sebutan dalam fasal ini mengenai seorang majistret hendaklah ditafsirkan sebagai termasuk sebutan-sebutan mengenai seorang hakim Mahkamah Syariah.

Dengan pindaan ini, seseorang yang melakukan kesalahan dan dibicarakan di Mahkamah Syariah akan mendapat hak-hak yang diberikan kepadanya ia dibicarakan di Mahkamah Majistret. Kesannya ialah jika seseorang ditahan untuk tujuan itu, ia hendaklah dibawa ke hadapan hakim Mahkamah Syariah dalam masa 24 jam dari masa ia ditangkap tanpa kelengahan yang tidak munasabah. Jika ia hendak ditahan lebih lanjut, kebenaran daripada hakim Mahkamah Syariah hendaklah dipohon¹¹¹. Sekurang-kurangnya pindaan Perkara 5 menjadikan kuasa hakim Mahkamah Syariah setaraf dengan kuasa hakim Majistret. Dalam erti kata lain, usaha yang telah dilakukan untuk meningkatkan dan mengangkat taraf Mahkamah Syariah setanding dengan Mahkamah Majistret, telah dilakukan. Pindaan ini juga memberi kuasa lebih luas dan telah memberi lebih kebebasan kepada Mahkamah Syariah supaya dapat melaksanakan sistem perundangan sesuai dengan kehendak Islam. Ahmad Ibrahim memperakui melalui Perlembagaan Pelaksanaan undang-undang dapat dilakukan. Katanya :

¹¹⁰ Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor. Lihat Selangor. Enakmen No 1. 1988

¹¹¹ Ahmad Ibrahim, op.cit., hal. 14.

*Satu cara pendekatan lain kepada Perlembagaan Malaysia ialah dengan cara yang lebih positif iaitu dengan menerimanya dan mencuba sedaya upaya kita untuk mempertahankan prinsip-prinsip sebuah negara Islam. Penerimaan terhadap Perlembagaan Persekutuan dapat dicapai melalui perundingan dan kompromi yang dicapai oleh semua kaum di Malaysia. Kita seharusnya menghormati perjanjian yang berdasarkan persefahaman dan persahabatan di antara pelbagai kaum. Pada masa yang sama kita mesti cuba untuk memikirkan dan melakukan yang positif supaya menjadikan Perlembagaan dengan cara tertentu dapat mempertahankan prinsip-prinsip kerajaan Islam dengan mengambil kira hak-hak kepentingan semua kaum di Malaysia.*¹¹²

Kerajaan juga telah menetapkan supaya tidak lagi merujuk kepada Common law. Sekiranya tiada undang-undang bertulis di Mahkamah Sivil, Common Law tempatan hendaklah diguna pakai. Ketika berucap di Universiti Islam Antarabangsa, Hashim Yeop A Sani berkata::;

*pada pandangan saya jelaslah pengubal British bagi akta undang-undang sivil, 1956, yang asal, telah menjangka perkembangan common law kita sendiri. Syarat Seksyen 3 [1] akta itu dengan jelas membolehkan mahkamah-mahkamah kita dari tarik-tarikh yang disebutkan di dalam seksyen itu mengubahsuai dan memajukan undang-undang kita Di dalam pengubahsuai dan perkembangan itu Mahkamah-mahkamah boleh menamakan nilai-nilai tempatan termasuk nilai-nilai Islam, dan nilai-nilai berbagai kaum dan agama di negara ini.*¹¹³

Pendapat yang hampir sama juga diperkatakan oleh bekas ketua Hakim Negara Abdul Hamid Omar. Katanya :

Pada pandangan saya oleh kerana negara kita adalah negara merdeka dan berdaulat, seksyen 3 [akta undang-undang sivil] dengan rujukannya kepada

¹¹² Ahmad Ibrahim, The Principles of an Islamic Constitution and the Constitution of Malaysia: A Comparative Analysis, dlm Law Journal, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 1:2, 1989, hal. 3.

¹¹³ Lihat, Ucapan Hashim Yeop A Sani, Tan Sri, Kembali kepada Common Law Tempatan, Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa, 1 Feb 1989.

*common law England dan kaedah-kaedah ekuiti seperti yang ditadbirkan di England pada 7 hari bulan April 1956, tidak boleh dipertahankan dari segi politik. Dengan perkataan lain saya menganjurkan pendakwaan kemerdekaan kehakiman dan satu langkah yang penting untuk mewujudkan identiti kebangsaan ialah pemansuhan atau pindaan kepada seksyen itu....*¹¹⁴

Dalam membincarakan isu yang sama, ketika membentangkan Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan [pindaan], Perdana Menteri telah mencadangkan supaya undang-undang sivil 1956 dipinda dengan merujuk kepada *common law* tempatan. Katanya :

*Sekurang-kurangnya seksyen 3 dan 5 undang-undang sivil 1956, hendaklah dipinda dengan memansuhkan semua rujukan kepada common law England dan undang-undang dan kaedah-kaedah ekuiti yang ditadbir di England. Sebaliknya kita harus merujuk kepada keputusan-keputusan Mahkamah di Malaysia yang mengikut undang-undang di Malaysia dan memberi keutamaan kepada keadaan tempatan di negeri-negeri di Malaysia dan penduduknya.*¹¹⁵

Berdasarkan kepadauraian di atas, kerajaan adalah tonggak kepada perubahan perlembagaan. Tahap cita-cita untuk melaksana undang-undang Islam bukan sahaja dapat dilakukan melalui jalan merubah segala apa yang ada di dalam Perlembagaan tetapi juga dengan kaedah menokok dan menafsir semula peruntukan-peruntukan yang terdapat dalamnya.

3.3 Meningkatkan kefahaman dan kesedaran rakyat

Dalam usaha meningkatkan kefahaman Islam di kalangan masyarakat, kerajaan telah menubuhkan *Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia* (YADIM) pada 25 Jan 1974.¹¹⁶ Tujuan

¹¹⁴ Lihat ucapan Abdul Hamid Omar, Tun. Common Law, Satu Khayalan atau Kenyataan, Universiti Islam Antarabangsa, 4hb Februari 1989.

¹¹⁵ Lihat teks ucapan, Abdul Hamid Omar, Tun, ibid.

¹¹⁶ Lihat Keluaran khas, Sejarah Penubuhan YADIM, dalam Majalah Dakwah, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, Kuala Lumpur, Ramadan 1405/ June 1985.

penubuhannya ialah untuk menjalankan aktiviti-aktiviti dakwah dan berusaha memperkembang agama Islam melalui sistem pendidikan, sosial dan kebajikan¹¹⁷. YADIM diberi tanggungjawab menyelaraskan semua kegiatan badan dakwah yang wujud di samping berusaha menambah kegiatan-kegiatan dakwah yang sesuai dalam proses pemupukan semangat beragama di kalangan masyarakat Islam.¹¹⁸ Untuk meningkatkan agenda dakwahnya, YADIM telah menujuhkan *Majlis Syura Dakwah* yang dianggotai oleh badan-badan dakwah di Malaysia.¹¹⁹

Dalam proses merealisasikan maksud penubuhannya, YADIM, sentiasa memperkemas segala program yang telah dirancang. Bagi YADIM kefahaman masyarakat kepada agama amat penting, kerana dengan kefahaman itu mendorong mereka untuk menuntut kerajaan melaksana sistem perundungan Islam. YADIM melaksanakan aktiviti dakwahnya berdasarkan kepada kelompok [golongan sasar] yang telah diklasifikasikan, iaitu golongan ulama atau ikhtisas, wanita, masyarakat umum, remaja dan ibu bapa. Semua itu akan didekati melalui program-program yang sesuai dengan kumpulan sasar.¹²⁰

YADIM lebih banyak memfokuskan kegiatannya dalam bentuk dakwah dan tarbiyah (pendidikan), kerana melalui dua bidang ini, mesej Islam dapat disampaikan dengan baik dan lebih berkesan.¹²¹ Walau bagaimanapun sesetengah golongan masyarakat melihat YADIM tidak

¹¹⁷ Risalah Penerangan Yayasan Dakwah Islam Malaysia

¹¹⁸ Wawancara dengan Nakha'ie Hj Ahmad, pada 28 Julai 1997. Nakha'ie Ahmad adalah salah seorang ahli Jawatankuasa pemegang amanah bagi YADIM.

¹¹⁹ Badan-badan tersebut terdiri dari apda ABIM, PKPIM, PUM, PEMIT, PERKIM, Jamiah Dakwah Islamiah Selangor/Wilayah, Angkatan Nahdatus Islam Bersatu, Jabatan Agama Sabah, Fakulti Pengajian Islam, Maktab Perguruan Islam, Bahagian Kementerian Pendidikan, ITM, GAPIM, Akademi Islam UM, Pusat Penyelidikan, Persatuan-persatuan Pelajar Islam IPT, USIA dan Institut Dakwah Islam.

¹²⁰ Risalah Penerangan YADIM 1998.

¹²¹ Wawancara dengan Nakha'ie Hj Ahmad, pada 28 Jul 97.

menjalankan fungsinya secara 'aggressive' dan berkesan, sebagaimana yang dikehendaki oleh golongan pendesak. Pada Nak'a ie YADIM sedar kritikan itu dan akan berusaha mengendalikan fungsinya sesuai dengan tanggungjawab yang telah diberikan kepadanya. Kewujudan YADIM dalam arena dakwah telah memberi satu gambaran tentang relatif tinggi cita kerajaan dalam proses perkembangan Islam dan mendidik masyarakat supaya dapat memahami dan menghayati agama dengan baik dan seterusnya masyarakat akan bersedia untuk menerima agama dan undang-undang Islam sepenuhnya.

Bagi YADIM apa yang diusahakan oleh kerajaan dalam meningkatkan kedudukan perundangan Islam harus dilihat secara positif. Isu pelaksanaan undang-undang Islam perlu dilihat secara menyeluruh dan sepadu dalam membangunkan sistem Islam yang mencakupi sistem ekonomi, politik dan sosial. Ia tidak boleh dilihat secara terpisah kerana semuanya saling berkait dan memperkuuh satu sama lain.¹²²

Selain YADIM, kefahaman umat juga diusahakan oleh *Institut Kefahaman Islam Malaysia* (IKIM). Institut ini ditubuhkan pada 18 Feb 1992¹²³ hasil kesedaran kerajaan terhadap situasi dan perkembangan dunia semasa berhubung dengan Islam. Para pengkritik Islam banyak melakukan kekeliruan, salah faham, dan salah tafsir mengenai Islam. Penafsiran yang keliru ini memerlukan jawapan yang tersendiri dan tepat daripada umat Islam. Gambaran umat Islam sebagai bangsa yang ganas, pemalas dan mundur harus diperbetulkan¹²⁴. Mahathir Mohamad menyatakan "kewujudan IKIM menjadi medan yang mampu membentulkan imej negatif Islam yang telah disalah ertikan oleh masyarakat bukan Islam. Kekeliruan ini timbul kerana mereka

¹²² Ibid..

¹²³ Lihat. Risalah Penerangan Institut Kefahaman Islam Malaysia. Kuala Lumpur: Jalan Langgak. 1995

¹²⁴ Lihat Mahathir Mohamad. Ucapan perasmian semasa pelancaran Institut Kefahaman Islam Malaysia dan perasmian Kongres Menjelang Abad ke- 21. Kuala Lumpur: Pusat Dagangan Antarabangsa (PWTC). 1992.

mendapat banyak maklumat daripada sumber yang tidak tepat dan sesuai.¹²⁵ Kerajaan berpendapat kalau imej ini tidak diperbetulkan masyarakat akan terus melihat Islam sebagai sesuatu yang negatif. Pandangan ini akan memberi kesan kepada usaha-usaha pelaksanaan sistem Islam dalam masyarakat. Imej negatif ini perlu dibersihkan daripada nilai pemikiran masyarakat supaya masyarakat akan boleh menerima sistem Islam sebagai satu cara hidup yang sempurna dan lengkap.

IKIM ditubuhkan untuk membantu kerajaan mewujudkan suasana hidup yang harmonis dalam masyarakat yang berbeza agama, bangsa dan keturunan di negara ini.¹²⁶ Kewujudan IKIM dilihat sebagai satu tempat pertemuan antara cerdik pandai Islam dengan bukan Islam dalam membincang dan menganalisa isu-isu penting mengenai agama dan kehidupan.¹²⁷

IKIM dipertanggungjawabkan untuk merangka strategi bagi membentuk pandangan umum masyarakat terhadap sesuatu isu, seperti isu ekonomi, tamadun (kebudayaan), kemajuan, undang-undang dan politik¹²⁸. Untuk maksud tersebut IKIM mengatur beberapa strategi dalam mengatur cara berfikir umat Islam agar sesuai dengan kehendak agama. Pandangan umum masyarakat penting diambil kira kerana pelaksanaan banyak dasar yang dibuat oleh kerajaan pelaksanaannya selalu bergantung kepada pandangan umum masyarakat. Sebagai lidah resmi kerajaan, IKIM menggunakan media elektornik dan media cetak dalam membincangkan pelbagai isu berkaitan dengan perlombagaan, masyarakat, ekonomi, nilai dan akhlak Islam.¹²⁹

¹²⁵ Ibid.

¹²⁶ Lihat Risalah *Penerangan Institut Kefahaman Islam Malaysia*, op.cit..

¹²⁷ Wawancara dengan Ismail Ibrahim, Dato'. Ketua Pengarah IKIM. Pejabat Pengarah, Jalan Langgak, Kuala Lumpur pada 3 Ogos 1997.

¹²⁸ Ahmad Sarji Abdul Hamid. The Chief Secretary to the Government Malaysia, Kuala Lumpur Pelanduk Publication, 1996, hal 317 - 318.

¹²⁹ Ibid., hal 317

Usaha IKIM meningkatkan penyertaan ilmuwan Islam dan bukan Islam, dalam atau luar negara untuk menyertai seminar, diskusi dan forum didokong oleh kerajaan.¹³⁰ Usaha ini dilakukan untuk mendekatkan hubungan antara kaum dan masyarakat antara bangsa sama ada antara Muslim dengan Muslim dan dengan bukan Islam. IKIM berpendapat tindakan ini dilakukan untuk menggambarkan Islam adalah agama yang dinamik, toleransi dan bertamadun, dan untuk mengubah pandangan negatif masyarakat bukan Islam kepada agama Islam. Menurut Ismail Ibrahim, Ketua Pengarah IKIM, IKIM menonjolkan tokoh-tokoh bukan Islam untuk membincarakan tentang Islam supaya mesej yang hendak disampaikan itu sesuai dengan kehendak mereka.

Katanya:

*Jika satu-satu isu orang Islam sendiri yang bercakap tentang Islam sudah ada prejudis di kalangan orang bukan Islam, dan menganggapnya sebagai propaganda.... Jika mahu orang bukan Islam mengikuti program Islam, kita harus menjemput orang bukan Islam bercakap tentangnya.*¹³¹

Selain kelompok non-Muslim, IKIM memfokuskan tarbiyahnya kepada masyarakat pertengahan khususnya kelompok intelektual, teknokrat dan golongan korporat. Fokus kepada kelompok-kelompok itu kerana golongan elit penting dalam masyarakat. Mereka boleh mencorak pemikiran masyarakat di samping mempunyai kuasa melakukan perubahan pada masyarakat sama ada ke arah positif atau negatif.¹³² IKIM menonjolkan imej korporat, sedarhana, terbuka dan bebas, kerana imej tersebut sesuai dengan kehendak Islam dan boleh diterima oleh semua golongan masyarakat. Menurut Ismail Ibrahim imej ini dikritik oleh sesetengah pihak, kerana terlampau longgar dan terbuka.¹³³ Pada Ismail Ibrahim, oleh kerana IKIM tempat pertemuan golongan intelektual Islam dan bukan Islam, imej yang ditonjolkan itu

¹³⁰ Ibid., hal. 317.

¹³¹ Ismail Ibrahim, Utusan Malaysia, 29 Jun 1997, hal. 5.

¹³² Wawancara dengan Munir Yaakob, Dato'. Penolong Ketua Pengarah IKIM, di Pejabat IKIM, 7 Julai 1997.

¹³³ Lihat teks ucapan Mahathir Mohamad, semasa pembukaan rasmi IKIM, Jul 1992.

sesuai dengan matlamat penubuhannya, dan pendekatan dakwah yang ditonjolkan oleh Rasulullah saw, iaitu melalui pendekatan '*mau'izah al-Hasanah*' dan '*jadalah al-Ahsan*'.

Isu yang menjadi fokus perbincangan dan penyelidikan IKIM berkisar kepada isu-isu sistem ekonomi moden, hubungan antara kepercayaan, fungsi media masa, pembangunan dan pemindahan maklumat, isu alam sekitar, hak asasi manusia dan sosio-ekonomi, undang-undang dan sosio-politik.¹³⁴ Selalunya strategi yang digunakan dalam mempercambah pemikiran melalui penyelidikan dan rundingan iaitu melalui forum, penerbitan, dan menjalin hubungan kerjasama dengan institusi dan pertubuhan lain.¹³⁵ Dari tahun 1992 - 1996 IKIM berjaya menganjurkan 60 siri seminar, *conference* dan bengkel yang meliputi pelbagai topik, 40 siri program televesyen, dan 65 topik yang dibincang dalam rancangan radio.¹³⁶

Pada Ahmad Sarji, IKIM ditubuhkan sebagai cerminan cita-cita kerajaan yang relatif tinggi untuk membina imej Islam sebagai agama yang dinamik, agama yang boleh membina kesejahteraan dan keharmonian hidup masyarakat. Ahmad Sarji percaya keyakinan masyarakat bukan Islam kepada Islam dalam menyelesaikan masalah, akan memberi ruang dan mempermudah usaha-usaha kerajaan mengaplikasikan sistem perundangan Islam dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara.¹³⁷

Usaha-usaha yang dilakukan ini jelas memperlihat kesungguhan kerajaan mendedahkan masyarakat kepada kefahaman Islam yang sebenar. Pelaksanaan undang-undang Islam di negara ini sedikit sebanyak bergantung rapat dengan kefahaman yang ada di kalangan masyarakat, sama ada yang beragama Islam lebih lagi mereka yang bukan beragama Islam. Sensitiviti masyarakat bukan Islam harus diambil kira dalam menentukan sesuatu perkara yang

¹³⁴ Lihat Risalah IKIM, Kuala Lumpur: Jalan Langgak Tunku 1993.

¹³⁵ Lihat Risalah IKIM, Kuala Lumpur, Jalan Langgak Tunku, 1993.

¹³⁶ Ahmad Sarji Abdul Hamid, op.cit., 317.

¹³⁷ Ibid, hal. 317.

hendak dilakukan itu. Ini bukan bermakna tanpa kefahaman yang mendalam di kalangan masyarakat tidak memungkinkan terlaksananya undang-undang Islam, tetapi ianya dilakukan untuk mengelak berlakunya sesuatu yang boleh mendatangkan kemudaratkan kepada mana-mana pihak.

3.4 Melahirkan Tenaga Mahir dalam Perundangan Islam

Selain melalui dakwah, tahap cita-cita kerajaan dapat dilihat melalui usaha yang dilakukan melalui sistem pendidikan. Pendidikan adalah tonggak kepada perubahan, sama ada individu, masyarakat dan negara. Sistem pendidikan yang berkesan akan memberi impak kepada perubahan pemikiran, kecenderungan, cita-cita dan perbuatan manusia. Institusi pendidikan adalah tempat yang paling subur untuk mendapat kefahaman. Wan Mohd Zahid mengulas:

Memikirkan tentang pendidikan adalah memikirkan tentang isu-isu utama dalam kehidupan manusia.... Memikirkan tentang tujuan-tujuan pendidikan pula memikirkan tentang rupa bentuk wajah manusia, jenis ketrampilan, jenis matlamat yang paling sesuai untuk menjamin kesejahteraan sosial dan kauliti tamadun bangsa.¹³⁸

Reformasi pendidikan negara telah dilakukan sejak merdeka dan sentiasa dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Sekurang-kurangnya terdapat empat kali perubahan besar dilakukan oleh kerajaan iaitu melalui *Laporan Razak* [1956], *Laporan Abdul Rahman Talib* [1961]. Kurikulum Baru Sekolah Menengah [1980] dan Korikulum Bersepadu Sekolah Menengah [1988]. Reformasi dilakukan dengan tujuan untuk memastikan sistem pendidikan sentiasa berdaya maju, mampu menangani persoalan semasa dan produk yang dihasilkan adalah manusia serba sempurna sifatnya. Reformasi pendidikan yang berlaku pada 1988 dari aspek kurikulum merupakan reformasi yang penting kepada sistem pendidikan negara, kerana

¹³⁸ Dipetik oleh Wan Mohd Zahid Wan Mohd Noordin dlm. Wawasan Pendidikan Agenda Pengisian. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, 1993, hal. 9

ia menyentuh perkara-perkara yang asasi dalam kehidupan insan, seperti konsep-konsep ontologi (teori kejadian), epistemologi (teori ilmu) dan axiologi (teori nilai). Ketiga-tiga konsep ini akan membentuk ‘*world-view*’ (pandangan alam) manusia terhadap sesuatu perkara. Antara perubahan dilakukan ialah wujudnya *Falsafah Pendidikan Negara* diperkenalkan oleh pimpinan Anwar Ibrahim, pada 1988.¹³⁹

*Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran negara.*¹⁴⁰

Menurut Wan Mohd Zahid, falsafah ini dirangka menunjukkan komitmen kerajaan untuk melahirkan insan yang unggul dan mampu dalam membangunkan negara. Falsafah ini menjadi fokus kerajaan dalam membina sistem pendidikan negara yang unggul dan bersepadu. Sesuai dengan falsafah tersebut, sistem pendidikan negara berhasrat untuk melahirkan insan yang baik, iaitu insan yang memiliki syakhsiah yang seimbang dan sepadu. Antaranya ialah individu yang percaya dan patuh kepada Tuhan, berilmu pengetahuan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab kepada diri, masyarakat, agama, bangsa dan negara, dan berbakti serta bersedia memberi sumbangan kepada masyarakat, agama, bangsa dan negara.¹⁴¹

Dalam memastikan matlamat pendidikan tercapai, Kementerian Pendidikan telah mengatur strateginya. Antaranya melalui nilai murni merentasi kurikulum, Bahasa Melayu Merentas Kurikulum, kesepaduan di antara ilmu, kemahiran dan nilai, mewujudkan budaya

¹³⁹ Lihat Tajul Arifin Nordin, KBSM Dari Pandangan Kita, Jurnal Pendidikan, bil. 6, 1987, hal. 44

¹⁴⁰ Lihat Wan Mohd Zahid Wan Mohd Noordin, op.cit., hal. 175.

¹⁴¹ Wan Mohd Zahid Wan Mohd Noordin, ibid., hal. 175.

Sekolah Positif dan kesepadan di antara kurikulum dengan ko-kurikulum. Strategi ini telah diterjemahkan dalam bentuk tindakan yang mantap dan sepadu berdasarkan *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah*. Melalui korikulum itu perkara yang dititikberatkan ialah pertama, penerapan nilai-nilai murni seperti nilai kesedaran, kesefahaman, keyakinan, dan kesyukuran. Kedua, menanam semangat cinta akan nilai-nilai suci. Ketiga membina sikap untuk menghormati kebaikan dan membenci keburukan. Keempat, membentuk sikap positif dan berguna kepada agama, bangsa dan tanah air. Kelima, menghapuskan sikap negatif dalam kehidupan seharian dan melatih diri dengan disiplin.¹⁴² Strategi itu memperlihat hasrat kerajaan untuk mewujudkan satu bentuk masyarakat yang baik dan sempurna yang mempunyai kefahaman yang jelas dengan tugas dan tanggungjawab mereka sebagai insan dan hamba Allah swt. Abdul Rahman Arshad mengulas:

*Educational programmes and projects up to the 1970s emphasised academic development in quantitative terms, education in the 1980s moved forward the holistic and integrated development of the individual as envisioned in the national education philosophy.*¹⁴³

Untuk menjamin pencapaian maksud di atas, kerajaan telah melakukan satu reformasi kepada sistem pendidikan negara, dengan melakukan penyusunan semula ‘*re-engineering*’ struktur organisasi Kementerian Pendidikan, kurikulum persekolahan, sistem latihan kepada guru atau Maktab Perguruan dengan dipertingkatkan taraf kelulusan dan kurikulumnya.

Dasar pendidikan negara juga menekankan pendidikan Islam. Kementerian Pendidikan telah mewajibkan mata pelajaran kepada semua penuntut yang beragama Islam.¹⁴⁴ Sejak

¹⁴² Tajul Ariffin, op.cit., hal. 48.

¹⁴³ Abdul Rahman Arshad, . Pendahuluan dalam Education in Malaysia 1989, Kuala Lumpur: Education Planning and Research Division, Mei 1989.

¹⁴⁴ Bahagian yang bertanggungjawab atas mata pelajaran Pendidikan Islam ialah Bahagian Pendidikan Islam. Antara tanggungjawab Bahagian ini ialah a. menyediakan silibus dan kurikulum pendidikan agama disekolah. b. Menyelaras kursus-kursus bagi guru-guru agama dan bahasa Arab samaada dalam

merdeka, kerajaan tidak mengabaikan tanggungjawabnya untuk memupuk nilai-nilai agama dalam sistem pendidikan negara. Ketika Tun Abdul Razak menjadi Menteri Pelajaran pada tahun 1956, kerajaan telah mewajibkan mata pelajaran agama Islam di semua sekolah kerajaan dan swasta. Seksyen 49 Ordinan 1957 telah menyatakan secara terperinci kedudukan pelajaran agama Islam di sekolah-sekolah di negara ini.¹⁴⁵

Ordinan tersebut memperhatikan kesungguhan kerajaan terhadap pendidikan agama Islam. Dalam ertikata lain semua orang Islam akan dapat mengikuti pelajaran agama Islam di sekolah-sekolah kerajaan atau swasta sekurang-kurangnya 11 tahun iaitu 6 tahun sekolah rendah dan 5 tahun sekolah menengah. Apabila akta pelajaran 1961¹⁴⁶ dikuatkuasakan pada tahun 1962,¹⁴⁷ pelajaran agama Islam telah dimasukkan sepenuhnya dalam jadual waktu

perkhidmatan dan luar perkhidmatan. c. Menyelaras dan mengawasi kegiatan dakwah di sekolah-sekolah. d. Melaksanakan aktiviti perancangan, penyelidikan dan penilaian pendidikan Islam. e. Mengurus soal pertukaran guru-guru agama. f. Mengurus sumber bantuan kewangan sekolah-sekolah agama rakyat dan pembelajaran sekolah-sekolah agama. g. Badan yang bertanggungjawab sebagai sekretariat kepada pengembalian guru bahasa Arab daripada negara-negara Arab. Lihat laporan, Education in Malaysia, Kuala Lumpur: Education Planning and Research, 1985, hal 325.

¹⁴⁵ Ordinan ini menyatakan; 1. Dalam sebuah sekolah bantuan kerajaan, didapati 15 orang murid atau lebih yang beragama Islam, murid-murid itu hendaklah diajar agama Islam. 2. Pelajaran Agama Islam hendaklah diajar sekurang-kurangnya dua jam seminggu dalam waktu pengajaran am sekolah-sekolah. 3. Guru-guru agama yang mengajar agama Islam hendaklah terdiri daripada mereka yang dibenarkan oleh pihak berkuasa negeri. 4. Lembaga pengurusan atau pengelola sekolah hendaklah membuat persediaan yang sepatutnya bagi mengadakan pelajaran agama Islam, dengan syarat lembaga pengurusan atau pengelola dua buah sekolah atau lebih boleh membuat persediaan-persediaan bersama bagi pengajaran tersebut kepada murid-murid beragama Islam dalam sekolah-sekolah mereka. *Laporan Razak*, 1957, op.cit., 1, 2 dan 22.

¹⁴⁶ Menurut Awang Had Salleh, *Penyata Rahman Talib* telah menampakkan satu komitmen kerajaan untuk memberi perhatian yang kuat kepada pelajaran agama Islam dan ketinggian akhlak. Lihat Awang Had Salleh, Pendidikan dalam Pemikiran Awang Had Salleh, Kuala Lumpur: Fajar Bakti, 1985, hal. 22 - 23.

¹⁴⁷ Penyata Rahman Talib, 1960 mengesyorkan bahawa, A. umur boleh berhenti sekolah dinaikkan kepada 15 tahun. B. Pelajaran rendah percuma kepada semua kanak-kanak. C. Mengalih bahasa pengantar sekolah-sekolah rendah kerajaan Bahasa Inggeris kepada Bahasa Malaysia. D. Kenaikan darjah secara automatik. E. Peperiksaan awam sekolah-sekolah menengah diadakan dalam salah satu bahasa rasmi sahaja. F. Penubuhan jamaah penasihat pelajaran negara dan negeri. G. Memberi pelajaran agama Islam di semua sekolah bantuan yang mempunyai murid Islam tidak kurang 15 orang. H. Perhatian lebih kepada pelajaran akhlak. Abdullah Ishak, Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995, hal. 156.

pelajaran biasa kepada murid-murid yang beragama Islam di sekolah-sekolah rendah dan menengah bantuan kerajaan selama dua jam seminggu dan guru agama telah dilantik mengajar matapelajaran tersebut oleh kementerian pelajaran.¹⁴⁸

Peningkatan perkembangan pelajaran dan pendidikan Islam di sekolah bukan sahaja dilihat dari aspek perkembangan sukanan pelajaran, pengambilan guru, latihan, penyatuan dan penyesuaian pentadbiran, malahan juga dari segi nilai pasaran kualiti mata pelajaran agama Islam dalam kurikulum biasa sekolah menengah. Pertama pendidikan Islam diambil sebagai syarat untuk memasuki Tingkatan Empat. Kedua dikira sebagai syarat bagi kiraan peningkatan pangkat dalam Sijil Pelajaran Malaysia. Ketiga dijadikan salah satu syarat untuk memasuki Maktab Perguruan. Pengiktirafan ini memberi pengertian yang besar kepada kedudukan pelajaran agama dalam sistem pendidikan negara. Pada tahun 1996, kerajaan mewajibkan semua pelajar mengambil pelajaran KAFA. Keputusan sama ada pelajar lulus atau tidak akan dicatat dalam sijil keputusan mereka. Sikap kerajaan mewajibkan semua pelajar mengikuti dan lulus pengajian KAFA ini sebagai cerminan cita-cita yang relatif tinggi pihak berkuasa untuk mempertingkat pengetahuan agama kepada masyarakat.

Sekolah agama rakyat, yang dikendalikan oleh kerajaan negeri tidak diabaikan. Bermula pada 1 Januari 1977, sekolah-sekolah ini diambil alih oleh Kerajaan Pusat dan diletakkan di bawah satu pentadbiran, dengan melakukan perubahan silibus memenuhi keperluan semasa, dan memperkenal kurikulum khas Sukatan Pelajaran Pengetahuan Agama Tinggi.¹⁴⁹ Dalam ertikata lain, kerajaan bukan sahaja menyediakan satu bentuk kurikulum yang bersepadu dan berdaya saing yang boleh membina watak insan tetapi juga mengisi akliyahnya dengan ilmu semasa berhubung dengan sistem muamalah dan syariat.

¹⁴⁸ Lihat **Laporan Bahagian Pelajaran Agama**, 1972, hal 13 dan 26. Lihat juga **Laporan Jawatankuasa Kabinet**, 1979, hal 71, dan **Laporan Mengenai Pelaksanaan Dasar Pelajaran**, terhadap pelajaran agama Islam, 1972.

Kurikulum juga sentiasa diubahsuai semasa Anwar Ibrahim, apabila beliau memperkenalkan¹⁵⁰ Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1988.¹⁵¹

Anwar menyebut:

*Education we aim to promote personality and aesthetic development, as well as produce manpower with the requisite skills for economic and national development... educational programmes implemented can accommodate the short term and long term needs of the nation, as well as produce citizens who are knowledgeable, competent as well as equipped with high moral values, able to contribute effectively to the harmony and betterment of the society.*¹⁵²

Pengukuhan ini menunjukkan komitmen kerajaan untuk melahirkan warganegara yang mempunyai kesepaduan ilmu dunia dan ukhrawi.¹⁵³ Kesepaduan ilmu akan dapat membantu kerajaan melahirkan insan yang sempurna (insan kamil) dari aspek emosi, fikiran dan tindakan.

¹⁵⁰ Ada enam aktiviti yang akan menentukan kejayaan kurikulum ini iaitu pengurusan sekolah rendah dan menengah, perkhidmatan murid, pendidikan pertengahan, pendidikan istemewa, kelas pendidikan masa depan dan pendidikan Islam.

¹⁵¹ Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah menitikberatkan: a. Kesepaduan antara intelektual, spiritual, emosi dan fizikal dalam pencapaian maksud pembangunan. b. Kesinambungan dalam isi kurikulum soal principal, konsep dan strategi pendidikan keguruan. c. Pengukuhan asas pendidikan sepanjang hayat; d. Mempertingkat kecekapan penggunaan Bahasa Melayu; e. Menitikberatkan soal-soal agama dan akhlak.

Aktiviti ko-kurikulum menekankan kesepaduan antara kesinambungan kepada kurikulum yang dilakukan di luar bilik darjah. Objektif ko-kurikulum ini diadakan adalah untuk a. membangunkan psychomotor dan mempertingkatkan kemahiran kepada personaliti dan kelakuan. b. Untuk membangunkan kualiti kepimpinan, pemupukan nilai disiplin dan tolak ansur; c. Membangunkan kekuatan nilai semangat sepasukan dan keprihatinan sosial; d. Memperseimbang pembangunan fizikal dan spiritual untuk rasa bertanggungjawab kepada diri dan masyarakat. e. Menanam semangat sepasukan sesama kaum yang berlainan latar belakang etnik sebagai satu agenda negara dan identiti kebangsaan. Lihat *Curriculum*, Wan Mohd Zahid, dalam Education in Malaysia 1989, *ibid.*, hal. 24 - 25.

¹⁵² Anwar Ibrahim, Kata Aluan dalam Education in Malaysia, Kuala Lumpur: Planning and Research Division, 1989.

¹⁵³ Abdul Rahman Arshad mengungkapkan "The new Curriculum aims at the over all development of a child academically, culturally, spiritually and socially by approaching subjects and classroom activities in a more realistic and meaningful way". Abdul Rahman Arshad, *Ibid.*

Selain kurikulum, tenaga pengajar pendidikan Islam juga dipertingkatkan dan segi kemahiran dan profesionalisme. Pada Januari 1977, kerajaan telah menubuhkan *Maktab Perguruan Islam* (MPI). Yang bermula dengan hanya menumpang di *Maktab Perguruan Bahasa*, Kuala Lumpur, dan kemudian dipindahkan ke Petaling Jaya, pada tahun 1989, MPI mempunyai kampus tetapnya di Sungai Merab, Bangi. Selain untuk melatih guru agama, MPI ditubuhkan untuk memperjuang taraf atau kedudukan guru agama.¹⁵⁴ Maktab Perguruan memberi ruang yang besar kepada perkembangan agama Islam di negara ini, kerana maktab ini akan melahirkan guru yang terlatih dan terbimbing dalam proses mendidik anak-anak dan membina generasi baru yang berilmu. Generasi berilmu inilah yang dikehendaki bagi memudahkan kerajaan melaksana cita-cita politiknya.¹⁵⁵

Cita-cita yang relatif tinggi kerajaan melaksana undang-undang Islam dapat dilihat melalui usaha yang dilakukan dengan mewujudkan institusi pendidikan tinggi Islam samaada di peringkat diploma seperti Kolej Islam Malaya (1955), Kolej Ugama Zainal Abidin (KUZA) pada tahun 1983, Kolej Islam Melaka (KIM) pada tahun 1994, Kolej Islam Darul Ehsan (KISDA) pada tahun 1996, atau di peringkat ijazah seperti Kolej Islam Malaya (1955), Jabatan Pengajian Islam UM (1955), Fakulti Pengajian Islam UKM (1970), Akademi Islam UM (1982), dan Universiti Islam Antarabangsa (1983) yang menjurus dalam bidang perundangan.

¹⁵⁴ Penyelarasan dibuat supaya Guru Agama dimasuk dalam Laporan Skim Gaji Aziz. Skim gaji Aziz ialah skim yang diterima atas tanggagaji, C1 untuk pemegang sijil STP termasuk pengalaman latihan perguruan. Bagi Ijazah BA Azhar dan setaraf dengan latihan guru mereka akan ditawarkan tanggagaji D1 iaitu $800 \times 50 \times 850$, SP $950 \times 50 - 1150$, SK $1300 \times 50 - 1150$, SK $1600 \times 100 \times 1,800$. Apabila mereka diserap ke tanggagaji laporan Kabinet mula Januari 1986, sebagai pemegang ijazah dari Azhar Universiti akan ditukarkan ke tangga gaji A20. $A20 = 1000 \times 60/1240 \times 40 / 1480/1600 \times 60/1720 \times 100/2340$. Bagi pemegang ijazah Ph.D akan dimulakan dengan tangga gaji A14= 1600×60 sehingga 2340. Dalam masa lima tahun mereka boleh dinaikkan ke A11= 2095×100 hingga 2295, sehingga ke tangga gaji A10 = $2650 \times 120 / 2770$ sebagai mata gaji 'super skill G'. Manakala MA akan diberi tangga gaji $1420 \times 60/1540/1600 \times 60/2340$. Lihat Laporan Tahunan UMNO tahun 1977 mengenai Peranan Biro Agama UMNO Malaysia.

¹⁵⁵ Perkara ini akan dibincang apabila menyentuh soal universiti nanti.

Kolej Islam Malaya (KIM) ditubuhkan pada tahun 1955, dijadikan sebagai sebuah pusat pengajian tinggi Islam pertama.¹⁵⁶ Pada tahun yang sama KIM dijadikan satu Jabatan di Universiti Malaya yang dikenali dengan Jabatan Pengajian Islam (JPI). KIM bertanggungjawab memberi latihan kepada pelajar-pelajar untuk mengintegrasikan ilmu pengajian Islam ke dalam bidang-bidang pengajian lain seperti sastera, sains sosial, ekonomi dan kemanusiaan.¹⁵⁷ Selain menawarkan kursus-kursus pengajian Islam, JPI juga menawarkan subjek perkhidmatan Islam kepada pelajar-pelajar yang hendak mengambil mata pelajaran pilihan. Di antara tahun 1992 hingga 1995 JPI telah mengeluarkan lima orang pelajar peringkat Ph.D, lima orang Sarjana dan 137 orang Sarjana Muda. Selain menawarkan perkhidmatan pengajaran, para pensyarah JPI menjalankan penyelidikan dan penulisan buku ilmiah yang bersangkutan dalam soal sosial, budaya, ekonomi, undang-undang dan politik.

Jadual 1
Bilangan calon berdaftar pada setiap tahun pengajian di JPI

Kursus/ Tahun	1991/92	1992/93	1993/94	1994/95	1995/96
Ph.D	8	12	18	18	11
Sarjana	29	32	18	18	17
S. Muda	39	70	52	82	80

Sumber: Kertas cadangan Penyatuan Jabatan Pengajian Islam dan Akademi Islam UM.

Jadual 2

Bilangan Calon yang dianugerahi ijazah di JPI

Kursus/ Tahun	1991/92	1992/93	1993/94	1994/95	1995/96	Jumlah
Ph.D	-	1	1	2	1	5
Sarjana	-	1	1	2	1	5
S. Muda	40	24	23	16	34	137

Sumber: Kertas Cadangan Penyatuan Jabatan Pengajian Islam dan Akademi Islam UM

¹⁵⁶ Lihat **Buku Panduan** Kelang: Kolej Islam Malaya, 1955

¹⁵⁷ Lihat **Buku Panduan Jabatan Pengajian Islam**, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1970

Lima belas tahun kemudian pada 18 Mei 1970, kerajaan menubuhkan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (FPIUKM). Tujuan FPI ditubuhkan ialah untuk meninggikan bidang pengajian Islam di samping menjadi pusat penyelidikan Islam yang penting di negara ini. Ia juga bertujuan untuk melahirkan para pelajar yang benar-benar mahir dan berkebolehan dalam bidang pengajian Islam dan berkebolehan menggunakan pengajian tersebut untuk memimpin masyarakat, ingin melahirkan satu generasi yang benar-benar memahami Islam, membentuk cara berfikir yang sihat mengikut prinsip falsafah dan pemikiran Islam.¹⁵⁸ Sepanjang penubuhannya selama 27 tahun sejak tahun 1970 sehingga 1997, FPI telah mengeluarkan 12 orang Doktor Falsafah, 85 orang Sarjana dan 6884 orang Sarjana Muda, yang mengisi pelbagai jawatan di jabatan-jabatan kerajaan.¹⁵⁹

Keupayaan pelajar FPI sentiasa di pertingkatkan dengan mempertingkat kurikulum pembelajarannya, penyemakan silibus, dan penyesuaian dengan perkembangan semasa. Antara tahun 1970 sehingga 1997 FPI membuat tiga kali perubahan kurikulum,¹⁶⁰ pertama pada sesi 1983/84 dengan memperkenalkan struktur umum pengajian apabila pada peringkat awal, pelajar tidak dijuruskan mengikut jabatan. Kedua, pada sesi 1996/97 struktur pembelajaran FPI menjurus mengikut pengajian yang ada iaitu Jabatan Syariah dan Undang-undang, Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Jabatan Bahasa dan Tamadun, dan Jabatan

¹⁵⁸ Wawancara dengan Mohd Ridzuan Awang, Dekan Fakulti Syariah, di Jabatan Syariah, UKM, pada 25 Ogos 1997.

¹⁵⁹ Mohd Ridzuan Awang, ibid.

¹⁶⁰ Ibid.

Dakwah.¹⁶¹ Keupayaan pelajar Syariah dan Undang-undang dipertingkat dengan mewajibkan

mereka melakukan latihan industri di Mahkamah Syariah atau di pejabat kadi secara praktikal.¹⁶²

Selain kursus ijazah, FPI menawarkan program pengajian peringkat Diploma Undang-undang Syariah. Program ini dilakukan dalam masa tiga semester¹⁶³. Golongan sasar pengajian ialah para pegawai undang-undang (peguam), ahli-ahli profesional dan masyarakat umum. Usaha-usaha yang sedemikian akan memperbanyak masyarakat memahami sistem perundungan Islam, dan seterusnya mempermudah usaha kerajaan untuk melaksanakan undang-undang.

Menurut Ketua Jabatan Syariah satu rancangan telah pun dikemukakan kepada pihak Universiti untuk mengubah struktur pengajian syariah lebih dinamik dan profesional maksudnya seorang pelajar yang mengikuti sistem ini akan mendapat dua ijazah dalam masa empat tahun, iaitu tiga tahun untuk ijazah syariah dan satu tahun untuk ijazah undang-undang sivil. Dalam erti kata lain, mereka yang lulus mengikuti program ini akan memiliki ijazah Sarjana Muda Syariah dan Sarjana Muda Undang-undang [LLB].¹⁶⁴ Menurut Mohd Ridzuan tidak semua

¹⁶¹ Ibid., Lihat juga **Buku Panduan FPIUKM** bagi tahun 1996/97 dan sesi 1983/84.

¹⁶² FPI juga mewujudkan Klinik Hukum Syarak dan Guaman Syari'e. Tujuan klinik ini diwujudkan untuk meningkatkan kemahiran amali di kalangan pelajar dan tenaga pengajar dalam bidang guaman syar'i e. melakukan penyelidikan dalam masalah-masalah yang memerlukan suatu kajian yang mendalam dan masih belum diterokai dalam bidang undang-undang, mengumpul dan menilai kes-kes yang telah dikendalikan melalui Jurnal Klinik Hukum dan Guaman Syari'e. menjadi Pusat Latihan Amali kepada mahasiswa yang mengikuti Program Diploma Pentadbiran Kehakiman dan Guaman Islam, dan memberi khidmat Guaman Syari'e dan khidmat nasihat hukum hakam kepada masyarakat yang memerlukan. Perkhidmatan yang ditawarkan oleh Klinik Hukum Syarak dan Guaman Syari'e ialah Khidmat Rundingan yang diberikan kepada mana-mana badan, masyarakat dan institusi. Khidmat Kaunseling iaitu khidmat nasihat guaman atau hukum yang dikemukakan oleh individu atau kumpulan. Dan Khidmat Kes Mahkamah iaitu tindakan susulan selepas kaunseling dilakukan dan memerlukan kes-kes itu dibawa ke Mahkamah. Lihat *Risalah Klinik Hukum Syarak dan Guaman Syari'e*. **Fakulti Pengajian Islam**, Universiti Kebangsaan Malaysia. 1995.

¹⁶³ Lihat **Risalah** kemasukan Diploma Undang-undang Syariah, Fakulti Pengajian Islam. 1997/98.

¹⁶⁴ Wawancara, dengan Ketua Jabatan Syariah, Pengajian Islam, pada 25hb Ogos 1997.

pelajar syariah akan mengikuti program ini, mereka yang dipilih adalah dari kalangan mereka yang betul-betul mampu dan layak sejajar dengan tahap ukuran yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti.¹⁶⁵

Selain mengajar, para pensyarah FPI juga melakukan penyelidikan. Ada beberapa penyelidikan telah dilakukan dalam pelbagai bidang keilmuan. Sepanjang kewujudan FPI, tidak kurang 60 penyelidikan telah dilakukan,¹⁶⁶ antaranya dalam bidang ekonomi, pemikiran, pendidikan, undang-undang dan politik. Dalam bidang penulisan, para pensyarah juga memberi sumbangan sama ada dalam bentuk artikel, kertas kerja, buku, jurnal dan monograf. Perkara itu dilakukan sebagai satu sumbangan Fakulti kepada masyarakat dan untuk memenuhi tujuan fakulti diwujudkan sebagai pusat perkembangan dan kecemerlangan ilmu.¹⁶⁷

Kerajaan mengiktiraf kewujudan FPI dengan memberi ruang kepada pensyarahnya menganggotai beberapa jawatankuasa penyelarasan undang-undang Islam dan sivil. Menurut Mohd Ridzuan, kedudukan tersebut boleh membantu kerajaan dalam mempercepat proses pengubalan undang-undang Islam di negara ini. Sebagai orang yang pakar dalam bidang undang-undang tanah, beliau memperakui sepanjang keterlibatan beliau secara terus dalam proses pengubalan undang-undang tanah negara, boleh dikatakan, banyak akta kanun tanah negara kini sudah selaras dengan undang-undang Islam, walaupun tidak diungkapkan dengan nama undang-undang tanah Islam. Mohd Ridzuan juga berpendapat kerajaan telah berusaha melakukan perubahan dengan menubuhkan beberapa jawatankuasa. Namun beliau belum berpuas hati dengan apa yang dilakukan oleh kerajaan hari ini dalam menangani isu pelaksanaan undang-undang Islam.¹⁶⁸ Sejajaran dengan itu beliau masih melihat bahawa cita-

¹⁶⁵ Ibid.

¹⁶⁶ Lihat catatan **Buku Rekod Penyelidikan**, Pejabat Dekan Fakulti Pengajian Islam, 1997

¹⁶⁷ Wawancara, op.cit.

¹⁶⁸ Wawancara, ibid.

cita politik (*political will*) yang tinggi adalah penting dalam memastikan pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia.

Bagi menampung keperluan dan memenuhi kehendak rakyat kepada pendidikan Islam, kerajaan menujuhkan Akademi Islam Universiti Malaya (AIUM) pada 1 April 1981.¹⁶⁹ Ia ditubuhkan untuk memberi peluang kepada para pelajar aliran agama menyambung pelajaran lebih tinggi dalam pengajian agama, dan memperdalam ilmu yang berhubung dengan undang-undang Islam. Akademi Islam berazam mengeluarkan siswazah yang berpengetahuan dan berjiwa Islam, menjadi pegawai tadbir, ahli penyelidik dan ahli profesional yang mampan, dan dapat menyumbang tenaga kepada pembangunan negara.¹⁷⁰ Tiga bidang pengajian ditawarkan iaitu bidang Usuluddin, Syariah dan Pendidikan Islam.¹⁷¹ Pengambilan pertama pelajar ialah pada sesi 83/84, iaitu seramai 66 orang. Sementara calon siswazah pendidikan Islam mula diambil sesi 85/86 berjumlah 25 orang.¹⁷² Pengambilan pelajar meningkat dari tahun ke tahun, bermakna bilangan pensyarah juga meningkat. Apabila bilangan pensyarah dan pelajar meningkat dengan sendirinya kos perbelanjaan juga tuntut meningkat. Dalam ertikata lain, beban kerajaan juga meningkat untuk menampung keperluan permintaan yang bertambah. Ini bermakna relatif tinggi cita-cita kerajaan melahirkan individu yang mempunyai nilai ilmu agama dan perundangan Islam bertambah dari semasa ke semasa.

Mulai 1994 kursus Pengajian Awam Syariah ditawarkan di AIUM kepada orang awam yang tidak berkesempatan mengikuti pembelajaran syariah secara khusus. Kemasukan pelajar mengikuti kursus ini meningkat, bermula dengan jumlah seramai 91 orang pelajar pada tahun

¹⁶⁹ Lihat Laporan Jawatankuasa Kertas Cadangan Penyatuan Jabatan Pengajian Islam dengan Akademi Islam dan Penyusunan semula Akademi Islam Universiti Malaya, 1997. Lihat juga Buku Panduan Akademi Islam Universiti Malaya bagi tahun 1995, hal. 111.

¹⁷⁰ Ibid. hal. 5

¹⁷¹ Wawancara dengan Alias Othman, Pemangku Timbalan Pengarah Akademi Islam, merangkap Ketua Jabatan Syariah dan Politik, AIUM, pada 26 Julai 1997.

¹⁷² Lihat Statistik, Jadual pengambilan pelajar AIUM, dalam lampiran.

1994 meningkat secara mendadak pada tahun 1995 kepada 757 orang pelajar. Pertambahan ini memberi gambaran tentang kesungguhan institusi pendidikan melahirkan man power khususnya dalam bidang perundangan ditampilkan dalam masyarakat. Bagi kerajaan, sumber tenaga profesional adalah aset kepada kelangsungan pelaksanaan undang-undang Islam. Pelahiran sumber tenaga profesional melambangkan kewujudan cita-cita kerajaan, secara tidak lansung dalam pelaksanaan undang-undang Islam.

Pada tahun 1996, Jabatan Pengajian Islam dan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya disatukan di bawah satu pentadbiran.¹⁷³ Menurut Alias Othman, penyatuan ini memperlihat satu keinginan pihak pengurusan universiti untuk meningkatkan keupayaan pendidikan Islam dalam melahirkan sumber tenaga manusia yang profesional.¹⁷⁴ Percantuman tersebut menyebabkan berlakunya perubahan kepada struktur organisasi,¹⁷⁵ perkembangan jawatan, pertambahan pengambilan pelajar,¹⁷⁶ dan pertambahan tawaran mata pelajaran yang lebih profesional.¹⁷⁷

¹⁷³ Wawancara dengan Alias Othman, op.cit.

¹⁷⁴ Antara objektif konsep penyatuan AI dan JPI ialah. a) Dasar rasionalisme Universiti supaya wujud hanya satu institusi pengajian Islam sahaja di dalamnya supaya perhatian khusus dalam bidang pengajian berkenaan; b) Hasrat AI dan JPI sendiri untuk mempertingkat pengajian Islam sebagai satu bidang yang terkemuka; c) Untuk dapat menggunakan sumber secara maksima dan mengelakkan pertindihan atau duplikasi, bagi menjamin kewujudan asas yang kukuh dalam penggunaan sumber manusia; d) Untuk mewujudkan pusat pengajian Islam yang ulung di negara ini khususnya dan di dunia amnya bagi mengadakan penyelidikan dan menyelesaikan isu-isu menangani Islam dan yang berkaitan dengannya secara lebih berkesan. Lihat *Laporan Kertas Cadangan Jawatankuasa Penyatuan JPI dan AI*, 1995.

¹⁷⁵ Organisasi API diketuai oleh seorang Pengarah dan dibantu oleh tiga orang Timbalan Pengarah iaitu Tim Pengarah Bhg Pengajian Syariah, Tim Pengarah Bhg Pengajian Usuluddin dan Tim Pengarah Bhg Pengajian Bersama. Berbeza dengan yang lama, AI hanya diketuai oleh Ketua Akademi dan dibantu oleh dua Dekan iaitu Dekan Syariah dan Dekan Usuluddin.

¹⁷⁶ Menurut perangkaan, setiap Bahagian Pengajian akan mengunjurkan pengambilan pelajar 10% bagi setiap tahun, dan perkara ini adalah bergantung kepada keperluan Bahagian berkenaan.

¹⁷⁷ Beberapa Jabatan telah diwujudkan dan ditadbir oleh seorang ketua Bahagian Pengajian Syariah mewujudkan Jabatan Fiqh dan Usul, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Jabatan Ekonomi Islam,

Para pensyarah diberi ruang untuk membuat penyelidikan dan penulisan. Alias Othman menyatakan bahawa tindakan itu adalah bertujuan untuk melahirkan sarjana yang berwibawa dan matang, dan dapat memberikan pandangan kepada sesuatu dasar negara. Dari tahun 1991 hingga 1995, sebanyak 25 penyelidikan dibuat meliputi semua bidang pengajian Islam seperti ekonomi, politik, sosial, dakwah dan kekeluargaan.¹⁷⁸ AIUM telibat dalam banyak aktiviti antaranya, pertama, seminar, dialog, dan diskusi. Kedua, menubuhkan klinik syarie, ketiga, menjadi pakar rujuk dalam institusi kewangan, dan keempat, menjadi hakim Mahkamah Tinggi Syariah. Penglibatan para pensyarah sebagai pakar rujuk dilihat sebagai satu sumbangan yang bermakna kepada perkembangan perundangan Islam di Malaysia.

Kesan desakan gerakan Islam, kerajaan bersetuju menubuhkan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada 20 Mei 1983.¹⁷⁹ Pengambilan pelajar pertama pada 15 Julai 1983 berjumlah 153 orang mengikuti kursus ekonomi (Sarjana Muda Ekonomi) dan

Jabatan Pengurusan Islam dan Jabatan Siasah Syar'iyyah. Sementara Bahagian Pengajian Usuluddin mewujudkan Jabatan Pengajian al-Qur'an dan al-Hadith, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam dan Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan. Bahagian Pengajian Bersama diwujudkan Pendidikan Islam dan Pengajian Islam. Selain itu AI juga telah mewujudkan beberapa unit untuk memperkuatkan kemantapan pengajiannya iaitu Unit Pengajian Awam, Unit Khidmat Perundingan Islam, Unit Penyelidikan, Unit Dokumentasi dan Unit Penerbitan. Lihat **Buku laporan tahunan AIUM, 1997**

¹⁷⁸ Antara penyelidikan yang telah dibuat oleh AI sepanjang kewujudnya ialah, "Kefahaman Masyarakat Islam tentang Hukum Islam di Malaysia", "Perkembangan Sekolah-sekolah Agama di Kelantan", "Pentadbiran Undang-undang Islam di Mahkamah-mahkamah Syariah di Malaysia", "Pengajian al-Qur'an di Institusi Rakyat di Pahang dan Kelantan", "Pentadbiran undang-undang Jenayah Islam di Mahkamah-mahkamah Syariah di Malaysia", "Projek 'al-Qard al-Hasan' bagi Mengatasi Kemiskinan Golongan Termiskin", "Pengurusan Zakat di Perak Selatan, Selangor dan Wilayah Persekutuan", "Kristianisasi di Wilayah Persekutuan dan Selangor", "Sejarah Dakwah Islam di Kelantan: Peranan Ulama di sekitar Tahun 1920 – 1970", "Kefahaman Tentang di Kalangan Penyokong-penyokong PAS", "Kepercayaan Orang Cina di Wilayah Persekutuan dan Pandangan Mereka Terhadap Agama Islam", "Pembangunan Tenaga Manusia dalam Agensi yang Mengendalikan Hal-hal Berkennaan Bait-al-Mal", "Zakat dan Wakaf", "Pengurusan Harta Zakat di Negeri Sembilan, Melaka dan Johor", "Bidangkuasa Jenayah dan Pelaksanaannya di Mahkamah-mahkamah Syariah", "Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah di Malaysia", "Ulama dan Perubahan Sosial di Kelantan", "Pentadbiran Zakat di Malaysia", "Etika Hakim di Mahkamah Syariah di Malaysia", "Status Wanita Dalam Undang-undang Jenayah Islam", "Pencercaian di Kalangan Umat Islam di Kedah", "Perlis dan Pulau Pinang dan Masyarakat India Muslim di Malaysia". Lihat **Buku Laporan Penyelidikan AIUM**.

¹⁷⁹ Lihat **Buku Cenderamata**, 10 tahun Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 1996.

undang-undang (LLB). Setelah sepuluh tahun beroperasi, pelajar UIAM menjangkau kepada 8672 orang yang mengikuti pelbagai jurusan dalam 11 fakulti. UIAM ditubuhkan mempunyai visi¹⁸⁰, misi¹⁸¹, tujuannya¹⁸² dan falsafah tersendiri berlandaskan kepada al-Qur'an dan al-Sunnah.

Berdasarkan kepada tujuan dan falsafah tersebut, UIAM telah merangka satu bentuk kurikulum, pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang mengabungkan antara nilai moral dengan kerohanian. UIAM berpendapat cendikiawan dan ahli-ahli profesional yang mempunyai nilai moral yang tinggi adalah penting dalam pembangunan negara. UIAM yakin dengan sumber

¹⁸⁰ UIAM mempunyai visinya tersendiri iaitu Berasaskan kepada pandangan alam (World View) Tauhid dan falsafah Islam, gabungan antara ilmu dan kesucian pendidikan. UIAM menetapkan sasarannya (aims) untuk menjadi sebagai pusat pengajian Antarabangsa yang cemerlang, yang akan: a) Mengembalikan kedinamikan intelektual Islam dan Ummah; b) Pengintegrasian Islam, pengabungan ilmu dan nilai dalam semua disiplin akademik dan aktiviti pendidikan; c.) cuba mencari jalan bagi mengembalikan sebagai peneraju yang progresif kepada umat Islam dalam semua cabang ilmu; dan d) Untuk memberi sumbangan kepada peningkatan dan meninggikan kualiti hidup dan tamadun manusia.

¹⁸¹ Misi UIAM ialah a) Berjanji dengan keupayaan untuk melahirkan Muslim yang mempunyai pemikiran semasa, muslim yang sepadu antara ilmu asas dan ilmu alat (sains) dalam pengertian yang positif; b) Melahirkan kualiti intelektual yang berkelibar, profesional dan ilmuan yang mempunyai keintegrasian Iman, Ilmu dan Tingkah laku yang baik yang boleh menjadi agen perubahan dan pembangunan negara; c) Untuk menyebarkan konsep Islamsasi ilmu kemanusiaan dalam pelajaran, penyelidikan, perundingan dan penyebaran ilmu dan kecemerlangan dalam pembangunan akademik; d) Untuk mengembalikan kepada asal kualiti diri yang murni, diisi dengan ahlak Islam, nilai spiritual dalam proses pembelajaran, pengajaran, penyelidikan, perundingan, penyebaran, pentadbiran dalam kehidupan pelajar; e) Untuk menjadi contoh kepada masyarakat antarabangsa atas usaha-usaha intelektual, keilmuan, profesional kepada pegawai dan pekerja yang mempunyai pandangan alam (world view) dan kod etika yang sepadu dalam budaya kerja mereka; f) Bersedia untuk memahami kepelbagaian kebudayaan dan sedia berbincang dalam aspek ketamadunan dalam proses perhubungan masyarakat dan negara; g) Untuk membangun suasana dan berusaha bersungguh-sungguh untuk belajar sepanjang hayat dan rasa bertanggungjawab kepada masyarakat, kakitangan dan pelajar.

¹⁸² Tujuan UIAM ditubuhkan adalah untuk: a) Untuk menghidupkan kembali konsep pembelajaran secara Islam dengan menganggap mencarian ilmu sebagai satu ibadat sebagaimana yang dianjurkan oleh al-Qur'an; b) untuk memperkuuh kembali, dengan pertolongan Allah, keunggulan Islam di dalam segenap bidang ilmu yang selari dengan tradisi Islam, sebagaimana ditunjukkan oleh ulama-ulama dan ahli-ahli fikir Islam yang mempelorinya daripada sunnah dan perjalanan hidup junjungan besar Nabi Muhammad saw. c) Untuk mengembalikan kesedaran tradiri pengajian Islam secara klasik apabila ilmu pengetahuan disebarluaskan dan ditutut dengan semangat untuk mentauhidkan diri kepada Allah; d) untuk meluaskan lagi bidang pilihan kepada umat Islam dalam pengajian tinggi, melalui penubuhan pusat pengajian tinggi Islam yang sentiasa berusaha untuk meningkatkan segala bentuk pencapaian akademik.

tenaga manusia yang dilahirkan itu akan dapat membantu dan memberi sumbangan kepada pencapaian kehendak-kehendak politik.¹⁸³ Ahmad Ibrahim mengungkapkan.

Bahawa program Undang-undang UIAM, akan membolehkan negara ini mempunyai peguam yang bukan sahaja mahir dalam bidang undang-undang Inggeris tetapi juga undang-undang Islam. Sepanjang program tersebut dijalankan selama empat tahun pelajar akan diberi latihan dalam kedua-dua bidang perundungan, dengan cara itu sahajalah kita dapat membuktikan bahawa undang-undang Islam boleh dipraktikkan di negara moden seperti Malaysia.¹⁸⁴

UIAM mengeluarkan graduan meliputi semua peringkat, iaitu peringkat diploma, sarjana muda, sarjana dan Doktor Falsafah yang meningkat dari tahun ke setahun¹⁸⁵. Pada sesi 1997, 85 orang pelajar Ph.D, 694 orang sarjana, dan 6965 calon ijazah pertama. Ijazah Doktor Falsafah pertama dianugerahi pada sesi 90/91 setelah satu dekad kewujudannya. UIAM berjaya mengumpul dan menerbit tidak kurang, 1335 koleksi terbitan sama ada dalam bentuk buku, jurnal, tulisan-tulisan dalam majalah, akhbar dan pembentangan kertas kerja sama ada di peringkat antarabangsa mahupun kebangsaan.¹⁸⁶

UIAM adalah di antara universiti yang aktif menyalurkan tenaga pensyarahnya dalam jawatan-jawatankuasa untuk mempermoden sistem kehakiman dan kewangan Islam di negara ini. Contohnya Jawatankuasa Penyelarasaran Undang-undang Islam dan Sivil (JPTUSS), dipengerusikan oleh Ahmad Ibrahim dan dibantu oleh Razali Nawawi. Ahli Iujnah Syariah dalam institusi-institusi kewangan. Ahli Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan ahli Majlis Agama Islam Negeri. Sumbangan itu besar ertiinya kepada perkembangan sistem perundungan Islam di Malaysia. Keterlibatan para pensyarah dalam jawatan-jawatankuasa yang telah diwujudkan itu

¹⁸³ Lihat Buku Penerangan Jabatan Perhubungan Awam, UIAM, 1993.

¹⁸⁴ Wawancara dengan Ahmad Ibrahim di Universiti Islam Antarabangsa, pada 2 September 1997

¹⁸⁵ Lihat Buku Rekod Pelajar UIAM, 1997.

¹⁸⁶ Lihat Buku Catatan Penerbitan dan Penyelidikan, UIAM, 1983 - 1993 dan 1994 - 1995.

adalah sebahagian dari sumbangan UIAM dalam usaha meningkatkan kefahaman masyarakat berhubung dengan undang-undang Islam.

Menurut Razali Nawawi beberapa tindakan kerajaan hari ini seperti mengadakan *Jawatankuasa Penyelarasan Undang-undang Syariah dan Sivil* sebagai satu usaha cerminkan kewujudan cita-cita dalam pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia.¹⁸⁷ Beliau juga berpendapat pendekatan yang digunakan oleh Ahmad Ibrahim dalam mengetengahkan sistem perundangan Islam di Malaysia adalah suatu yang terbaik. Bagi beliau, Ahmad Ibrahim adalah seorang tokoh ilmuan yang tidak pemah jemu dan mundur dalam melaksanakan tanggungjawab akademiknya. Bagi Razali Nawawi, pelaksanaan undang-undang Islam tidak perlu melabelkan atas nama Islam dalam mana-mana enakmen. Bagi beliau, tidak semestinya setiap enakmen itu dimasukkan label Islam. Yang lebih penting bagi beliau ialah sistem undang-undang yang dilaksanakan itu sesuai atau tidak dengan kehendak syariat Islam.¹⁸⁸ Walau bagaimanapun beliau berpendapat pendekatan itu buat sementara waktu, apabila masyarakat keseluruhannya sudah yakin, serasi dan bersedia menerima undang-undang Islam, tidaklah menjadi suatu kesukaran untuk dilabelkan dengan Islam. Bagi Razali Nawawi perkara itu perlu dilakukan supaya masyarakat dapat mengetahui bahawa undang-undang yang sedang diamalkan itu adalah undang-undang Islam. Penggunaan istilah Islam di dalam mana-mana akta atau enakmen seharusnya dibuat dengan cermat dan berhati-hati supaya tidak mudah dipertikaikan dan mendatangkan implikasi tafsiran yang lain.¹⁸⁹

Satu lagi institusi pengajian Islam yang ditubuhkan ialah *Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC)* pada 4hb Disember 1987. Institusi ini diwujudkan atas dasar cita-cita ingin menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara ilmu dan pusat rujukan ilmu-

¹⁸⁷ Wawancara dengan Razali Nawawi, Prof Dr., Pensyarah Kuliah Undang-undang Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, di UTAM, pada 29 Julai 1997.

¹⁸⁸ Wawancara, Ibid.

¹⁸⁹ Wawancara, Ibid.

ilmu Islam. Sesuai dengan hasrat ini, /STAC bertanggungjawab melahirkan para graduan ijazah lanjutan di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah, dalam pelbagai bidang berdasarkan kepada ilmu Islam.¹⁹⁰ Sejajar dengan matlamat penubuhannya, /STAC kini mempunyai 100 orang pelajar sama ada pada peringkat Ph.D maupun Sarjana. Sehingga tahun 1997, /STAC telah mengeluarkan tiga orang graduan Doktor Falsafah dan lapan orang Sarjana.¹⁹¹

Kerajaan memberi tanggungjawab kepada /STAC untuk mengumpul segala khazanah tulisan ilmuan Islam dalam pelbagai bentuk seperti mikrofilem, mikrofiche dan manuskrip. Sepanjang kewujudannya, /STAC berjaya mengumpul 150 ribu naskhah buku Islam dan enam ribu tulisan dalam bentuk manuskrip. /STAC juga bertanggungjawab menerbitkan tulisan-tulisan ilmuan Islam. Sejak tahun 1987 hingga 1997, ia telah menerbitkan lebih kurang 30 naskhah buku dalam pelbagai topik, seperti psikologi, falsafah dan teologi, undang-undang, sejarah dan sains serta diterjemahkan dalam pelbagai bahasa seperti Bosnia, Urdu, Turki, Indonesia, dan bahasa-bahasa Eropah.¹⁹² Sesuai dengan tanggungjawabnya, /STAC telah mengadakan MoU dengan Kerajaan Bosnia untuk memelihara hampir 20 ribu naskah koleksi manuskrip dan buku tamadun Islam, yang tidak terurus dan hampir musnah semasa perang di Bosnia.¹⁹³

Berdasarkan kepada kesungguhan ini jelaslah memperlihatkan, keprihatinan kerajaan dalam menangani persoalan pemeliharaan khazanah Islam yang begitu tinggi nilainya. Usaha yang dilakukan ini adalah satu 'initiative' yang pertama dilakukan oleh sebuah negara umat Islam. Sistem pendidikan ini mencerminkan relatif tingginya cita-cita kerajaan dalam melahirkan manusia yang memahami, mendalami dan akhirnya akan mendokongi pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia. Dengan wujudnya institusi pengajian tinggi khususnya dalam

¹⁹⁰ Lihat Risalah keterangan, Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam, 1997.

¹⁹¹ Ibid.

¹⁹² Lihat Risalah Duplicating, ISTAC 1998.

¹⁹³ Lihat, ibid., hal. 3.

sistem perundangan Islam akan mempermudahkan pelaksanaan undang-undang Islam di negara ini.

3.5 Islamisasi Pentadbiran

Selain melalui sistem pendidikan, cerminan kewujudan cita-cita kerajaan dapat dilihat kepada program Islamisasi sistem pentadbiran negara, dengan terlaciarnya beberapa dasar seperti penerapan nilai-nilai Islam, kepimpinan melalui teladan, dasar bersih, cekap dan amanah. Islamisasi pentadbiran bermaksud penerapan nilai-nilai murni dalam sistem pentadbiran kerajaan, iaitu satu rancangan kerajaan untuk menanamkan nilai-nilai murni di kalangan kakitangan awam dan membina kedudukan pentadbiran negara sebagai satu jabatan berteraskan keyakinan dan keimanan. Hasilnya untuk membina satu tamadun bangsa yang kuat dan dihormati.¹⁹⁴ Mahathir Mohamad mengatakan:

*Kita Malaysia tidak bercita-cita untuk mendirikan satu tamadun yang boleh menggegarkan dunia. Kita hanya ingin melihat rakyat kita hidup aman dan damai dengan kemewahan serta kesenangan yang berpatutan dan tidak pula lebih rendah daripada bangsa-bangsa lain yang maju. Kita ingin negara kita bangsa kita dan agama kita dihormati. Kita tidak ingin nasib malang seperti yang menimpa bangsa dan negara di dunia.*¹⁹⁵

Dasar penerapan nilai-nilai Islam dilancar pada tahun 1983.¹⁹⁶ oleh Mahathir Mohamad. Dasar ini bertunjang kepada penghayatan nilai-nilai murni sejagat yang boleh diterima oleh semua golongan masyarakat. Bagi kerajaan unsur ini merupakan sebahagian daripada unsur terpenting dalam memastikan kelahiran sebuah masyarakat yang kuat dan dihormati.¹⁹⁷ Bagi

¹⁹⁴ Lihat Risalah, Satu Penjelasan tentang Panduan Rancangan Penerapan Nilai-nilai Islam, Kuala Lumpur: Bahagian agama Islam JPM, 1984.

¹⁹⁵ Ibid., hal. 6.

¹⁹⁶ Berita Harian, 20 April 1987, hal. 3.

¹⁹⁷ Yusof Noor, "Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dalam Konteks Politik Kebangsaan Masa Kini", Kertas kerja seminar *Arus Politik Kebangsaan*, anjuran FSKK, UKM Bangi, 3 Mei 1985, hal. 3

beliau kejatuhan dan kebangunan sesuatu bangsa bergantung rapat tentang sejauh manakah mereka berpegang dengan nilai-nilai murni. Kata Mahathir Mohamad:

*Tamadun seperti Egypt, Parsi, China, Monggol, Rom, Islam, Turki dan British muncul kerana bangsa ini lebih mampu menyusun masyarakat mereka dan membentuk nilai hidup dan budaya bangsa yang boleh menyumbang kepada perkembangan tamadun mereka.*¹⁹⁸

Menurut Mohd Noor Nawawi seorang pensyarah di jabatan Sosiologi dan Antropologi UM, sistem pengurusan dan pentadbiran yang baik dan berkualiti akan memastikan cita-cita pelaksanaan undang-undang Islam dapat dicapai dan mencerminkan kewujudan cita-cita itu. Misalnya Pakistan gagal merealisasikan sistem perundangan Islam berpunca daripada sistem pengurusan birokrasi dan teknokrat yang belum bersedia menerima pelaksanaan Undang-undang Syariah. Walaupun sistem perundangan Islam sudah diwartakan dalam Perlembagaan negara, Pakistan belum dapat melaksanakannya kerana karenah birokrasi dan penjawat awam belum bersedia dan mampu melaksanakanya.¹⁹⁹

Justeru itu kerajaan sentiasa memastikan penerapan nilai-nilai Islam dapat difahami dengan betul dan dihayati oleh penjawat awam. Kerajaan telah menganjurkan pelbagai program yang boleh memberi kefahaman yang menyeluruh kepada kakitangan awam berhubung dengan nilai-nilai itu.²⁰⁰ Kefahaman para pegawai kerajaan kepada dasar penerapan nilai-nilai Islam bertujuan untuk mempermudah sesuatu dasar dilaksanakan.²⁰¹ Pekerja yang berkualiti adalah

¹⁹⁸ Mahathir Mohamad, Ucapan di Seminar Penerapan Nilai-nilai Islam Murni dalam Pentadbiran Awam, anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia, 27 - 28 Jan 1995.

¹⁹⁹ Wawancara dengan Mohammad Noor Nawawi, Dr. 3 Mei 1997.

²⁰⁰ Ahmad Sarji Abdul Hamid, Kata-kata Alu-aluan dalam Buku Citra Karya Falsafah, Nilai dan Etika dalam Perkhidmatan Awam, Kuala Lumpur: INTAN, 1994, hal. IX.

²⁰¹ Ibid., hal. 2.

suatu keperluan dan penting bagi sesebuah negara untuk mencapai cita-cita mereka. Kata Mahathir Mohamad:

berdasarkan rasional bahawa sebuah negara tidak mungkin akan mencapai kebahagiaan kecuali dengan moral yang tinggi... Kerajaan menjadikan usaha penerapan nilai Islam sebagai teras kebahagiaan masa depan rakyat dan negara...²⁰²

ke arah pencapaian tujuan itu Perkhidmatan Awam Malaysia telah menggarisi beberapa nilai kualiti penjawat awam. Antaranya ialah keunggulan peribadi yang dizahirkan melalui sikap, pemikiran dan perilaku yang berdasarkan nilai-nilai murni.²⁰³ Penjawat awam mestilah memiliki tahap profesionalisme yang tinggi, seperti cekap, mahir, berilmu, intelektual, produktif, berwawasan, pintar dan kreatif.²⁰⁴ Semua elemen ini dapat dibentuk melalui proses latihan dan pemupukan yang berterusan berdasarkan program yang telah digarisi dalam pentadbiran dan pengurusan.²⁰⁵

Kesedaran masyarakat untuk menghayati nilai-nilai murni penting terutama dalam proses pelaksanaan undang-undang Islam. Adalah suatu yang tidak adil pada dasarnya untuk melaksanakan undang-undang Islam dalam suasana masyarakat yang belum memahami dan mengenal ajaran Islam, dan masyarakat dikelilingi oleh nilai yang tidak sesuai dengan Islam. Malik Bennabi menulis: bahawa proses kefahaman, kesedaran, kemahuan dan penghayatan

²⁰² Mahathir Mohammad op.cit., hal. 6.

²⁰³ Nilai murni yang dimaksudkan di sini ialah nilai-nilai utama untuk pentadbiran yang boleh diterima oleh orang Islam dan bukan Islam. seperti amanah, kejujuran, bertanggungjawab, rajin, ikhlas, tertib, disiplin, mengutamakan masyarakat lebih-lebih lagi diri sendiri, sanggup berkorban iaitu tidak tamak, berpandangan jauh, bermoral dan berkelakuan baik. Lihat ucapan Mahathir Mohammad. "Nilai dan Etika dalam Perkhidmatan Awam". Kuala Lumpur: Institut Tadbir Negara, 1991., hal. 7.

²⁰⁴ Lihat Ahmad Sarji Hj Abdul Hamid, op.cit., hal. 6.

²⁰⁵ Antara program yang telah dirangka dalam memimpin pemupukan nilai ini ialah melalui Dasar Pandang ke Timur, Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dalam Pentadbiran, Program Pengurusan Kualiti secara Menyeluruh (TQM), Program Latihan, dan tonggak Dua belas. Lihat *Penerapan nilai, norma dan etika perkhidmatan*, hal. X11.

penerapan nilai ini telah pun dilakukan oleh Rasulullah saw sebelum baginda merealisasikan perundangan Islam semasa dalam masyarakat Islam.²⁰⁶ Bagi Anwar Ibrahim:

*Faktor penentu kepada perubahan dan pembaharuan sesuatu kelompok bukanlah semata-mata kekuatan politik, ekonomi dan harta benda.... Perubahan ini hanya dapat dibuat dengan azam dan tekad budaya yang berteraskan kepada ilmu pengtahanan, tahap pencapaian pendidikan dan bagaimana dapat kita menggunakan potensi pemikiran dan kekuatan ilmu yang ada.*²⁰⁷

Pada peringkat awal pelaksanaan dasar tersebut dikritik oleh parti pembangkang dan masyarakat bukan Islam, tetapi kritikan itu berakhir, apabila mereka mengetahui tujuan kerajaan menganjurkannya program. Ketegasan Mahathir Mohamad melaksanakan program itu memberi kesan yang mendalam dalam pelaksanaannya. Mahathir Mohamad mengatakan:

*Bahawa dalam negara Islam tidak ada sebab bagi sesiapa, sama ada orang Islam atau bukan Islam merasa bimbang kerana Islam akan berlaku adil kepada semua golongan.*²⁰⁸

Pelbagai pendekatan digunakan oleh kerajaan dalam memastikan program itu berjalan, seperti Kepimpinan melalui Teladan, Berseh, Cekap dan Amanah, dan Etika Kerja Cemerlang. pelbagai saluran telah digunakan untuk menyampaikan mesej tersebut, antaranya ialah melalui latihan, kursus dan seminar, ucapan, taklimat, menerbitkan risalah berkala, dan pengiktirafan kepada kakitangan yang berjaya. Tindakan tata tertib, temuduga dan peperiksaan perkhidmatan, pengurusan aduan awam, sistem inspektor perkhidmatan awam, dan sistem baru penilaian prestasi turut dijalankan.²⁰⁹

²⁰⁶ Malik Bennabi, Islam dalam Sejarah dan Masyarakat, (terj) Ismail Ahmad, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 160.

²⁰⁷ Lihat Anwar Ibrahim, Menangani Perubahan, op.cit., hal. 63.

²⁰⁸ Mahathir Mohammad, Malaysian Bussines, Oktober 1982, hal. 13

²⁰⁹ Ahmad Sarji Abdul Hamid, op.cit., hal. 11.

Penggerak utama dasar penerapan nilai-nilai Islam ialah Ketua Setiausaha Negara KSN]. Ahmad Sarji selaku Ketua Setiausaha Negara mengungkapkan begini:

Melalui peranan utama sebagai satu subsistem perkhidmatan, pembentuk masyarakat dan pendukung undang-undang dan peraturan, perkhidmatan awam telah mengadakan usaha-usaha membentuk budaya kerja yang positif dan cemerlang...²¹⁰

Kakitangan awam bertanggungjawab terus kepada masyarakat, justeru itu mereka perlu memberikan komitmen yang bersungguh-sungguh bagi melaksanakan semua dasar dan program yang telah ditentukan oleh kerajaan.²¹¹ Bagi Ahmad Sarji, masyarakat yang berbudaya dan bertamadun akan mampu melakukan perubahan dalam diri ke arah yang lebih baik. Perkhidmatan Awam sebagai agensi yang terbesar menjadi perintis kepada budaya baru yang hendak diwujudkan itu, dan mereka juga mampu menjadi penggerak yang berupaya mempengaruhi masyarakat. Ahmad Sarji berpendapat:

*Kalau Perkhidmatan Awam dapat digerakkan sebagai model, maka kita akan dapat mempengaruhi seluruh negara bergerak dan bertindak ke arah pencapaian cita-cita kerajaan yang murni itu.*²¹²

Kerajaan yakin dasar penerapan nilai-nilai Islam memberi ruang kepada kakitangan kerajaan untuk menyedari tanggungjawab mereka.²¹³ Apabila masyarakat dan kakitangan awam sudah bersedia mengamalkan nilai-nilai baik, sudah pasti nilai-nilai tidak baik akan dapat

²¹⁰ Ahmad Sarji Abdul Hamid, *'Nilai Etika kerja dalam Perkhidmatan Awam Malaysia'*, dalam Penerapan Nilai-nilai Murni dalam Perkhidmatan Awam, dedit oleh Datuk Ismail Ibrahim, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 1995, hal. 3.

²¹¹ Kata Mahathir Mohamad "Budaya sesuatu masyarakat, adalah faktor utama yang akan mempengaruhi dan menentukan maju atau mundurnya sesuatu masyarakat. Budaya bukan dicerminkan oleh kesucian dan lain-lain aspek fizikal, tetapi lebih penting lagi ialah nilai-nilai yang diamalkan dalam masyarakat tersebut...". Ucapan semasa pelancaran Gerakan Budaya Kerja Cemrelang, pada 27 Nov 1989.

²¹² Ahmad Sarji Abdul Hamid, op.cit., hal 6.

²¹³ Mohd Yusof Noor, op.cit., hal. 16.

dikurangkan. Pada kedudukan ini secara dasarnya tidaklah menjadi suatu yang sukar undang-undang Islam dilaksanakan, kerana undang-undang itu sendiri menjadi pendorong kepada umat untuk melaksanakan sesuatu yang baik. Anwar Ibrahim mengungkapkan:

*Kita harus ada idea pendorong dan penggerak yang dapat menentukan arah hidup masa depan kita.... Idea penggerak itu bukan semata-mata idea yang disogokkan oleh orang lain atau idea yang dipaksakan kepada kita. Idea seharusnya asli walaupun harus mencari kekuatan dari Timur atau Barat.*²¹⁴

Dalam erti kata lain, apabila masyarakat sudah menyedari kebaikan dan kemurnian sesuatu perkara, dengan sendirinya akan mendorong jiwa mereka ke arah penghayatan sesuatu perkara.²¹⁵ Secara dasarnya tidak mustahil masyarakat bukan Islam bersedia menerima pelaksanaan undang-undang Islam kalau mereka mendapat penjelasan dan kefahaman yang menyeluruh.²¹⁶ Penerapan nilai-nilai Islam adalah satu usaha yang strategik kerajaan dalam memberikan kefahaman menyeluruh kepada masyarakat tentang kesucian dan kemurnian Islam, sekaligus memudahkan masyarakat menerima pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia.

3.6 Memperkuuh Urusan dan Pentadbiran Agama.

Cita-cita yang relatif tinggi kerajaan dicerminkan melalui usaha-usaha pengukuhan pentadbiran urusan agama. Urusan pentadbiran agama Islam sentiasa diperkemas dan dipertingkat dari masa ke semasa. Ia bermula dengan *Sekreteriat Majlis Hal Ehwal Agama Islam Malaysia* pada 1 Julai 1969 yang berfungsi sebagai '*formulating*' peraturan-peraturan dan

²¹⁴ Anwar Ibrahim, Menangani Perubahan, op.cit., hal. 63.

²¹⁵ Wawancara dengan Khoo Kay Kim, Ketua Jabatan Sejaran, Universiti Malaya, pada 4 Ogos 1997

²¹⁶ Satu kajian telah dilakukan oleh Mohd Yusof Husien, setelah 10 tahun dasar ini dilaksanakan. Hasilnya membuktikan bahawa penerapan nilai-nilai Islam telah banyak memberi kesan positif kepada masyarakat bukan Islam. Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dalam Perkhidmatan Awam: Pelaksanaan dan keberkesanannya, Kuala Lumpur: IKJIM, 1993, hal. 25 - 26.

ordinan bagi Majlis Agama Islam.²¹⁷ Fungsi Sekreteriat ini telah diperluaskan fungsinya pada 1974 meliputi *Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan*, tetapi tidak mempunyai kuasa dalam *Hal Ehwal Agama* peringkat negeri-negeri.²¹⁸ Walau bagaimanapun Majlis boleh berbincang dengan *Majlis Hal Ehwal Agama dan Adat Istiadat Melayu* negeri-negeri berhubung dengan hal ehwal agama.²¹⁹ Pada tahun 1977, Sekretariat Majlis telah ditingkatkan menjadi *Bahagian Hal Ehwal Agama Islam* (BAHEIS), diketuai oleh Ketua Pengarah. BAHEIS dipertanggungjawabkan melaksana program agama dan membuat penyelarasan pentadbiran Hal Ehwal Islam. Matlamat program ini adalah untuk menentukan bahawa pembangunan ummah dan perkembangan agama Islam di negara ini dilaksanakan secara bersepada berdasarkan kepada perancangan dan penyelarasan yang berkesan dan terpusat.²²⁰

Peranan BAHEIS dikemaskini lagi pada tahun 1984 setelah kerajaan mengarahkan MAMPU membuat satu kajian menyeluruh terhadap pentadbiran BAHEIS dan Jabatan Agama Islam di seluruh negara. Hasil daripada kajian, beberapa kelemahan telah dikenal pasti seperti kelemahan fungsi, peruntukan kewangan, kekurangan pegawai dan kekurangan perancangan.²²¹ Kajian itu mencadangkan supaya kerajaan melakukan penstruktur semula organisasi BAHEIS, dengan melantik seorang Menteri di Jabatan Perdana Menteri, dipertanggungjawabkan khas untuk mengawasi segala fungsi dan peranannya.²²²

²¹⁷ Lihat Perlembagaan Persekutuan Perkara 3.

²¹⁸ Lihat Ordinan, Majlis Agama Islam Kebangsaan, hal. 7.

²¹⁹ Perundingan ini adalah penting bagi Majlis, memandangkan kuasa agama adalah tertakluk di bawah kuasa kerajaan negeri.

²²⁰ Lihat **Buku Taklimat**, oleh Ketua Pengarah BAHEIS kepada Perdana Menteri, 1996, hal. 2.

²²¹ Lihat Uzaimi Hj Ibrahim, 'Pemodenan dan Penyelarasan Jentera Pentadbiran Agama Islam', Kertas Kerja di Konvensyen Penyelarasan Pentadbiran Islam, anjuran Pusat Islam, Kuala Lumpur : Dewan Muktamar Pusat Islam, hal. 13.

BAHES mengandungi tiga seksyen iaitu *Bahagian Penyelarasan dan Pentadbiran*,²²³

*Bahagian Dakwah*²²⁴ dan *Bahagian Penyelidikan*.²²⁵ Bahagian penyelidikan telah menubuhkan beberapa jawatankuasa bagi melicinkan pentadbiran. Jawatankuasa penyelidikan berfungsi memperseimbangkan perbezaan padangan dan menyusun strategi dalam soal pembangunan Islam.²²⁶ Tahun 1996, *BAHEIS* dijadikan sebuah Jabatan, iaitu *Jabatan Kemajuan Islam*

²²³ Antara jawatankuasa itu ialah Jawatankuasa: a. Majlis Kebangsaan Bahagian Hal Ehwal Agama Islam Malaysia; b. Jawatankuasa Kemajuan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia; c. Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan Penyelarasan Pelaksanaan Undang-undang Sivil dan Syar'ie di Malaysia; d. Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Islam (LEPAI); e. Majlis Perundingan Islam (MPI)²²²; dan Lembaga bersama penyelarasan Kegiatan Islam Malaysia;

²²⁴ Bahagian ini bertanggungjawab; a) Mengurus perbelanjaan untuk pembangunan Institusi-institusi Islam; b) Badan penghubung antara Majlis Agama Islam Negeri dan Jabatan Agama Negeri; c) Mengawasi pentadbiran masjid kebangsaan; d) memberi sokongan dan sebagai penyelaras untuk mempertingkatkan pentadbiran Islam dan ordinan Mahkamah di Malaysia; e) Menyediakan kertas kerja, agenda, minit kepada mesyuarat jawatankuasa majlis fatwa atau sub-jawatankuasa; f) menyelaras pengurusan, mengingatkan al-Qur'an; g) menyusun atau mengatur jawatankuasa semestara dalam pertandingan membaca al-Qur'an, dan berfungsi sebagai pengistiharan perayaan hari raya puasa dan semua perayaan Islam; h) mengendalikan kursus kepada kadi-kadi dan para pendakwah Islam; I) sebagai pusat penyelidikan masjid kebangsaan; k) menganjurkan kelas-kelas al-Qur'an; Dan, l) menapis segala buku yang diterbitkan.

²²⁵ Antara tugas Bahagian ini ialah; a) mengendalikan kelas agama dan ceramah-ceramah kepada masyarakat Islam; b) Mengendalikan kelas-kelas kepada bakal-bakal haji; c) menyebarkan maklumat Islam keluar negara secara efektif, progresif dan dinamik; d) mengendalikan kursus dan pusat latihan kepada pegawai-pegawai kerajaan; e) menyelaras tayangan filem dengan memasukkan semangat keislaman sesuai dengan budaya dan cita rasa masyarakat; f) mempertingkat penyebaran Islam kepada generasi muda dan membebaskan mereka daripada dipengaruhi oleh fahaman barat; g) menyediakan kursus khas kepada para pendakwah.

²²⁶ Antara tanggungjawabnya Bahagian ini ialah a) menterjemahkan al-Qur'an ke dalam bahasa Malaysia; b) menapis segala buku Islam dan mencadangkan kepada menteri dalam negeri untuk mendapatkan kelulusan; c) Melakukan penterjemahan hadis; d) Isu-isu buku-buku Islam, dan menjawab setiap kesilapan hujjah untuk menentang Islam; e) menyediakan buku-buku dalam pembelajaran Islam; f) Membantu menyempurnakan Islamic Encaiklopedia Islam dan Qamus al-Qur'an. Bahagian ini dikira penting dalam organisasi ini sebab setiap apa juga keputusan hendak dibuat mestilah mendapat pandangan, cadangan daripada bahagian ini. Lihat Laporan Tahunan, Majlis Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1971, hal., 7 - 8.

²²⁷ Antara perkara yang dilaksanakan a. Persidangan ketua-ketua jabatan/ Majlis Agama Islam Negeri. b. Muzakarah Mufti-mufti. c. Persidangan kadi-kadi besar seluruh Malaysia. dan Majlis syura. Organisasi

Malaysia (JAKIM). Antara faktor kerajaan mempertingkat bahagian ini untuk membantu melahirkan ummah yang progresif dan berakhlik mulia sejajar dengan wawasan negara²²⁷ dan memastikan kesucian agama Islam terpelihara dengan berpegang kepada aliran Ahli Sunnah Waljamaah.²²⁸

Penstruktur semula *JAKIM* telah memantapkan lagi pentadbiran agama Islam apabila melibatkan terwujudnya 14 bahagian: Bahagian Penyelidikan Islam, Bahagian Dakwah, Bahagian Pembangunan Pendidikan Islam, Bahagian Pembangunan Media Elektronik dan Penyiaran, Bahagian Penerbitan, Bahagian Informasi Islam, Bahagian Penasihat Undang-undang, Bahagian Pengurusan dan Pembangunan, Bahagian Latihan, Bahagian Keurusetiaan dan Perhubungan Antarabangsa, Bahagian Masjid Negara, Bahagian Kemajuan Islam

BAHEIS telah diperkemaskan dan disusun semula dari masa kesemasa. Mulai januari 1985 struktur organisasinya meliputi:

- i. Institut Dakwah dan Latihan Islam, yang bertanggungjawab kepada perkara yang berhubung dengan kursus dakwah, khidmat nasihat, dakwah umum dan khas, unit Sabah dan Sarawak.
- ii. Cawangan Pentadbiran dan Penyelaras, yang bertanggungjawab dalam soal Perhubungan Antarabangsa, Urusetia Musabaqah dan Seminar, Pentadbiran dan Perkhidmatan, soal Kewangan, Perpustakaan Islam, Balai Pameran Islam dan Dokumentasi dan Penerbitan.²²⁶
- iii. Pusat Penyelidikan Islam bertanggungjawab kepada Penyelidikan Perundungan dan Syariah, Penyelidikan Ekonomi Pentadbiran dan Sosial, Penyelidikan Akidah, Tasauf, Mistik dan Kultus, Penyelidikan Pelajaran Perkembangan dan Tamadun Islam, Terjemahan dan Penapisan, Penyelidikan al-Qur'an dan al-Sunnah dan Penyelidikan Zone. ketiga-tiga bahagian ini diketuai oleh seorang pengarah. Lihat Laporan Tahunan BAHEIS, hal. 7 -8.

²²⁷ Nota Taklimat, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 12 Dis 1995

²²⁸ Antara objektif JAKIM ialah . a. Bertanggungjawab seperti perancangan yang menentukan pembangunan dan kemajuan hal ehwal Islam di negara ini; b. Merangka dasar bagi pembangunan hal ehwal Islam di negara ini dan menjaga kesucian aqidah dan ajaran Islam; c. Membantu menggubal dan menyeragamkan undang-undang dan peraturan yang diperlukan serta menilai dan menyelesaikan pelaksanaan undang-undang dan pentadbiran yang sedia ada dari masa ke masa dalam usaha untuk menyelesaikan masalah-masalah umat Islam; d. Melaksanakan program-program pembangunan ummah dan penghayatan Islam dalam pengurusan negara; e. Menyelaras mekanisma penguatkuasaan undang-undang serta peraturan-peraturan pentadbiran hal ehwal Islam di seluruh negara; f. Membuat penilaian program-program hal ehwal Islam yang dilaksanakan di negara ini; g. Bertindak sebagai pengumpul, penyebar dan pusat rujukan maklumat mengenai hal ehwal Islam; dan h. Melaksanakan usaha-usaha pembangunan Ummah melalui kerjasama di peringkat serantau dan antarabangsa.

Cawangan Sarawak, Jabatan Kemajuan Islam Cawangan Sabah dan Bahagian Audit Dalam. Penyusunan semula ini memberi implikasi besar kepada perkembangan Islam di Malaysia, seterusnya memberi impak kepada pengurusan hal ehwal Islam di negara ini. Dengan perkembangan ini mencerminkan kewujudan cita-cita kerajaan dalam pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia.²²⁹

Lebih ketara lagi cerminan cita-cita itu, apabila kerajaan menubuhkan *Badan Perundingan Islam* dan *Jawatankuasa Penyelarasan Kegiatan Islam*, dan *Jawatankuasa Teknikal Penyelarasan Undang-undang Islam dan Sivil*. Jawatankuasa ini bertanggungjawab mengkaji dan menapis segala perkara yang tidak sesuai dengan Islam, dan seterusnya mengemukakan beberapa cadangan bagi mewujudkan sistem pembangunan mengikut cara Islam, dan mengawasi pelaksanaan keputusan yang telah dipersetujui oleh kerajaan untuk dilaksanakan mengikut lunas-lunas Islam.

Sementara itu *Jawatan Kuasa Teknikal Undang-undang Syariah dan Sivil*,²³⁰ ditubuhkan untuk membuat penyelidikan dalam bidang ekonomi, pemakanan dan perundangan. Jawatankuasa ini dibahagikan kepada dua iaitu *Jawatankuasa Induk* diketuai oleh Abd Hamid Othman Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Yang satu ialah *Jawatankuasa Mengkaji Undang-undang Syariah dan Sivil* di bawah pimpinan Ahmad Ibrahim. Untuk melicinkan pengurusan dan penyelarasan undang-undang, Jawatankuasa ini telah membentuk empat Jawatankuasa Kumpulan Kerja iaitu Jawatankuasa menyediakan udang-undang pentadbiran harta yang dipengerusikan oleh Hj Ghazali Abdul Rahman, Jawatankuasa mengenai wasiat yang dipengerusikan oleh Hj Daud Mohammad, Jawatankuasa Kumpulan Kerja mengenai zakat yang dipengerusikan oleh Tuan Sikh Azmi Hj Ahmad dan Jawatankuasa Kerja mengenai kerjasama antara negeri-negeri dipengerusikan oleh Hj Hasbullah Abd Razak.

²²⁹ Lihat analisis tajuk Perkembangan Mahkamah Syariah di Malaysia dlm disertasi ini.

²³⁰ Risalah Pusat Penyelidikan Islam, BAHEIS, Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri, tanpa tarikh, hal. 8

Jawatankuasa Penyelarasan Undang-undang Islam dan Sivil, ditubuhkan hasil daripada mesyuarat ke-32 Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia pada 12hb Februari 1988.²³¹ Kewujudan Jawatankuasa ini ialah untuk mengatasi kemungkinan bertaku implikasi daripada ketidakseragaman undang-undang pentadbiran Hal Ehwal Islam antara negeri-negeri di Malaysia. Hasil yang nampak daripada Jawatankuasa ini ialah pindaan undang-undang Perlembagaan Malaysia. Perkara 121 [1A], Akta A612, dan akta Mahkamah Syariah (bidang kuasa) pindaan 1984 Perlembagaan Persekutuan.

Fungsi jawatankuasa ini ialah mengkaji dan menyelaras undang-undang pentadbiran hal ehwal Islam di seluruh Malaysia, menyediakan draf undang-undang dan prosedur-prosedur Mahkamah Syariah, mengkaji peruntukan yang ada dalam Undang-undang Sivil yang bercanggah dengan undang-undang Islam supaya dapat diselaraskan dengan undang-undang Islam, dan mengeluarkan cadangan dan perakuan terhadap draf undang-undang pentadbiran hal ehwal Islam kepada jawatankuasa induk, Jabatan Perdana Menteri dan pihak berkenaan untuk tindakan selanjutnya.²³²

Matlamat kewujudan jawatankuasa ini ialah untuk meningkatkan taraf Mahkamah Syariah di Malaysia, dengan mengkaji semua akta dan enekmen undang-undang keluarga Islam dan mencadangkan pindaan supaya undang-undang ini lebih dekat antara satu sama lain, untuk menyelaraskan undang-undang sivil dan syariah dengan cara meneliti undang-undang bertulis di peringkat Persekutuan dan Negeri, dan mencadangkan pindaan mana-mana peruntukan yang bertentangan dengan undang-undang Islam.

Sementara Jawatankuasa Kumpulan Kerja yang ditubuhkan pada 27 September 1989 bertujuan untuk melicin dan mempercepat berlakunya penyelarasan undang-undang Islam di Malaysia. Jawatankuasa ini berfungsi menyediakan draf undang-undang, peraturan-peraturan,

²³¹ Kertas Cadangan Lawatan Kajian dan Penyelidikan mengenai Undang-undang Pentadbiran Hal Ehwal Islam di Pakistan dan Arab Saudi, hal. 1, dipetik dari fail sulit Jabatan Perdana Menteri (U) S 4000/1/148 Jld. 5

²³² Risalah Pusat Penyelidikan Islam, Kuala Lumpur: Pusat Islam, tanpa tarikh, hal. 8

dan prosedur-prosedur yang perlu dikemaskini untuk diseragamkan. Ia juga bertanggungjawab bagi memudahkan kerja-kerja penyelidikan dan penyelarasan, menyediakan dan menggubal undang-undang dan peraturan-peraturan berdasarkan kategori yang dipertanggungjawabkan kepada mereka.²³³ Tugas Jawatankuasa ini hanyalah memberi pandangan dan pendapat untuk meningkatkan taraf undang-undang dan Mahkamah Syariah. Dari aspek pelaksanaan terpulanglah kepada kerajaan negeri berkenaan sama ada menerima pakai atau tidak cadangan tersebut.²³⁴ Mahmud Saedon mengulas begini:

*Walaupun Jawatankuasa teknikal telah berusaha untuk menyediakan cadangan draf, undang-undang tetapi kerajaan negeri nampaknya belum bersedia untuk menerima cadangan tersebut. Antara draf undang-undang yang telah siap digubal mengenai pentadbiran zakat, Baitmal, wasiat dan wakaf.*²³⁵

Komen ini mencerminkan Jawatankuasa ini mempunyai bidang kuasa yang terbatas. Ia tidak mempunyai kuasa untuk mengarah sesuatu cadangan itu wajib diterima pakai oleh negeri-negeri atau tidak. Badan ini bertanggungjawab untuk mengemaskini undang-undang yang ada dan mengesyorkan draf baru yang difikirkan sesuai untuk dilaksanakan. Ada beberapa cadangan Jawatankuasa ini yang telah diterima pakai oleh kerajaan-kerajaan negeri. Antaranya ialah:

- i. Cadangan satu draf Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam atau Enakmen Mahkamah Syariah;

²³³ Garis Panduan Jawatankuasa Kumpulan Kerja, oleh BAHEIS, Kuala Lumpur : Jabatan Perdana Menteri, tanpa tarikh, hal. 2.

²³⁴ Wawancara, Ahmad Ibrahim. Lihat juga Mahmud Saedon Awang Othman, *Bidang Kuasa Mahkamah Syariah: Perkembangan Mutaakhir*, Kertas Kerja pada Seminar ke- 14 Perundungan Islam dan Kehakiman di Malaysia, 1996.

- ii. Cadangan supaya pihak berkuasa agama negeri yang terdiri daripada Majlis Agama Islam, Jabatan Agama Islam, Mufti dan Mahkamah Syariah diasingkan pentadbirannya;
- iii. Cadangan supaya diperkemaskan *Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah*, *Kanun Acara Jenayah*, dan *Enakmen Acara Mai*.
- iv. Cadangan supaya hakim, pegawai kehakiman dan pegawai perundangan syar'ie perlu diadakan penerimaan masuk dan kawalan peguam syar'ie. Persiapan pendidikan dan latihan diberikan kepada calon yang bakal menjadi pegawai kehakiman dan perundangan syar'ie dan peguam-peguam syar'ie;
- v. Cadangan meningkatkan bidang kuasa Mahkamah Syariah melewati batas perkara probet dan pentadbiran harta pusaka orang-orang Islam, zakat dan fitrah, Bait al-Mal dan wakaf. Draf Undang-undang Wasiat dan pentadbiran harta pusaka orang-orang Islam telah pun disiapkan;²³⁶
- vi. Cadangan supaya dipertingkat bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah yang meliputi pemberian kuasa menangkap kepada pegawai-peguai penguatkuasa agama, kuasa menyiasat kes-kes jenayah dan kuasa melawati kes-kes qisas, diyat dan hudud;
- vii. Cadangan supaya memberi peruntukan untuk menyampaikan dan menguatkuasakan saman, waran dan perintah Mahkamah Syariah di sesuatu negeri dengan negeri yang lain. Dalam ertikata lain diadakan satu rang undang-undang Persekutuan bagi memperuntuk dan membolehkan penyampaian dan penguatkuasaan saman, dan

²³⁶ Wawancara dengan Ketua Jabatan Syariah, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau seorang di antara ahli Jawatankuasa Penyelarasaran Undang-undang Islam dan Sivil yang telah dilantik, pada 25 Ogos 1997. Wawancara dengan Ustaz Yahya, pegawai di Unit Perundangan JAKIM, 2 Ogos 1997, di pejabat Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

viii. Cadangan supaya dilakukan penyusunan semula Mahkamah Syariah kepada Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah.

Menurut Mohd Ridzuan Awang, kebanyakan cadangan ini telah pun dilaksanakan oleh kerajaan negeri. Namun pada sebahagian yang lain masih dalam pertimbangan untuk dilaksanakan.²³⁷

3.7 Penstrukturran Semula Mahkamah Syariah

Penyusunan semula sistem pentadbiran kehakiman dan Mahkamah Syariah salah satu di antara cerminan cita-cita relatif yang tinggi kerajaan. Sebelum tahun 1982 kedudukan dan status hakim-hakim di Mahkamah Syariah amat berbeza dari aspek gaji dan syarat perkhidmatan daripada hakim-hakim di Mahkamah Sivil²³⁸. Kedudukan Mahkamah Syariah diletakkan pada taraf keempat dalam susunan hierarki mahkamah di Malaysia iaitu Mahkamah Agung (Mahkamah Rayuan), Mahkamah Majistret kelas pertama, Mahkamah Majistret kelas kedua, Mahkamah Kadi dan penolong kadi, serta mahkamah penghulu.²³⁹

Isu kedudukan Mahkamah Syariah mula diperbahas secara serius awal tahun 1970 an. Kesan desakan gerakan Islam pada tahun 1979, kerajaan telah menubuhkan satu jawatankuasa menilai dan mengkaji taraf Mahkamah Syariah dari semua aspek, khasnya aspek kuasa dan

²³⁷ Wawancara Mohd Ridzuan Awang, Ketua Jabatan Syariah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

²³⁸ Ahmad Ibrahim, Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 1997, hal. 132.

²³⁹ Oleh kerana Mahkamah Syariah diletakkan di tempat yang rendah, kebanyakan mahkamah tidak mempunyai bangunan yang sesuai, pengawai yang tidak mencukupi, kadi-kadi yang kelulusan universiti tidak diberi taraf profesional, undang-undang acara dan keterangan yang dikenakan di Mahkamah Syariah tidak jelas. Enakmen-enakmen mengenai peruntukan kegunaan Undang-undang Sivil mengenai Acara Mal dan Jenayah dan keterangan sukar difahami oleh kadi-kadi kerana dalam bahasa Inggeris, dan tidak ada undang-undang acara dan keterangan diikuti, alasan penghakiman mahkamah jarang dibuat dan tidak ada laporan keputusan diadakan. Lihat Ahmad Ibrahim, ibid, hal. 130.

keupayaan. Hasil kajian itu menghasilkan satu laporan cadangan yang telah dikemukakan kepada kerajaan:

- i. Pentadbiran Mahkamah Syariah hendaklah dipisahkan daripada pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri;
- ii. Status dan bidang kuasa Mahkamah Syariah hendaklah diperbaiki dan ditambah;
- iii. Status dan kedudukan hakim-hakim Mahkamah Syariah hendaklah dipertingkat dan satu perkhidmatan kehakiman dan perundangan ditubuhkan bagi hakim-hakim dan pegawai-pegawai Mahkamah Syariah dan pendakwa; dan
- iv. Enakmen pentadbiran undang-undang Islam yang memisahkan kuasa Majlis Agama Islam, Mufti dan Mahkamah Syariah hendaklah diadakan.

Kebanyakan cadangan itu telah diterima pada awal tahun 1980 an sebagai satu landasan untuk melakukan susunan semula taraf Mahkamah Syariah. Satu rang undang-undang telah digubal oleh kerajaan Persekutuan untuk mengasingkan tiga badan utama agama terpisah daripada aspek pentadbiran dan kuasa. Dengan perubahan itu, Mahkamah Syariah bebas daripada akta dan enakmen pentadbiran Undang-undang Islam. Majlis Agama Islam dan Jabatan Agama Islam negeri tidak mempunyai kuasa untuk membuat sebarang arahan kepada Mahkamah Syariah, malah Majlis atau Jabatan tidak mempunyai hak kepada Mahkamah Syariah dan hakim, kerana mereka bukan lagi kakitangan Majlis atau Jabatan agama Islam.

Kewibawaan Mahkamah Syariah sebagai sebuah institusi kehakiman yang bebas dan berautoriti dari segi kuasa penghukuman mulai diperakui pada tahun 1980 an. Taraf dan keupayaan Mahkamah Syariah bertambah apabila kerajaan meminda perlembagaan Persekutuan Perkara 121.²⁴⁰ Sebelum pindaan dibuat, keputusan Mahkamah Syariah tertakluk di bawah kuasa Mahkamah Persekutuan. Pindaan tersebut telah memperjelas bahawa kuasa kehakiman persekutuan tidak lagi mempunyai bidang kuasa kepada segala keputusan Mahkamah Syariah.

²⁴⁰ Lihat Perlembagaan Persekutuan, Perkara 121.

Kerajaan juga telah meningkatkan status pegawai perundangan Mahkamah Syariah. Tahap profesionalisme mereka sejajar dengan pegawai perundangan Persekutuan [hakim Mahkamah Sivil]. Mereka telah diberikan kemudahan-kemudahan asas untuk mengurus urusan perundangan dengan baik dan cekap, di samping memperkuuh dari aspek kelulusan dan kelayakan untuk menjawat jawatan itu. Misalnya, UIAM telah dipertanggungjawabkan untuk mengeluarkan tenaga profesional kehakiman Syariah. Seorang pelajar yang mengikuti Syariah dalam masa lima tahun, akan mendapat LLB dan diberi peluang untuk mempelajari Undang-undang Keterangan Islam sebagai satu mata pelajaran takhasus (*professionalisme*). Pelajar yang lulus LLB (Syariah) akan dilatih secara khusus (*professional*) dalam bidang Undang-undang Sivil. Sementara pegawai-pegawai agama yang sedang bertugas di mahkamah-mahkamah kadi, juga diberi peluang menjadi pegawai perundangan apabila mereka mempunyai kelayakan tambahan iaitu diploma Undang-undang Syariah dan amalan guaman yang diiktiraf oleh kerajaan.²⁴¹

Kerajaan juga telah menyusun semula kedudukan Mahkamah Syariah mengikut struktur Mahkamah Persekutuan yang meliputi *Mahkamah Rendah Syariah* (MRS), *Mahkamah Tinggi Syariah* (MTS), dan *Mahkamah Rayuan Syariah* (MRAS). Sebelum ini *Mahkamah Rayuan* dikendalikan oleh beberapa orang jawatankuasa rayuan, yang dianggotai oleh Mufti, Ketua Hakim Mahkamah iaitu Kadi Besar dan beberapa orang ahli (pakar) perundangan Islam yang dipilih oleh kerajaan dilantik secara *ad-hoc*.²⁴² Boleh dikatakan struktur sistem perundangan yang terdapat di Mahkamah Syariah kini lengkap. Proses memperbaiki sentiasa dilakukan untuk memudahkan urusan pentadbiran dan penghakiman. Dari aspek undang-undang juga telah

²⁴¹ Mahmud Saedon Awang Othman, Institusi Pentadbiran Undang-undang dan Kehakiman Islam, *op.cit.*, hal 169.

²⁴² Lihat Ahmad Ibrahim, Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 1997, hal. 41.

diperbaiki, seperti undang-undang keluarga Islam, undang-undang keterangan Mahkamah Syariah, undang-undang acara mal, dan undang-undang acara jenayah telah ada.²⁴³

Bidang kuasa Mahkamah Syariah juga dipinda. *Mahkamah Rendah Syariah* (MRS) diberi kuasa dalam bidang kuasa jenayah membicarakan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seseorang Islam dan menetapkan kesalahan terhadap rukun agama Islam. Baginya hukuman maksimum yang diperuntukkan oleh enakmen ini tidak melebihi RM2,000 atau penjara satu tahun atau kedua-duanya sekali, serta mengenakan mana-mana hukuman yang diperuntukkan kepadanya. Sementara dalam bidang kuasa mal, *MRS* boleh mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding yang diberikan oleh *Mahkamah Tinggi* untuk mendengar dan memutuskan jumlah atau nilai mal yang dipertikaikan tidak melebihi RM50,000 atau yang tidak dapat dianggarkan dengan wang.²⁴⁴

Bagi *MTS* ia diberi kuasa untuk membicarakan setiap kesalahan yang dilakukan oleh orang Islam, dan mengenakan apa juga hukuman yang diperuntukan kepadanya. Dalam bidang kuasa mal *MTS* diberi kuasa mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding di mana semua pihak adalah orang Islam. *MTS* juga bertanggungjawab menerima rayuan apa juga keputusan yang telah diputuskan di *MRS*, dan membuat keputusan sama ada mengekalkan keputusan *MRS* atau membuat keputusan yang lain. *MTS* juga bertanggungjawab mengawasi dan membuat penyemakan ke atas semua keputusan *MRS*, jika ia nampak ada kepentingan keadilan kehendaknya atau kehendak mana-mana pihak dalam apa juga prosiding, sama ada dalam hal mal atau jenayah. *MTS* juga boleh memanggil dan memeriksa mana-mana rekod mengenainya dan boleh memberi apa-apa arahan untuk keadilan.²⁴⁵

Sementara *MRAS* mempunyai bidang kuasa mendengar dan memutuskan apa-apa juga rayuan terhadap apa-apa keputusan yang dibuat oleh *MTS* dalam menjalankan bidang

²⁴³ Sebagai contoh sila lihat Enakmen Perundangan Islam negeri Selangor 1989 dalam Seksyen 42 (1), (2) (a), (b), (i), (ii), (iv), (v), (vi), (vii), (viii) dan (ix).

²⁴⁴ Ahmad Ibrahim, op.cit., hal. 267

kuasanya. MRAS juga mempunyai bidang kuasa pengawasan, penyemakan ke atas MTS, dan boleh memanggil dan memeriksa mana-mana rekod mengenai prosiding mal atau jenayah dan boleh memberi apa-apa arahan yang dikehendaki di sisi keadilan.²⁴⁶

Had hukuman di Mahkamah Syariah juga telah dipinda. *Akta Mahkamah Syariah* (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 yang hanya memberi bidang kuasa mengenai kesalahan boleh dihukum tidak melebihi enam bulan penjara atau denda tidak melebihi RM1,000 atau kedua-duanya sekali, telah dipinda pada 1984 apabila setiap kesalahan jenayah Syariah boleh dikenakan denda sehingga RM5,000 atau penjara sehingga tidak melebihi tiga tahun dan sebat enam kali atau kedua-duanya sekali. Dengan pindaan ini kuasa yang lebih besar telah diberikan kepada Mahkamah Syariah. Walaupun hukuman itu belum menepati kehendak hukuman yang sesuai dengan hukuman hudud dalam Islam, tetapi usaha untuk meninggikan taraf Mahkamah Syariah telah pun dilakukan.²⁴⁷

Sebagai perbandingan enakmen agama Islam antara tiga buah negeri Melaka, Selangor dan Pahang, didapati negeri-negeri ini telah melakukan beberapa pindaan terhadap enakmen pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam. Pindaan ini dilakukan apabila berlakunya pindaan Seksyen 2 Akta Mahkamah Syariah (bidangkuasa) 1984. Enakmen negeri Selangor dan Melaka dikenali dengan Enakmen Agama bukan Islam (Kawalan pengembangan di kalangan orang Islam) pindaan 1988. Enakmen ini digubal khusus untuk mengawal penyebaran agama lain kepada orang Islam. Sementara enakmen Pahang yang lebih dikenali dengan Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, khusus bertujuan untuk menambah jumlah denda yang dikenakan kepada mereka yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 135 hingga Seksyen 187.

²⁴⁵ Ahmad Ibrahim, *ibid.*, hal. 41.

²⁴⁶ Mahmood Saedon Awang Othman, *op.cit.*, hal. 169

²⁴⁷ Ahmad Ibrahim, *op.cit.*, hal. 267.

Enakmen Selangor mengandungi 14 seksyen, Melaka mengandungi 15 seksyen, sementara Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (pindaan) 1987, 40 seksyen. Menurut Seksyen 5 (1) Enakmen Selangor dan Enakmen Melaka menetapkan, adalah menjadi satu kesalahan sesiapa yang menyuruh, memujuk, mempengaruhi, menghasut, menggalakkan atau membiarkan seseorang Islam yang belum dewasa menerima apa juga istiadat, perbuatan menyembah dan mengambil bahagian dalam sebarang kegiatan yang dijalankan untuk faedah mana-mana agama bukan Islam, sesiapa yang melakukan kesalahan ini boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.²⁴⁸

Satu kesalahan juga mengikut Seksyen 16(1) bagi sesiapa yang mengunjungi, mengatur berusaha mengadakan perjumpaan, menghubungi dengan telefon seseorang Islam bagi maksud mendedahkan orang lain kepada upacara agama bukan agama Islam. Hukuman bagi mereka yang melakukan kesalahan ini ialah denda sebanyak RM5,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.²⁴⁹ Menjadi satu kesalahan juga bagi mereka yang menggunakan istilah-istilah seperti Allah, Firman Allah, Ulama, Hadis, Ibadah, Kaabah, Kadi, Ilahi, Imam, Kiblat, Syariat, Mufti, Dakwah, Solat, Khalifah, Wali, Imam, Fatwa, Nabi dan sebagainya, dalam terbitan atau risalah atau ucapan atau pernyataan yang ditujukan kepada satu perhimpunan. Kesalahan-kesalahan ini boleh didenda berjumlah RM1,000.²⁵⁰

Sementara Enakmen negeri Pahang²⁵¹ memperuntukkan satu kesalahan kepada mereka yang tidak menunaikan solat Jumaat. Kesalahan ini boleh didenda tidak lebih daripada RM50 atau penjara tidak melebihi tujuh hari. Apabila pindaan dibuat pada tahun 1987, mereka yang melakukan kesalahan yang sama boleh didenda RM500 atau penjara tidak melebihi tiga bulan. Seksyen 136, Enakmen No 8, 1982 Pahang memperuntukkan satu kesalahan bagi

²⁴⁸ Seksyen 5 [2]. Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor dan melaka. 1988.

²⁴⁹ Seksyen 16 [2]. Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor. 1988.

²⁵⁰ mengikut Enakmen Selangor 9 [1] dan Enakmen Melaka Jadual Bahagian 1, 1988.

siapa yang menjual, membeli atau meminum arak boleh didenda RM100 atau penjara tidak melebihi 15 hari. Peruntukan tersebut telah dipinda dengan menaikkan hukuman denda kepada RM5,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali dan disebut tidak melebihi enam kali.

Pindaan juga telah dilakukan terhadap kesalahan makan, membeli apa-apa barang untuk dimakan, diminum, dihisab atau dijual kepada orang beragama Islam dalam bulan puasa. Pada awalnya, hukuman yang dikenakan ialah RM50 atau penjara tidak lebih tujuh hari, bagi kesalahan kedua boleh dikenakan sekali ganda. Enakmen tersebut telah dipinda pada 1987, dengan menjadikan denda RM500 atau penjara tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya sekali. Bagi kesalahan kedua, boleh didenda RM1,000 atau penjara enam bulan atau kedua-duanya sekali. Pindaan ini jelas menunjukkan tahap komitmen kerajaan untuk mempertingkatkan kedudukan dan kewibawaan Mahkamah Syariah daripada aspek kuasa yang diperuntukkan kepadanya.

Masalahnya ialah kerajaan Negeri lewat membuat pindaan terhadap cadangan yang telah dikemukakan oleh JPTUSS. Umpamanya Kanun Jenayah Syariah Negeri Kelantan dipinda pada 1985, Kedah 1988, Wilayah Persekutuan 1990, Perlis 1990, Serawak 1991 dan Melaka 1991. Walau bagaimanapun perubahan dan kecenderungan yang ditunjukkan oleh institusi agama negeri adalah positif dan kebanyakan negeri di Malaysia sedang berusaha untuk meminda hukuman kesalahan jenayah Syariah agar sesuai dengan peruntukan Akta Parlimen 1984. Walaupun tindakan yang dilakukan itu agak lewat, namun cita-cita untuk melakukan penyeragaman hukum Islam telah mula dilakukan.²⁵¹

Kerajaan juga telah mewujudkan undang-undang mengenai acara mal dan undang-undang keterangan pentadbiran Mahkamah Syariah. Pada awalnya undang-undang acara mal dan undang-undang keterangan Mahkamah Syariah ini kalaupun ada ia diletakkan di bawah enakmen Pentadbiran agama Islam. Tetapi undang-undang tersebut tidak lengkap atau

²⁵¹ Enakmen bil. 7, 1987.

²⁵² Wawancara bersama Nakhai'e Hj Ahmad, di JAKIM, pada 25 ogos 1997.

terlampaui umum. Lewat dekad 1980-an kerajaan telah meluluskan undang-undang acara atau prosiding tersebut sesuai dengan kehendak syariat. Undang-undang acara ini memudahkan pengurusan pentadbiran undang-undang Syariah. Antara negeri yang telah mengadakan undang-undang acara ini ialah, Kelantan, Melaka, Selangor, Sarawak dan Wilayah Persekutuan.

Lihat jadual 11.

Jadual 11

Perubahan Enakmen Acara Jenayah, Mal dan Keterangan

Negeri	Perkara	Tahun
Kelantan	Enakmen Acara Jenayah Syariah	1983
	Enakmen Acara Mal Syariah	1984
	Enakmen Acara Keterangan Mahkamah Syariah	1989
Melaka	Enakmen Acara Jenayah Syariah	1986
	Enakmen Acara Mal Syariah	1991
	Enakmen Acara Keterangan Mahkamah Syariah	1991
Selangor	Enakmen Kanun Prosedur Jenayah Syariah	1991
	Enakmen Kanun Prosedur Mal Syariah	1991
Pahang	Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah	1990
Serawak	Ordinan Acara Jenayah Syariah	1991
	Ordinan Acara Mal Mahkamah Syariah	1991
	Ordinan Keterangan Mahkamah Syariah	1991
W.Persukutuan	Akta acara Jenayah Syariah	1997
	Akta acara Mal Mahkamah Syariah	1997
	Akta acara Keterangan Mahkamah Syariah	1997

Sumber: *Jurnal Undang-undang IKIM*, Vol. 2, 1998

Banyak lagi akta yang perlu dipinda kerana ia akan menyentuh kewibawaan Mahkamah Syariah. Misalnya Akta Mahkamah Kehakiman 1964,²⁵³ Akta Keterangan 1960,²⁵⁴ Akta

²⁵³ Akta Mahkamah Kehakiman 1964, memperuntukkan jika terdapat pertentangan atau percanggahan antara akta itu dan mana-mana undang-undang bertulis lain kecuali Perlembagaan yang berkuatkuasa pada tarikh berkuatkuasa Akta itu, peruntukan Akta itu hendaklah mengatasi undang-undang yang lain itu. Lihat *Akta Mahkamah Kehakiman 1964* (pindaan 1991) Seksyen 4.

*Penjagaan Kanak-kanak 1961*²⁵⁵ dan *Akta Pemegang Amanah 1949*.²⁵⁶ Menurut Mohd Ridzuan, kerajaan telah berusaha untuk meningkatkan kewibawaan Mahkamah Syariah supaya menjadi institusi kehakiman yang berwibawa dan tidak dipertikaikan keputusannya.²⁵⁷ Justeru itu boleh dikatakan kebanyakan rang undang-undang acara dan keterangan di Mahkamah Syariah pada masa ini telah mengikuti porsedur kanun acara jenayah yang tidak bercanggah dengan kanun acara jenayah Islam.²⁵⁸

Perubahan juga berlaku kepada undang-undang keluarga, apabila Kerajaan telah memindahkan beberapa rang undang-undang keluarga Islam. Pada peringkat awal enakmen ini dimasukkan dalam enakmen pentadbiran agama Islam di bawah kuasa kadi atau Pegawai Hal Ehwal Agama Islam, tetapi ia telah diubah mengikut keperluan semasa. Lihat Jadual 12

Jadual 12

Enakmen Pentadbiran Agama Islam peringkat Awal

Negeri	Perkara/ Enakmen	Tahun
Johor	Enakmen Pentadbiran Agama Islam Johor	1949
Perak	Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak	1951
Selangor	Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor	1952
Kelantan	Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan	1953
Terengganu	Enakmen Pentadbiran Agama Terengganu	1955
Pahang	Enakmen Pentadbiran Agama Islam Pahang	1956

²⁵⁴ Menurut seksyen 112 Akta Keterangan 1950 mengenai kesahtarafan dan seksyen 100 mengenai tafsiran wasiat yang tidak bersesuaian dengan kehendak syariat. Lihat Akta Keterangan 1950 (pindaan 1956)

²⁵⁵ Akta ini dicadangkan tidak terpakai kepada hak jagaan kanak-kanak bagi orang Islam. Lihat *Akta Penjagaan Kanak-kanak, 1961* (Akta 351)

²⁵⁶ Perkataan "trust sepatutnya tidak termasuk wakaf dalam Akta ini". Lihat *Akta Pemegang Amanah, 1949* (akta 208).

²⁵⁷ Wawancara dengan Ridzuan Awang, op.cit..

²⁵⁸ Lihat Ahmad Ibrahim, op.cit., hal., 267

P/Pinang	Enakmen Pentadbiran Agama Islam Penang	1959
N/Sembilan	Enakmen Pentadbiran Agama Islam N.Sembilan	1960
Melaka	Enakmen Pentadbiran Agama Islam Melaka	1959
Kedah	Enakmen Pentadbiran Agama Islam Kedah	1962
Perlis	Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perlis	1963
Perak	Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak	1951

Sumber : *Jurnal Undang-undang*, Vol. 2, IKIM, 1998

Boleh dikatakan pada masa ini semua negeri telah mempunyai Undang-undang Keluarga Islam yang hampir sama. Keupayaan kerajaan negeri melakukan penyelarasan undang-undang ini memberi gambaran relatif tinggi cita-cita kerajaan untuk merealisasikan satu bentuk sistem perundangan yang seragam antara negeri-negeri di Malaysia. Dalam ertikata lain, perbezaan undang-undang ini akan dapat diatasi kalau pihak berkuasa negeri memberi kerjasama yang sebaiknya. Lihat Jadual 13.

Jadual 13

Senarai Beberapa Pindaan Undang-undang Keluarga Islam Negeri-negeri

Negeri	Perkara / Enakmen	Tahun
Kedah	Enakmen Undang-undang Keluarga Islam	1979, 1984.
Kedah	Enakmen Undang-undang Keluarga Islam	1979, 1984
N.Sembilan	Enakmen Undang-undang Keluarga Islam	1983
Kelantan	Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam	1983/85/1987
Selangor	Enakmen Undang-undang Keluarga Islam	1985
P. Pinang	Enakmen Undang-undang Keluarga Islam	1985, 1984
Terengganu	Enakmen Undang-undang Keluarga Terengganu	1984
Pahang	Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Pahang	1987
Johor	Enakmen Undang-undang keluarga Islam Johor.	1990
Serawak	Ordinan Keluarga Islam Sarawak	1991
Perlis	Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Perlis	(Draf)
Sabah	Enakmen Undang-undang Keluarga Islam	(Draf)

Sumber : *Jurnal Undang-undang*, Vol. 2 IKIM, Kuala Lumpur, 1998.

Perubahan undang-undang dan penyusunan semula Mahkamah Syariah adalah satu usaha kerajaan dalam mempertingkat martabat undang-undang Islam. Usaha-usaha yang dilakukan itu sebagai satu cerminan cita-cita relatif tinggi ke arah merealisasikan undang-undang Islam keseluruhannya. Perubahan tahap demi tahap itu satu pendekatan yang lazimnya dilakukan oleh mana-mana sistem pengurusan yang berpegang kepada kaedah perubahan secara evolusi. Malah ia tidak bertentangan dengan methodologi yang telah dianjurkan oleh Rasulullah saw iaitu 'al-Tadarrui fi al-Tasyri' [tahap demi tahap] dalam perlaksanaan undang-undang. Bagi pandangan Ahmad Ibrahim, dalam keadaan sekarang terpulanglah kepada Mahkamah Syariah dan hakim-hakim serta para pegawainya untuk menunjukkan bahawa hukum Syarak bukan sahaja sistem undang-undang yang terbaik dari aspek teori, akan tetapi dari aspek pelaksanaan praktiknya. Pada Ahmad Ibrahim, jika hakim-hakim dan pegawai Mahkamah Syariah gagal dalam tugas, bukan sahaja mereka dikecam akan tetapi hukum Syarak itu akan dikatakan tidak baik dan tidak adil.²⁵⁹

3.8 Islamisasi Sistem Ekonomi

Relatif tinggi cita-cita politik dalam melaksana Undang-undang Islam dapat dilihat melalui tindakan kerajaan melakukan proses Islamisasi dalam sistem ekonomi dan kewangan. Kerajaan melihat pelaksanaan undang-undang Islam ada hubungkaitnya dengan persoalan sistem ekonomi, kerana masalah ekonomi tergolong dalam lingkungan masalah syariat. Bagi kerajaan, penyelesaian masalah hidup masyarakat bebas dari belenggu kemiskinan, pengamalan sistem riba, pengagihan kekayaan yang tidak seimbang dan penindasan berlaku dalam sistem ekonomi dan kewangan menjadi agenda utama untuk diselesaikan. Usaha kerajaan untuk melakukan Islamisasi dalam sistem ekonomi adalah sebahagian daripada cita-cita relatif tinggi kerajaan kepada pelaksanaan undang-undang Islam. Usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan mewujudkan sistem ekonomi yang berlandaskan sistem ekonomi Islam adalah manifestasi kesedaran kerajaan untuk menjaga kepentingan Islam dan melepaskan umat

²⁵⁹ Ahmad Ibrahim, Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia, op.cit., hal. 73.

Islam dan pada terlibat dengan sistem riba. Wujudnya sistem ini akan mempermudah wujudnya sesuatu undang-undang atau akta yang tidak bercanggah dengan Islam.²⁶⁰

Usaha-usaha untuk mewujudkan sistem kewangan Islam telah dilakukan oleh cendekiawan Islam di seluruh dunia²⁶¹. Langkah ini diambil atas dasar kesedaran apabila melihat masyarakat Islam hari ini terus menerus terlibat dengan urusan mu'amalah secara riba²⁶². Titik permulaan tercetusnya keinginan untuk menujuhkan Bank Islam, hasil *daripada Kongres Ekonomi Bumiputera* tahun 1980.²⁶³ Pada tahun 1983, Bank Islam ditubuhkan di bawah Akta.²⁶⁴ Tengku Razali Hamzah Menteri Kewangan ketika itu mengungkapkan:

*Ini adalah tahap pertama usaha kerajaan untuk melakukan penerapan nilai-nilai Islam dalam bidang ekonomi di negara ini sebagai ganti kepada sistem kewangan yang berdasarkan kepada sistem ekonomi barat.*²⁶⁵

Ketika melancarkan BIMB, Mahathir Mohamad menyebut bahawa bank ini sebagai alternatif kepada sistem ekonomi Barat. Bahkan ia adalah tahap pertama kepada kewujudan

²⁶⁰ Buat masa ini kerajaan belum lagi mewujudkan satu rang undang-undang yang melarang umat Islam menggunakan sistem yang bertentangan dengan syariat Islam seperti mengamalkan riba. Walau bagaimanapun adalah tidak mustahil akta atau undang-undang itu boleh diwujudkan pada masa-masa akan datang sekiranya suasana persekitaran ekonomi menuntut persoalan tersebut. Walau bagaimanapun kerajaan telah memunda beberapa akta dagangan dan kewangan apabila institusi kewangan Islam dilaksanakan.

²⁶¹ Dubai Islamic Bank ditubuhkan pada tahun 1975, kemudian diikuti pula oleh Faisal Islamic Egyptian Bank dan Islamic Bank of Jordan 1978, Islamic Bank of Bahrain 1979, International Islamic Bank of Investment and Development, Luxembourg 1980. Lihat Zakaria Man, Islamic Banking: The Malaysian Experience, dlm M Ariff, 1988, hal. 69. Lihat juga Muazzam Ali, Ethics and Banking: A Growing Industry in New Horizon: Islamic Banking and Insurance, London: The Institute of Islamic Banking and Insurance, August 1992, hal. 16.

²⁶² Lihat Q., al-Baqarah (2): 275.

²⁶³ Norhashimah Mohd Yasin, Islamisation/Malaynisation: A Study on the Role of Islamic Law in the Economic Development of Malaysia: 1969 - 1993, Petaling Jaya: A S Noordeen, 1997, hal. 267.

²⁶⁴ Bank Islam Malaysia (BIMB), Penubuhan dan Operasi, Buku Panduan BIMB, Mac 1983, hal. 2.

²⁶⁵ Lihat New Strait Time, 6 Julai 1982, hal. 4.

pembinaan sistem kewangan Islam yang menyeluruh.²⁶⁶ *BIMB* beroperasi di bawah Akta Syarikat Awam (Public Limited Company) 1965, dan Akta Bank dan Institusi Kewangan 1973 atau Banking and Financial Institution Act 1983 yang mengamalkan sistem riba.²⁶⁷ Namun terdapat kekecualian ke atas Bank Islam apabila *Akta Bank Islam (ABI)* diwujudkan. Seksyen (2) *ABI* menyebut bahawa matlamat dan operasinya tidak akan ada penyertaan mana-mana elemen yang tidak dibenarkan oleh agama.²⁶⁸ Justeru itu definisi pembiagaan Bank Islam berdasarkan sistem muamalat Islam seperti Mudarabah, Musyarakah, Murabahah, Bai' Bi Thaman ajil, Bai' al-Salam, al Ijarah, al Wadi'ah dan al Wakalah yang sesuai dengan kaedah syariat.

Kerajaan melihat *BIMB* akan dapat memperkuatkan ekonomi umat Islam disamping melepaskan mereka daripada terlibat dengan amalan riba.²⁶⁹ Sokongan masyarakat kepada *Bank Islam* sangat memberansangkan. Misalnya pada tahun 1985 deposit pelangan sebanyak RM405 juta meningkat kepada RM 1,227 juta tahun 1989. Antara 30 Jun 1988 hingga 30 Jun 1989, akuan simpanan (*savings account*) meningkat daripada RM53 juta kepada RM187 juta, dan akuan pelaburan daripada RM729 juta kepada RM918 juta.²⁷⁰ Pada tahun 1996, harta *Bank Islam* sejumlah RM3.6 bilion, berbanding dengan RM171 juta pada tahun 1983. Sementara jumlah deposit bertambah daripada 77 juta kepada RM2.2 bilion, dan pada akhir 1996 jumlah

²⁶⁶ Lihat Utusan Malaysia, 19 Mei 1983, hal. 5.

²⁶⁷ Lihat Norhashimah Mohd Yasin, op.cit., hal 270.

²⁶⁸ Lihat Seksyen 2, Akta Bank Islam Sendirian Berhad.

²⁶⁹ Ucapan Persidangan UMNO, Mahathir Mohammad, di Perhimpunan Agong Ke 33UMNO, Kuala Lumpur: PWTC, 10 Sept. 1982, dlm *Panyata UMNO 82/83*, Ibu bejabat UMNO, hal. 388.

²⁷⁰ Lihat Laporan Tahunan BIMB 1985 - 1989.

Sendirian Berhad pada 29 November 1984 mengikut Akta Syarikat 1965. Kewujudan Syarikat Takaful mendorong kerajaan mewujudkan satu akta baru yang membolehkan Syarikat Takaful beroperasi. Kewujudan akta ini memberi satu gambaran bahawa cita-cita kerajaan dalam melaksana syariat Islam tetap wujud.

Tujuan Syarikat Takaful ialah ditubuhkan untuk menyediakan pelbagai khidmat insurans yang selaras dengan sistem mu'amalat Islam, di samping membersihkan perjalanan urusniaga Bank Islam yang memerlukan perkhidmatan insuran dalam urusniaganya. Dalam erti kata kewujudan lain Syarikat Takaful membolehkan urusniaga Bank Islam tidak dicengkam oleh urusniaga yang bertentangan dengan syariat.²⁷⁴ Syarikat Takaful melaksanakan urusniaganya dengan berlandaskan konsep takaful [kerjasama] dan mudarabah [perjanjian berkongsi untung rugi] yang sesuai dengan kehendak syariat. Skim Takaful bukan sahaja menarik minat peserta Islam tetapi juga golongan bukan Islam. Kecenderungan ini adalah kerana mereka yakin dengan keadilan sistem kewangan Islam.²⁷⁵ Ini memberi gambaran bahawa sekiranya sistem Islam itu diurus dengan baik dan memberi kepercayaan kepada masyarakat bukan Islam, adalah tidak sukar untuk meyakinkan masyarakat bukan Islam menerima sistem perundangan Islam yang lain.

Satu lagi usaha ialah menujuhkan sistem *Pajak Gadai* Islam atau *al-Rahn*.²⁷⁶ Institusi pajak gadai adalah institusi yang paling popular di kalangan masyarakat Melayu bawahan. Pada mereka institusi inilah yang paling sesuai dan senang untuk mereka menyelesaikan masalah kewangan yang dihadapi secara cepat. Secara sedar ataupun tidak, masyarakat Islam terpaksa

²⁷⁴ Sabri Solomon, "Bank Islam, Falsafah dan Organisasi", Kertas kerja pada Seminar Bank Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia, 25 Jun 1982, hal. 18.

²⁷⁵ Sabri Solomon, ibid., hal. 20.

²⁷⁶ Q., al-Baqarah (2): 283. Untuk mendapat perbincangan lebih lanjut tentang keharusan sistem ini sila rujuk Ibn Qudamah, al-Mughni, Mesir: Maktabah al-Qahirah, 1969. Lihat juga 'Abdullah b Hujazi al-Sharqawi, Fath al-Qadir al-Khair, Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi wa auladahi, 1351h.

menggunakan sistem pajak gadai konvesional, walaupun kadang-kadang mereka tahu ia banyak mendatangkan keburukan dan kerugian, kerana faedah pinjaman yang dikenakan adalah tinggi dan kalau tidak ditebus, barang mereka akan hilang.

Atas kesedaran inilah pada tahun 1993 kerajaan melalui Menteri Kewangan Anwar Ibrahim mengumumkan pelancaran projek *Pajak Gadai Islam (al-Rahn)*.²⁷⁷ Kewujudan skim perkhidmatan pajak gadai Islam, bermakna akta pajak gadai Islam perlu diwujudkan dan sudah tentu akta pajak gadai yang sedia ada perlu dipinda kerana ia tidak sesuai dengan kehendak Islam. Anwar Ibrahim ketika melancarkan skim tersebut mengatakan bahawa pajak gadai Islam boleh membantu masyarakat mengurangkan masalah kewangan dengan melaksanakan perkhidmatan mudah tunai serta kos perkhidmatan yang tidak membebankan pelanggan.²⁷⁸

Banyak pihak menyambut baik dan memberikan sokongan kepada skim yang dilancarkan itu. Antaranya *Persatuan Ulama Malaysia* (PUM) mengatakan bahawa skim ini akan memberi pilihan kepada umat Islam sama ada hendak menggunakan sistem riba atau beralih kepada sistem yang menurut kaedah Islam. Demikian juga pendapat yang dikemukakan oleh Ungku Aziz bahawa beliau berasa gembira apabila kerajaan mengumumkan cadangan untuk melaksanakan sistem pajak gadai Islam kerana dengan pelaksanaan skim itu akan dapat mengurangkan nilai kemiskinan dan menghapuskan golongan penindas dalam masyarakat. Hal yang sama juga telah dinyatakan oleh Hamdan Adnan Presiden *Persatuan Pengguna Malaysia* (FOMCA) merasakan bahawa satu usaha kerajaan untuk membela hak pengguna yang selama ini menjadi mangsa dan pada golongan yang mengambil kesempatan.²⁷⁹ Dengan terlaksananya sistem ini bererti satu lagi usaha kerajaan untuk merealisasikan sistem muamalat berdasarkan

²⁷⁷ Lihat **Mingguan Malaysia**, 22 Ogos 1993, hal. 4. Walau bagaimanapun sebelum Kerajaan Persekutuan melancarkan skim pajak gadai Islam ini, sebenarnya dua buah negeri telah melaksanakan sistem ini, iaitu Terengganu tahun 1991 dan Kelantan 1992.

²⁷⁸ Lihat **Berita Harian** 22 Ogos 1993, hal. 5.

²⁷⁹ Lihat **Berita Harian** 23 Ogos 1993, hal. 6.

kepada sistem muamalat Islam dan mengeluarkan umat Islam daripada belenggu riba dan penindasan.

Kesimpulannya kesediaan kerajaan memperkenal serta menawarkan perkhidmatan sistem mu'amalat ini, memberi satu sikap kerajaan bersedia untuk melaksanakan sistem perundangan Islam sekiranya sistem itu boleh menunjukkan satu prestasi yang baik dan dapat diteladani oleh masyarakat. Bagi kerajaan sistem mu'amalah ini penting diperkenalkan kepada masyarakat sebagai satu strategi kerajaan untuk meyakinkan semua pihak sama ada Islam atau bukan Islam bahawa sistem Islam adalah satu sistem yang adil dan mendatangkan kebaikan kepada mereka. Keterlibatan masyarakat bukan Islam dalam sistem yang diperkenalkan itu secara teorinya akan mempermudah kerajaan memperkenal sistem perundangan Islam yang lain dan akan mengurangkan rasa prejudis masyarakat bukan Islam terhadap keunggulan dan kesucian agama Islam. Di samping itu dengan kewujudan prasarana yang disediakan itu meletakkan kewujudan cita-cita kerajaan melakukan perubahan dan pindaan akta perihal perdagangan yang bertentangan dengan sistem kewangan Islam. Ini memberi erti sistem perundangan Islam akan dapat dilaksanakan bukan sahaja dari aspek jenayah (hudud) tetapi juga dari aspek muamalat.

Berdasarkan kepada tindakan-tindakan yang telah dilakukan dan beberapa dasar yang telah diperkenalkan oleh kerajaan dalam pelbagai aspek, seperti sistem kewangan Islam, penghayatan nilai-nilai murni dalam pengurusan, peningkatan taraf Mahkamah Syariah, penyusunan semula pentadbiran Jabatan agama Islam, penyediaan prasarana pendidikan untuk melahirkan para pengamal undang-undang yang berwibawa dan profesional, perubahan daya pemikiran dan corak kepimpinan kerajaan, boleh dijadikan kayu ukur cita-cita relatif tinggi kerajaan kepada pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia.

3. 9 Pandangan Pemimpin Politik tentang Cita-cita Kerajaan.

Cita-cita kerajaan bukan hanya dapat dilihat melalui usaha-usaha yang dilakukannya, tetapi juga dapat dinilai melalui pandangan dan pengiktirafan tokoh dan pemimpin masyarakat. Pandangan itu diperoleh untuk mendapat kepastian apakah relatif tinggi cita-cita kerajaan

melaksana undang-undang Islam, dan apakah usaha-usaha yang dilakukan kerajaan sebagai satu cerminan cita-cita mereka atau sebaliknya.

Kajian mendapati kalangan pemimpin politik iaitu 41.2 peratus menolak kerajaan mempunyai cita-cita relatif yang tinggi dalam melaksana undang-undang Islam. Penyelidikan melihat penolakan mereka itu bukanlah atas dasar ketidaksetujuan mereka tentang kewujudan cita-cita. Tetapi penolakan itu atas dasar ketidakpuasan hati mereka dengan sikap kerajaan dalam menangani isu berkenaan. Telahan ini dapat dilihat daripada kajian yang telah dilakukan kepada 177 orang pemimpin parti UMNO atau PAS. Mereka memperakui apa yang dilakukan oleh kerajaan pada hari ini mencerminkan cita-cita relatif tinggi kerajaan seperti melahirkan tenaga mahir dalam jurusan undang-undang syariah 85.9 peratus, usaha penerapan nilai-nilai Islam 81.9 peratus, penyelarasan pelaksanaan undang-undang Islam dan undang-undang Sivil 84.2 peratus, menubuhkan badan Perundingan Islam 60.5 peratus , menubuhkan Jawatankuasa teknikal penyelarasan undang-undang Islam dan sivil 79.1 peratus adalah cerminan tentang cita-cita kerajaan untuk sampai kepada pelaksanaan undang-undang Islam di negara ini. Jadual 2 menunjukkan secara menyeluruh tentang komen pemimpin parti terhadap usaha-usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan dalam mengaplikasikan cita-citanya.

Penilaian responden terhadap kewujudan cita-cita kerajaan ini berdasarkan kepada kefahaman responden dengan status sistem perundangan Islam itu sebagai satu sistem perundangan yang lengkap dan sempurna. Ini jelas apabila penyelidik melihat tahap kefahaman responden dengan undang-undang Islam agak baik dan memuaskan. Dalam ertikata lain, keputusan yang buat oleh responden dalam menentukan wujud ataupun tidak cita-cita kerajaan berdasarkan keilmuan yang mereka miliki. Jadual 1 memperlihat tahap kefahaman responden terhadap undang-undang Islam.

Jadual 1

Tahap kefahaman responden terhadap undang-undang Islam

Bil	Jenis Undang-undang	%
1	Undang-undang Jenayah	76.8
2	Undang-undang Keluarga	85.9
3	Undang-undang Kontrak	43.3
4	Undang-undang Keterangan	42.4
5	Undang-undang Tanah	58.2
6	Undang-undang Antarabangsa	40.1
7	Undang-undang Perlumbagaan	47.5
8	Undang-undang Sivil	45.8

Tahap kefahaman responden terhadap isu yang dibangkitkan agak tinggi, khususnya terhadap Undang-undang Keluarga iaitu 85.9 peratus diikuti oleh Undang-undang Jenayah 76.8 peratus, Undang-undang Tanah 58.2 peratus. Sementara undang yang lain seperti Undang-undang Kontrak 43.3 peratus, Undang-undang Keterangan 42.4 peratus, Undang-undang Perlumbagaan 47.5 peratus, Undang-undang Sivil 45.8 peratus dan Undang-undang Antara bangsa 40.1 peratus. Ini memberi erti responden masih dapat memahami undang-undang tersebut yang terangkum dalam sistem perundangan Islam.

Jadual 2

Program Kerajaan dalam mempamerkan cita-cita relatif tinggi melaksana Undang-undang Islam

Bil	Program/aktiviti	%
1	Melahirkan Pelajar-pelajar undang-undang Islam	85.9
2	Penerapan nilai-nilai Islam	81.9
3	Penyelarasan pelaksanaan undang-undang Islam dan sivil	84.2
4	Badan perundingan Islam	60.5
5	Jawatankuasa Teknikal Penyelarasan undang-undang Islam dan Undang-undang Sivil.	79.1

Penyelidik juga membuat tinjauan tentang sejauh manakah undang-undang yang telah disebutkan itu telah dilaksanakan di negara ini. Penyelidik mendapati tahap keyakinan responden terhadap pelaksanaan undang-undang Islam di negara ini agak tinggi, terutamanya Undang-undang Keluarga iaitu 90.9 peratus, diikuti oleh Undang-undang Perlembagaan 79.3 peratus, Undang-undang Pusaka 79.3 peratus, sementara Undang-undang Jenayah 20.7 peratus, Undang-undang Sivil 18.3 peratus dan Undang-undang Antarabangsa 18.3 peratus.

Jadual 3

Tahap Keyakinan responden terhadap Perlaksanaan Undang-undang Islam

Bil	Jenis Undang-undang diamalkan	%
1	Undang-undang keluarga	90.9
2	Undang-undang Jenayah	20.7
3	Undang-undang Perlembagaan	79.3
4	Undang - undang sivil	18.3
5	Undang - undang Antarabangsa	18.3
6	Undang-undang Pusaka	79.3

Tahap keyakinan responden ini menunjukkan ada persepsi tentang kesungguhan kerajaan dalam persoalan yang telah ditimbulkan. Bahkan boleh dikatakan elemen-elemen yang sesuai dengan roh dan kehendak Islam terdapat dalam sistem perundangan pada hari ini. Dan ini diperakui oleh mana-mana pihak bahawa Malaysia telah melaksanakan sebahagian daripada sistem perundangan Islam.

Responden juga diminta untuk menilai sejauh manakah wujudnya kesediann atau kemampuan kerajaan dalam melaksana undang-undang Islam. Hasil daripada penilaian responden didapati 44.1 peratus bersetuju bahawa kerajaan sudah bersedia untuk melaksanakan undang-undang Islam sementara 43.5 peratus belum bersedia dan 10.2 peratus kurang bersedia untuk melaksana undang-undang itu.

Jadual 4

Tahap kesedian Kerajaan melaksanakan Undang-undang Islam

Bil	Tahap kesediaan kerajaan	%
1	Sudah bersedia melaksanakan	44.1
2	Belum bersedia melaksanakan	43.5
3	Kurang bersedia melaksanakan	10.2

Penilaian responden terhadap tahap kesedian kerajaan ini agak rendah, tidaklah bermaksud untuk menafikan kewujudan cita-cita kerajaan dalam melaksana undang-undang Islam, tetapi ia berkait rapat dengan tahap keupayaan kerajaan untuk melaksana undang-undang tersebut. Sementara tahap keupayaan kerajaan berkait rapat sejauh manakah prasarana yang telah disediakan oleh kerajaan untuk memastikan undang-undang itu dapat dilaksanakan, dan sejauh manakah pula halangan-halangan yang terpaksa dihadapi oleh kerajaan untuk melaksananya.

Penyelidik mendapati daripada penilaian yang dilihat oleh responden, wujud beberapa halangan yang perlu diambil kira oleh kerajaan dalam usaha untuk merealisasikan undang-undang Islam di negara ini. Daripada penilaian responden, penyelidik mendapati halangan yang perlu dihadapi oleh pemerintah bukan sahaja tertumpu dari aspek teknikal tetapi juga meliputi bidang lain yang lebih asas, seperti kefahaman masyarakat, keterbatasan cita-cita dan kerenah birokrasi. Responden meletakkan masyarakat belum memahami undang-undang Islam iaitu 55.4 peratus sebagai halangan pertama kepada kesedian kerajaan untuk melaksana undang-undang Islam. Kemudian diikuti oleh kekurangan sumber manusia yang terlatih 46.3 peratus, tidak ada cita-cita di kalangan pemerintah dan sistem perundangan Islam semasa belum mantap 41.2 peratus, sekatan dari Perlembagaan Persekutuan 40.7 peratus, ke arenah birokrasi dan parti politik tidak ada cita-cita 39.5 peratus, masyarakat majmuk 39 peratus, tiada sokongan daripada ahli akademik 22.6 peratus dan ancaman musuh luar negara 22 peratus.

Jadual 5

Jenis halangan pelaksanaan undang-undang Islam

Bil	Tahap halangan	%
1	Kerenah Birokrasi (pegawai kerajaan, pegawai undang-undang)	55.4
2	Kekurangan Sumber Manusia yang terlatih	46.3
3	Masyarakat Majmuk	39
4	Masyarakat belum memahami undang-undang Islam	39.5
5	Tidak ada Cita-cita di kalangan pemerintah	41.2
6	Ancaman dari musuh luar negara	22
7	Parti politik tidak ada cita-cita	39.5
8	Sekatan daripada Perlembagaan Persekutuan	40.7
9	Sistem perundungan Islam semasa belum mantap	41.2
10	Tidak ada sokongan ahli akademik	22.6

Berdasarkan penilaian responden tersebut jelas memperlihat kesediaan kerajaan dalam melaksana undang-undang Islam perlu disesuaikan dengan batas halangan yang terpaksa dihadapinya. Ini bermakna cita-cita kerajaan tetap ada untuk merealisasikan undang-undang Islam, namun cita-cita itu perlu disesuaikan dengan halangan-halangan yang telah diperkatakan.

Responden juga melihat cita-cita bukanlah menjadi faktor yang dominan mengapa kerajaan belum dapat melaksana undang-undang Islam. Responden lebih bersedia meletakkan kefahaman masyarakat terhadap undang-undang Islam menjadi punca yang serius mengapa kerajaan belum dapat melaksana undang-undang itu, iaitu 50.8 peratus, kemudian diikuti oleh belum ada usaha yang gigih daripada semua pihak 42.4 peratus, kerajaan belum cukup keupayaan untuk melaksanakannya 31.6 peratus, sementara kerajaan tidak mempunyai cita-cita 27.1 peratus. Penilaian responden yang rendah terhadap cita-cita kerajaan kepada pelaksanaan undang-undang Islam memberi erti bahawa responden yakin kerajaan mempunyai cita-cita untuk melaksana undang-undang Islam di negara ini.

Jadual 6

Faktor Kerajaan belum dapat melaksanakan undang-undang Islam

Bil	Punca belum dapat dilaksanakan	%
1	Masyarakat belum dapat memahami Undang-undang Islam	50.8
2	Kerajaan tidak mempunyai cita-cita melaksanakannya	27.1
3	Kerajaan belum cukup keupayaan melaksanakannya	31.6
4	Mendapat tantangan daripada golongan non-Muslim	13.6
5	Belum ada usaha yang gigih daripada semua pihak	42.4

Berdasarkan kepada jadual di atas, walaupun kerajaan belum mampu melaksanakan undang-undang Islam di negara ini, namun ia telah cuba mengatasi masalah itu mengikut kadar keupayaan yang ada. Antaranya kerajaan telah melakukan siri penerangan sama ada melalui siaran media elektronik atau cetak untuk memberi kefahaman kepada masyarakat tentang kepentingan dan kebaikan sistem Perundangan Islam. responden melihat apa yang dilakukan oleh kerajaan itu boleh membantu mereka memahami sistem perundangan itu lebih mendalam. Responden juga telah membuat penilaian tentang tahap komitmen kerajaan dalam mengatasi ketidakfahaman masyarakat mengenai undang-undang Islam melalui bidang kuasa yang diperuntukan kepadanya. Jadual 7 boleh memberikan gambaran terhadap usaha-usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan.

Jadual 7

Usaha dan Pendekatan Kerajaan

Bil	Alat membantu pelaksanaan undang-undang Islam	Sangat membantu	Membantu
1	Penerangan di TV dan Radio	49.2	29.4
2	Penerbitan Majalah, Jurnal, Buku dan Akhbar	61	25.4
3	Kelas Agama	76.3	12.4
4	Seminar, Dialog, Diskusi, Ceramah	57.6	26

Responden juga mengakui bahawa institusi yang berfungsi dalam masyarakat dalam memberi kefahaman kepada sistem perundangan Islam seperti institusi kepimpinan, institusi keluarga dan institusi pendidikan memainkan peranan penting mendorong masyarakat untuk

memahami sistem perundangan Islam. Jadual 8 membayangkan tahap keyakinan responden terhadap institusi berkenaan berfungsi sebagaimana yang dipertanggungjawabkan kepadanya.

Jadual 8

Pengaruh institusi dalam membantu memahami undang-undang Islam

Bil	Institusi	Sangat membantu	Membantu
1	Institusi Keluarga	57.1	27.1
2	Institusi Pendidikan Formal	50.3	35
3	Institusi Kepimpinan dalam Masyarakat	38.4	45.8

Selain daripada institusi yang telah disenaraikan dalam Jadual 8, kerajaan juga telah menyediakan beberapa institusi lain yang dikira sebagai cerminan kepada cita-cita pelaksanaan undang-undang Islam. Penilaian responden mengenai sejauh manakah institusi tersebut menunjukkan tahap cita-cita kepada perlaksanaan undang-undang Islam?. Jadual 9 memperlihat tahap penilaian responden mengenai peranan yang telah dilakukan oleh institusi berkenaan kepada pelaksanaan undang-undang Islam.

Jadual 9

Tahap menunjukkan kewujudan cita-cita pelaksanaan undang-undang Islam

Bil	Institusi	%
1	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia/ Jabatan Islam Negeri	57.1
2	Institusi Pendidikan Islam (Universiti-universiti)	71.8
3	Institut Kefahaman Islam Malaysia	72.3
4	Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia	70.1

Demikian juga dari aspek pendekatan, responden berpendapat pendekatan yang digunakan oleh kerajaan pada hari ini adalah sesuai sekali dengan tahap keupayaan yang mereka ada. Dalam ertikata lain pendekatan yang digunakan oleh kerajaan adalah sesuai dengan kondisi dan kemampuan mereka, seperti beransur-ansur dalam pelaksanaan undang-undang dan sebagainya. Lihat Jadual 10

Jadual 10
Kesesuaian Pendekatan yang digunakan oleh Kerajaan.

Bil	Pendekatan yang sesuai	%
1	Pendekatan beransur-ansur	63.3
2	Menggantikan undang-undang sivil yang sedia ada	33.3
3	Membaiki undang-undang sivil yang ada	29.9
4	Mengambil kira kehendak dan kemahuan non-muslim	26
5	Tidak perlu berlabelkan Islam	13.3

Walaupun pendekatan yang disenaraikan itu selalunya tidak digunakan sepenuhnya oleh kerajaan, namun sekurang-kurangnya kita dapat mengetahui berdasarkan kepada Jadual di atas jelas menunjukkan bahawa kerajaan telah cuba berusaha mengatasi masalah yang dihadapi sedaya mungkin walaupun belum sampai ke tahap maksima. Usaha-usaha yang dilakukan itu memberi gambaran bahawa kerajaan mempunyai cita-cita untuk melaksanakan undang-undang Islam sebagaimana yang telah dihuraikan pada permulaan tajuk ini.

3.10 Penutupan

Analisa ini jelas memperlihat kebanyakan responden menyatakan cita-cita relatif tinggi kerajaan untuk melaksana undang-undang Islam. Usaha-usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan dalam semua aspek yang telah dibicarakan dalam Bab ini mencerminkan komitmen kerajaan dalam memastikan undang-undang Islam dapat dilaksanakan di negara ini mengikut tahap pemikiran dan keupayaan keupayaan. Yang menjadi pertikaian mereka ialah dari aspek metodologi iaitu bagaimanakah undang-undang itu dapat dilaksanakan dan bukan dari aspek wujud atau tidaknya cita-cita.